

**Bil. 3**

**Khamis  
8 April 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 15)
<b>USUL:</b>	
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]</i>	(Ruangan 15)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N., S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Darnit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

Yang Berhormat Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

**Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)**

- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
	:	Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 8 April 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****KAWASAN PUSAT PERINDUSTRIAN DAN PERUMAHAN -  
RANCANGAN PENEMPATAN**

1. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai perkembangan pusat industri-industri dan perumahan di Kapar yang tidak teratur di mana kilang-kilang dibuka di kawasan perumahan yang mengancam kesihatan dan keselamatan penduduk. Apakah rancangan kementerian untuk menempatkan kilang-kilang di zon industri (zoning of the factories) yang berasingan dan jauh dari kawasan perumahan yang ada.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, pelan pengezonan guna tanah bagi kawasan ini telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor yang dibantu oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Persekutuan. Untuk memandu penggunaan tanah bagi pembangunan di kawasan Kapar, amalan perancangan sekarang tidak menyokong pembinaan industri dalam kawasan yang telah dizonkan untuk perumahan. Begitu juga sebaliknya, iaitu tidak menyokong pembinaan rumah dalam zon industri. Sekiranya terdapat kilang-kilang di dalam zon perumahan, kemungkinan besar ianya dilaksanakan tanpa kelulusan pihak berkuasa rancangan tempatan. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat dinasihatkan membangkitkan perkara ini dengan pihak berkuasa negeri Selangor.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada banyak tempat di industri-industri terdapat orang mengidap penyakit paru-paru seperti bronchitis, lelah dan lain-lain. Saya ingin tahu adakah cadangan sementara untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyakit yang berlaku di kawasan-kawasan perumahan yang diakibatkan oleh industri atau kilang yang terdapat di sana, saya rasa perkara ini patut dilaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan, iaitu hospital-hospital atau pihak kesihatan negeri dan juga pihak kesihatan yang berkaitan dengan penyakit-penyakit ini di peringkat kementerian yang berkenaan. Kerana dari segi perancangan ini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat kita sudah sediakan pelan guna tanah atau struktur pelan bagi kawasan Kapar tersebut iaitu di dalam daerah Klang di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa. Pelan ini juga sudah diterima dan digunapakai oleh pihak negeri.

Sebab itulah saya rasa segala rintangan yang berlaku sebab ada perletakan industri di dalam kawasan perumahan, itu bukan dari segi tidak salah tetapi tidak berpandukan kepada pelan struktur yang sedia ada. Itu di luar pelan. Kalau sebab itulah saya rasa perkara-perkara ini patut dihuraikan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga kepada pihak negeri termasuk juga kalau ada penyakit yang berlaku kepada pihak jabatan kerajaan yang berkenaan untuk diselesaikan.

**PEKERJA ASING BEKERJA DENGAN MAJIKAN LAIN –  
TINDAKAN JABATAN IMIGRESEN**

2. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja asing yang dilaporkan kian ramai melarikan diri daripada majikan asal dan bekerja secara haram dengan majikan lain.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen akan membatalkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing yang didapati melarikan diri daripada majikan asal apabila dilaporkan oleh majikan berkenaan dan pekerja asing berkenaan akan disifatkan sebagai pendatang tanpa izin. Jika didapati ada majikan lain yang menggaji pekerja asing yang melarikan diri itu, tindakan akan diambil ke atas majikan tersebut kerana menggaji pendatang tanpa izin di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang dari RM10,000 dan tidak lebih daripada RM50,000. Jika menggaji lebih daripada lima orang pekerja tanpa izin dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman tambahan, iaitu penjara tidak kurang dari enam bulan tetapi tidak lebih dari lima tahun.

Bagi pekerja asing berkenaan pula mereka akan dihantar pulang ke negara asal dan kos menghantar pulang akan ditanggung oleh majikan yang menggaji mereka secara haram itu.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah pekerja asing yang berada di dalam negara kita mengikut sektor yang berkenaan dan juga punca-punca yang utama yang mengakibatkan pekerja-pekerja asing ini melarikan diri mereka daripada majikan asal?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang sah yang mempunyai permit kerja di negara kita jumlahnya ialah 713,821 orang. Mereka ini berada di sektor pembantu rumah 138,774 orang, perkilangan - 232,802, perladangan - 166,603, pembinaan - 104,217, perkhidmatan - 70,407 dan lain-lain - 1,018 orang.

Antara sebab mereka melarikan diri yang dapat saya tahu ialah kadangkala ada orang tengah yang tidak bertanggungjawab. Mereka cuba hendak dapat keuntungan yang cepat. Mereka akan tawarkan pekerja-pekerja tanpa izin ini kepada majikan lain. Selalunya majikan lain selalu kata tidak tahu bahawa mereka adalah pekerja tanpa izin. Pada hal itu tidak boleh diterima sebagai alasan kerana dasar kita ialah tidak boleh kita ambil direct mana-mana pekerja asing yang berada di negara ini, kecuali mereka terlebih dahulu mendapat kelulusan. Ada juga di antara pekerja-pekerja yang larikan diri ini dia ada masalah peribadi ataupun sebab-sebab tertentu sehingga mereka hendak tukar majikan, maka mereka dipujuk dan mereka larikan diri.

Saya ingin mengingatkan majikan yang mengambil pekerja secara sewenang-wenangnyanya bahawa mereka itu tidak akan dikecualikan daripada tindakan. Tindakan tegas untuk dakwa mereka ikut Akta Imigresen tetap akan dijalankan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut polisi kerajaan sekarang selain daripada sektor-sektor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya ingin tahu pekerja dari negara mana dan dalam bidang apa yang dibenarkan untuk bekerja di negara kita. Kerajaan membenarkan pekerja asing bekerja di hotel-hotel dan di restoran-restoran. Adakah ini bermakna pekerja asing dapat bekerja di gerai-gerai atau di warung-warung dan sebagainya?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum pengumuman semalam atau dua hari yang lalu kerajaan memang telah membenarkan sektor-sektor seperti perladangan, pembinaan iaitu kilang dan industri perkilangan dan pembinaan untuk

infrastruktur. Itu memang selama ini dibenarkan. Selepas pengumuman dua hari yang lalu kita benarkan lagi sektor perkhidmatan tetapi bukan sekali gus bagi semua, ada tempat-tempat yang tertentu seperti restoran. Bukan semua gerai boleh, hanya restoran yang beroperasi di rumah kedai, di ruang perniagaan di kompleks-kompleks beli-belah yang berlesen, saya tekankan kedai yang berlesen. Tetapi pasar malam dan semua gerai itu tidak boleh. Kalau restoran di hotel tiga star ke atas itu pun tidak boleh. Sebab hotel tiga star ke atas ini kita kena melindungi orang kita. Mereka kena bayar gaji lebih tinggi bagi orang Malaysia bekerja di situ, sebab tempat itu lebih selesa, lebih boleh menarik tenaga kerja kita.

Di restoran pun bukan semua tempat. Di bandar-bandar yang utama seperti di semua kedai di Lembah Klang, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Melaka, Johor Bahru. Hanya tempat-tempat itu yang dikatakan restoran boleh menarik pelancong, boleh membantu untuk memulihkan ekonomi. Negara asal pada keseluruhannya kita tidak benarkan mereka yang datang dari Indonesia dan Thailand, cuma tukang masak. Tukang masak kita benarkan dari negara-negara lain kalau sekiranya mereka dapat buktikan mereka ada kemahiran, dan tukang masak ini boleh bantu kita supaya restoran kita boleh menarik pelancong juga.

#### **PERUNTUKAN TAHUN 1998 BAGI KEMENTERIAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN – TINDAKAN KERAJAAN**

3. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah peruntukan bagi tahun 1998 yang telah diluluskan tetapi tidak dapat dibelanjakan mengikut kementerian masing-masing. Mengapakah perkara ini boleh berlaku dan nyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu iaitu tahun 1998 kerajaan telah memperuntukkan RM57,239 juta untuk belanja mengurus. Daripada jumlah tersebut 99.1% telah dibelanjakan, iaitu RM530 juta telah tidak dibelanjakan daripada peruntukan mengurus. Ini bermakna bahawa tidak ada shortfall atau kurang belanja dalam peruntukan belanja mengurus Kerajaan Persekutuan.

Bagi perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan RM21,108 juta, yang dibelanjakan ialah RM18,103 juta. Ini bermakna bahawa RM3,005 juta telah tidak dibelanjakan. Dengan itu shortfall ataupun kurang belanja perbelanjaan pembangunan ialah 14.2%. Saya ingin merumuskan bahawa bagi belanja mengurus tidak ada shortfall, bagi belanja pembangunan ada shortfall sebanyak 14.2% tahun lalu.

Di antara kementerian-kementerian, jabatan yang mempunyai shortfall yang tertinggi ialah Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Sumber Manusia. Malah 30% daripada shortfall ini ialah berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, iaitu RM1.07 ribu juta telah tidak dibelanjakan oleh Kementerian Pertahanan kerana perbelanjaan ini adalah untuk offshore petrol vessel (OPV) yang mana perjanjiannya tidak dapat dimuktamadkan pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kenapa shortfall ini berlaku antara lainnya ialah kerana perubahan dasar. Pada awal tahun kita buat keputusan untuk mengurangkan peruntukan pembangunan daripada RM18 ribu juta kepada RM14 ribu juta, pengurangan sebanyak RM4 ribu juta. Selepas itu bulan Julai tahun lalu kita buat keputusan untuk menambah peruntukan. Oleh itu, ada timbul sedikit keadaan kelam-kabut di mana jabatan-jabatan agak sukar hendak menyesuaikan dengan keadaan baru ini. Antara sebab lain juga ialah kerana prosedur tender yang terlalu rumit, kegawatan ekonomi telah menjejaskan prestasi kontraktor-kontraktor kesukaran mendapat tapak. Ini antara sebab-sebab kenapa shortfall berlaku.

Seterusnya langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini, yang pertama kita ada pemantauan projek-projek yang dibuat oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri di mana kemajuan fizikal projek-projek diteliti dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini baru ditubuhkan sejak kita mengalami masalah shortfall.

Yang kedua, di Kementerian Kewangan kita ada jawatankuasa untuk memantau dari segi pelaksanaan kontrak dan juga perancangan kewangan (financial planning). Jadi, kita ada dua jawatankuasa dalam kerajaan, satu di ICU dan satu lagi di Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa pada tahun ini masalah yang kita hadapi tahun lepas tidak akan dihadapi.

Selain itu kita juga mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan bayaran. Kita telah mengeluarkan satu surat pekeliling di mana jabatan berkenaan hendaklah membuat bayaran sebaik sahaja tuntutan diberikan dalam tempoh yang amat singkat 50% bayaran perlu diselesaikan oleh jabatan berkenaan. Yang kedua, Kementerian Kewangan telah memberikan kuasa yang lebih kepada jabatan-jabatan. Sebelum ini tender-tender yang telah melebihi RM15 juta perlu dirujuk di Kementerian Kewangan. Pada masa ini tender-tender yang cuma melebihi RM30 juta sahaja perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Kita didapati jabatan telah mengadu antara sebab kenapa terdapat kelewatan projek, ialah kelewatan Kementerian Kewangan menimbang tender. Oleh itu, kita telah memberi kuasa yang lebih kepada jabatan di mana tender yang lebih daripada RM30 juta sahaja yang perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan berbanding dengan RM15 juta sebelum ini.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengenakan surcaj kepada pihak-pihak yang sengaja melewatkan projek atau sengaja melewatkan bayaran. Terima kasih.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa peruntukan-peruntukan pembangunan khususnya untuk negeri Kelantan pada tahun lepas tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Ini adalah kerana kerajaan negeri tidak memberi kerjasama untuk menjalankan projek-projek ini terutamanya dari segi pemilikan tanah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan berhubung dengan proses untuk mendapatkan tanah dan mempercepatkan pengambilan balik tanah ini bagi meneruskan semua projek pembangunan di negeri Kelantan supaya rakyat Kelantan tidak dianiaya dari segi ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pertama, di Kelantan ialah proses pengambilan tanah yang mengambil masa yang lama. Saya kira soalan ini lebih tepat ditanya kepada wakil-wakil kerajaan negeri yang ada dalam Dewan pada hari ini. Memanglah beberapa projek terpaksa, bukan wakil kerajaan negeri tetapi wakil-wakil rakyat daripada PAS dari Kerajaan Negeri Kelantan dalam Dewan ini.

Jadi, pengambilan tanah ini satu perkara masalah yang kita hadapi dan kita sedang berusaha untuk memastikan masalah ini tidak timbul. Tetapi bagi projek-projek tertentu untuk sekolah, klinik dan lain-lain kita tidak ada masalah besar, kita ada masalah untuk projek-projek lain tertentu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah di atas usaha yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan segala peruntukan akan dapat dibelanjakan sepertimana yang telah dirancang.

Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, untuk tahun 1999 sebagai contoh, sekarang ini kita sudah masuk bulan April, berapa banyakkah peruntukan-peruntukan yang telah dibelanjakan? Adakah ia mengikut sepertimana yang telah dirancang oleh pihak kementerian?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tahun ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM18.053 ribu juta untuk perbelanjaan pembangunan dan

dengan langkah-langkah yang telah diambil kita berharap perbelanjaan ini dapat kita buat sebaik mungkin. Malangnya setakat ini perbelanjaan tidaklah begitu membanggakan. Saya hendak membaca angka-angka bulan Januari, Februari, Mac yang kita ada. Pada bulan Januari cuma RM3.8 juta yang dibelanjakan, bulan Februari RM290 juta, bulan Mac RM639.1 juta. Jadi daripada bulan Januari hingga bulan Mac kita cuma membelanjakan RM932.98 juta.

Mengikut perancangan kita menjangka belanja kira-kira perancangan dibuat oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM1.95 ribu juta. Bermakna pencapaian kita daripada bulan Januari hingga bulan Mac cuma 47.9%. Oleh itu, Kementerian Kewangan akan meneruskan usaha khususnya melalui dua jawatankuasa yang ditubuhkan ini, memastikan projek-projek dapat dilaksanakan secepat mungkin. Matlamat kita tahun ini ialah untuk tidak ada shortfall langsung, dengan lain perkataan, kita berharap akan dapat membelanjakan sepenuhnya jumlah perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan.

#### **PENGGABUNGAN BBMB DAN BOC DAN PENGAMBILALIHAN OLEH CAHB -**

4. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah pengambilalihan BBMB oleh CAHB perlu dilakukan dan memaksa penggabungan operasi dua bank besar (BBMB dan BOC) dan apakah jaminan kepada masa depan dan syarat pekerjaan 11,000 kakitangan terlibat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada 13 April akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggabungan antara Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) dan Bank of Commerce (BOC) merupakan satu penggabungan sukarela, bukannya satu paksaan, ianya merupakan satu keputusan perniagaan strategik dan tidak ada campur tangan mana-mana pihak. Penggabungan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan iaitu kita hendak menggalakkan penggabungan institusi kewangan untuk memperkukuh dan memperkembangkan sistem perbankan negara supaya institusi kewangan mampu bersaing bukan sahaja dalam negara tetapi juga dengan institusi-institusi daripada luar negara. Penggabungan ini telah melahirkan banyak manfaat kepada institusi kewangan, antaranya, memperkukuhkan modal institusi yang bergabung, mempertingkatkan keupayaan menghadapi kemerosotan ekonomi, mempertingkatkan daya saing institusi berkenaan dan ia juga diharapkan mempunyai kesan positif terhadap keuntungan institusi yang bergabung dan pelanggan-pelanggan juga akan dapat menyimpan simpanan mereka di institusi kewangan lebih kukuh dan besar. Itu antara sebab kenapa kerajaan menggalakkan penggabungan.

Dalam semua usaha penggabungan langkah-langkah untuk merasionalisasikan keperluan tenaga kerja adalah dilakukan bagi mengelakkan pertindihan kerja. Oleh yang demikian isu masa depan pekerjaan kakitangan BBMB akan ditentukan sepenuhnya oleh bank gabungan BBMB dan BOC yang diberi nama baru, seperti sedia maklum Bumiputera Commerce Bank Berhad. BBMB mempunyai kira-kira 11 ribu orang kakitangan manakala BOC mempunyai 2,103 orang kakitangan, menjadikan jumlah kakitangan kedua-dua institusi seramai 13,180 orang kesemuanya.

Seperti yang telah diumumkan hasil daripada penggabungan ini akan ditubuhkan sebuah lagi Bank Islam iaitu Bank Islam yang kedua di Malaysia dan kita

menjangkakan kira-kira satu ribu orang daripada kakitangan Bank Bumiputera akan diserapkan ke dalam Bank Islam yang baru ini. Oleh itu kita menjangkakan masalah kakitangan BOC khususnya BBMB bukan merupakan satu isu besar dalam penggabungan ini dengan penyerapan kira-kira seribu orang kakitangan BBMB dalam Bank Islam yang kedua yang akan ditubuhkan oleh kerajaan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini apabila kerajaan telah menubuhkan Danaharta dan Danamodal, dimaklumkan bahawa kedua-dua ini akan mengambil NPL daripada BBMB. Semuanya adalah on face value. Apakah justifikasi bahawa Danaharta dan sebagainya mengambil atas face value, walhal bank-bank yang lain itu ada NPL diambil dengan diskaun dan apakah rasional kerajaan mengatakan bahawa penggabungan bank adalah digalakkan tetapi pada perkara yang lain kerajaan apabila mengarahkan kedua-dua bank ini membenarkan satu bank yang baru disediakan dan bank yang disediakan adalah bank yang baru dan kecil dan tidak ada satu sistem yang rasional. Jadi apakah justifikasi kerajaan?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Mengenai pengambilan NPL on face value, dengan izin, inilah kerana BBMB merupakan milik Menteri Kewangan Diperbadankan, juga khazanah nasional iaitu milik kerajaan. Mengenai rasional penggabungan BOC dikatakan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan sebagai bank yang kecil memanglah secara relatifnya saiznya lebih kecil daripada BBMB tetapi bank ini mempunyai prestasi yang baik. Sebelum ini ia telah bergabung dengan sebuah bank yang lain, pengurusannya adalah pengurusan yang terbukti telah mampu untuk membawa keuntungan kepada BOC dan kita menyakini dengan pengurusan yang lebih baik oleh BOC ini, maka entiti baru iaitu bank yang digabungkan ini mampu untuk mencatatkan prestasi yang lebih membanggakan dan dengan itu memperbaiki kedudukan BBMB sebagai sebuah institusi yang sebelum ini mempunyai sedikit sebanyak masalah.

**Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hemat saya antara faktor yang memaksa penggabungan kedua-dua bank ini ialah masalah kelemahan pengurusan dan hutang yang banyak yang dialami oleh BBMB. Jadi soalnya, apakah dengan penggabungan ini masalah-masalah seperti ini akan dapat diatasi dan dipastikan tidak akan berulang pada masa-masa yang akan datang?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan tidak boleh hendak beri gerenti ataupun jaminan bahawa satu syarikat swasta ataupun bank itu akan sentiasa mencatatkan prestasi yang baik dalam erti kata tahun demi tahun mencatatkan keuntungan. Ini bergantung kepada pengurusan yang berkenaan. Kerajaan menjaga dan sebaik mungkin menetapkan garis panduan untuk membolehkan bank-bank beroperasi tetapi untuk memberi gerenti bahawa prestasi akan sentiasa pada tahap yang tinggi, ini satu perkara yang di luar kemampuan kerajaan.

Dalam pada itu kita yakin BBMB memanglah salah satu bank yang menghadapi masalah NPL yang tinggi, masalah hutang tidak berbayar yang tinggi dan dengan pengurusan yang baik yang ada pada BOC ini, kita mempunyai keyakinan inilah sebabnya kenapa kerajaan bersetuju dengan penggabungan ini iaitu sebuah bank yang walaupun kecil mempunyai pengurusan yang cekap, yang baik, mampu untuk meningkatkan prestasi sebuah bank yang menghadapi masalah sedikit sebanyak sebelum ini dan kita mempunyai keyakinan bahawa ia akan menjadi salah satu daripada institusi kewangan yang terkemuka di negara ini dengan penggabungan yang akan disempurnakan, insya-Allah dalam empat, lima bulan ini.

**PELAJAR SEKOLAH MENJADI ATLET PROFESIONAL –  
RANCANGAN JANGKA PANJANG**

5. **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan kementerian secara jangka panjang untuk melatih pelajar-pelajar sekolah supaya menjadi atlit-atlit profesional di dalam bidang sukan. Apakah rancangan ini telah berjaya jika sekiranya telah dilakukan. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian sama ada kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan atau lain-lain kementerian.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang menyediakan kertas kerja program pembangunan atlet sekolah bagi persediaan Sukan Olimpik Tahun 2008. Visi program ini ialah untuk melahirkan atlit bertaraf dunia. Walaupun Kementerian Pendidikan menghadapi masalah peruntukan kewangan yang agak terhad akibat kegawatan ekonomi, sokongan daripada pihak swasta dan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam bidang sukan tetap diterima.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan juga mendapat kerjasama yang baik daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas kita mengadakan Sukan Komanwel dan sedikit sebanyak kita telah berjaya, sebagai hos kita amat berjaya dan sebagai atlet pun tidak kurang kejayaannya. Tetapi masih banyak orang mengatakan iaitu atlet-atlet yang maju daripada negara-negara yang maju yang boleh mencapai peringkat dunia adalah atlet-atlet yang berpendidikan dan bersekolah tinggi dan juga mempunyai intelek yang tinggi, jadi mempunyai satu strategi dan idea-idea baru untuk mempertingkatkan mutu persembahan mereka. Jadi atlet Malaysia adalah di kalangan drop-out dan orang yang tidak berkemampuan menyambung persekolahan mereka. Jadi persoalan saya, apakah tindakan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan untuk meningkatkan pendidikan supaya atlet-atlet yang berkemampuan fizikal ini akan mempunyai kemampuan mental seterusnya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar bahawa atlet-atlet yang berjaya di sekolah merupakan drop-out. Bahkan keputusan SPM yang baru-baru ini diumumkan, kebanyakan mereka mempunyai kelulusan 10A, 9A, 8A dan 7A juga merupakan atlet-atlet yang baik di peringkat sekolah, negeri dan sebagainya. Dan Kementerian Pendidikan akan terus menyeimbangkan kebolehan dari segi mental dan fizikal melalui program-program sekolah-sekolah sukan seperti sekolah yang ada di Bukit Jalil supaya pelajar-pelajar yang mempunyai potensi kita salurkan ke sekolah-sekolah tersebut dan mereka juga terus boleh mmpertingkatkan kebolehan mereka dari segi akademik dan juga fizikal. Dan kita yakin dengan program ini kita akan mempunyai atlet-atlet yang bertaraf dunia dari segi mental dan juga fizikal.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa sekolah-sekolah di negara kita lebih cenderung kepada kejayaan akedamik dan bukan atlet dan jika benar apakah perancangan spesifik kementerian untuk melatih ramai lagi pelajar sekolah menjadi atlet profesional. Sekian.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa kedua-dua adalah penting - pencapaian akademik dan juga pencapaian dalam bidang kegiatan fizikal – sukan dan sebagainya. Kita juga akan terus memberikan prihatin kepada kedua-dua bidang tetapi dari segi keputusan tentang penglibatan aktiviti-aktiviti oleh pelajar-pelajar sendiri, mereka haruslah pilih mengikut kepentingan mereka sendiri dan tidak boleh dinafikan disebabkan pada masa sekarang Malaysia berada dalam proses pembangunan ekonomi memang pencapaian dari segi akademik adalah penting untuk pelajar-pelajar dari segi mencari pekerjaan selepas mereka keluar dari sekolah ataupun universiti-universiti tetapi oleh kerana kita

pesat dalam pembangunan dan ada banyak bidang yang memerlukan tenaga kemahiran dalam bidang fizikal, ini akan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk memberi perhatian yang lebih kepada bidang-bidang tersebut.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Soalan tambahan. Saya banyak merasmikan sukan-sukan di peringkat sekolah-sekolah dan saya dapati banyak yang masih berkaki ayam. Adakah peruntukan yang secukupnya diberikan kepada sekolah-sekolah luar bandar umpamanya kerana untuk melatih atlet-atlet yang profesional ini tidak mungkin kalau mereka tidak mempunyai kelengkapan yang secukupnya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya kebanyakan pelajar kita mempunyai kelengkapan asas seperti kasut dan sebagainya. Namun demikian Kementerian Pendidikan ada program-program tertentu seperti program makanan tambahan dan program bantuan kewangan supaya kita boleh memberi pelajar-pelajar yang perlu pertolongan atau bantuan tertentu.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada contoh-contoh tertentu bolehlah salurkan kepada Kementerian Pendidikan untuk diberikan bantuan yang sewajarnya.

#### **DANAHARTA DAN DANAMODAL – JUMLAH PEMBIAYAAN**

6. **Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)** minta Menteri Kewangan menyatakan keberkesanan Danaharta dan Danamodal. Apakah jumlah wang yang terlibat. Berapa buah bank dan syarikat lain telah diselamatkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Mentakab sekali gus oleh kerana kedua-dua soalan ini merupakan soalan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pembiayaan untuk Danaharta ialah sebanyak RM15 bilion terdiri daripada RM1.5 bilion yang merupakan ekuiti kerajaan; RM3.5 bilion adalah pinjaman daripada KWSP dan Khazanah Negara Nasional Berhad. Manakala RM10 bilion lagi adalah melalui penerbitan bon kupon sifir yang dijamin oleh kerajaan yang akan dikeluarkan kepada institusi kewangan.

Manakala bagi Danamodal, keperluan dana adalah sebanyak RM16 bilion yang akan diperolehi melalui Bank Negara Malaysia sebanyak RM5 bilion. Perolehan terbitan bon sebanyak RM10 bilion dan pinjaman terbitan ekuiti sebanyak RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 15 Mac 1999 jumlah keseluruhan daripada nilai kasar portfolio NPL Danaharta ialah RM21.695 bilion diperolehi daripada 43 buah institusi kewangan berjumlah RM10.073 bilion serta NPL daripada dua institusi kewangan Sime Bank Berhad dan Sime International Bank Limited berjumlah RM11.622 bilion.

Danaharta telah mengambil alih lebih kurang 20% daripada NPL di dalam sektor perbankan berdasarkan klasifikasi enam bulan pada 15 Mac 1999.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Danaharta telah mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara seperti berikut:

- (i) sektor perbankan dapat dicergaskan semula kerana selepas dibebaskan daripada masalah NPL – tumpuan diberikan terhadap aktiviti utama mereka iaitu memberi pinjaman kepada para peminjam yang berdaya maju; dan
- (ii) tenaga pakar dalam penyusunan semula syarikat-syarikat yang NPLnya telah dibeli oleh Danaharta akan diperolehi untuk tujuan memaksimumkan nilai sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah bank dan institusi kewangan yang telah dikenal pasti memerlukan suntikan modal dari danamodal adalah sebanyak 14 buah melibatkan sejumlah RM6.2 bilion, manakala danaharta tidak menyuntik modal ke dalam mana-mana institusi kewangan sebaliknya mengambil alih pinjaman tidak berbayar institusi kewangan tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan jumlah wang terlibat untuk misalnya Bank Bumiputra, adakah ini sampai RM8 bilion atau RM6 bilion dan dengan bon yang disebutkan tadi terbitan bon RM10 bilion untuk Danaharta dan RM10 bilion untuk Danamodal. Bagaimana kerajaan akan mengadakan bon seumpama ini memandangkan krisis ekonomi sekarang susah hendak kita mengadakan bon terutamanya di luar negara.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, bon-bon ini adalah sebagai satu cara penukaran untuk mengambil alih aset ataupun mengambil alih NPL daripada bank-bank yang berkenaan kemudian digantikan dengan bon ini yang isu dikeluarkan oleh Danaharta itu kepada bank-bank yang berkenaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan saya tidak dijawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada yang hendak tokok tambah lagi?

**Dato' Wong See Wah:** Saya tidak ada apa-apa lagi. Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bagan Datok.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam banyak sektor yang diselamatkan oleh Danaharta dalam kes NPL ini, sektor manakah yang paling banyak diselamatkan. Adakah sektor hartanah? Adakah sektor institusi kewangan? Kredit maknanya ataupun sektor-sektor lain dan kalau dapat berikan jumlah dana yang terlibat yang telah digunakan dari saluran Danaharta.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan semua sektor tetapi oleh kerana kesuntukan masa saya tidak memperolehi angka-angka yang terperinci tetapi pada keseluruhannya sektor yang banyak melibatkan NPL ini adalah dalam sektor hartanah dan diikuti mungkin dengan perkilangan.

#### **PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN – KEMUDAHAN DAN BANTUAN KEWANGAN**

7. **Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan kemudahan-kemudahan dan pertolongan, termasuk bantuan kewangan, yang sedang dan akan diberi oleh kementerian untuk menentukan kejayaan program Gerakan Desa Wawasan, lebih-lebih lagi dalam usaha melatih anggota-anggota dalam bidang kemahiran keusahawanan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang dan akan mengambil langkah ke arah mempertingkatkan lagi kemajuan pelaksanaan program Gerakan Desa Wawasan di seluruh negara. Bagi tahun 1999 kementerian ini termasuk agensi-agensi di bawahnya telah memperuntukkan sejumlah RM40.4 juta untuk pelaksanaan projek-projek dan aktiviti pembangunan termasuk kemudahan latihan kemahiran keusahawanan bagi kampung-kampung Gerakan Desa Wawasan.

*[Soalan No. 8 - Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] tidak hadir]*

### KEMPEN MEMBELI PRODUK MALAYSIA

9. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyata:

- (a) berapa jayanya kempen "Membeli Produk Malaysia"; dan
- (b) adakah satu unit penguatkuasaan untuk memastikan bahawa kempen tersebut dilaksanakan oleh setiap kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini satu kajian bebas yang dilaksanakan oleh satu syarikat antarabangsa Sofres FSA Malaysia, dalam bulan Julai dan Ogos 1998, telah menentukan bahawa daripada dua ribu orang dewasa yang ditemuduga, 95% sedar terhadap "Kempen Membeli Barangan Malaysia".

Daripada kajian ini juga lapan dari sepuluh orang membeli barangan Malaysia sementara 85% berpendapat bahawa barangan tempatan adalah setanding atau lebih baik daripada barangan import. Pada keseluruhannya 73% mengenali logo "Barangan Buatan Malaysia".

Melalui satu kajian lain yang dilaksanakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di kalangan pengguna di Lembah Kelang dari bulan Jun hingga Disember 1998 juga mencerminkan keadaan yang sama. 97% daripada responden sedar tentang Kempen Beli Barangan Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Rata-rata sebilangan besar rakyat Malaysia memilih untuk membeli barangan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan meluluskan kempen ini. Ini adalah bertujuan untuk bukan sahaja mendidik para pengguna di negara ini supaya lebih mementingkan barangan dan perkhidmatan tempatan, tetapi juga untuk menggalakkan pengilang dan pengeluar supaya sentiasa meningkatkan kualiti barang keluaran mereka. Peningkatan kualiti ini adalah penting untuk memberi kepuasan yang tinggi kepada pengguna di samping dapat menentukan supaya barang-barang dan perkhidmatan berkenaan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Tidak ada unit penguatkuasaan ditubuhkan untuk memastikan bahawa kempen tersebut dilaksanakan oleh setiap kementerian. Walau bagaimanapun, sebagai satu dasar kerajaan, ianya akan diikuti oleh semua kementerian setakat mana yang boleh dan sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa sejak akhir-akhir ini apabila kita menggalakkan rakyat Malaysia membeli barang-barang tempatan, barang-barang import juga telah mengadakan beberapa galakan saya beri contoh misalnya, minyak. Minyak Esso sekarang menurunkan harga, minyak Shell sekarang ini dibuat pertandingan sampai RM3 juta, RM4 juta. Ini akan memberi kesan kepada hasil negara kita Petronas.

Selain daripada itu saya tengok barang-barang di Yaohan, barang-barang import semuanya dibuat potongan besar-besaran sampai 30%. Kebanyakan kawan saya pergi membeli, 30%, 40% turun harga barang-barang import. Adakah ini akan memberi kesan kepada program kementerian Yang Berhormat?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada menjalankan satu sistem ekonomi bebas, oleh kerana kita menghadapi kegawatan ekonomi, kerajaan

telah menjalankan Kempen Membeli Barang Buatan Malaysia, di mana ada juga barangannya yang diimport atau produk yang diimport pada masa ini diadakan jualan murah seperti Yang Berhormat kata tadi.

Ini memang membawa kebaikan kepada pengguna tetapi dari segi Kempen Membeli Barang Buatan Malaysia yang dijalankan, kita menasihatkan pengguna negara kita supaya membeli barang buatan Malaysia. Ini akan membawa kesan dari segi penjimatan mata wang asing kerana pada tahun 1998 di mana negara telah mencatatkan lebih dalam imbalan perdagangan sebanyak RM58.4 bilion, jika dibandingkan pada tahun 1997 ianya adalah defisit atau negatif RM45.1 juta. Jadi, rakyat Malaysia keseluruhannya digalakkan untuk membeli barangan buatan Malaysia

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya simple sahaja. Mahligai Perdana Menteri di Putrajaya, berapa peratuskah penggunaan barangan tempatan? Apa yang difahamkan kepada saya hampir 200% barang-barang yang digunakan dalam rumah Perdana Menteri di Putrajaya adalah barang-barang import daripada luar negara, apakah itu betul? Kalau tidak betul, berapa peratuskah penggunaan barang tempatan dan berapa peratuskah penggunaan barang-barang daripada luar negeri? Saya minta penjelasan yang tepat, jangan cuba membohong dalam Dewan ini ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tumpat, walaupun saya tidak memutuskan bahawa soalan Yang Berhormat itu terkeluar tetapi nampaknya Yang Berhormat soalan ini dibuat berasaskan andaian.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya ingin, saya cuba membuat soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat sebab tadi Yang Berhormat kata kononnya dan saya rasa ini tidak dibenarkan mengikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya soal sekali lagi. Bagi menyesuaikan dengan kehendak Tuan Yang di-Pertua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Sebab Yang Berhormat, yang ditegah cukup jelas, sebab Yang Berhormat cakap berasaskan andaian .....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini tidak andaian ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau tidak benar, apa pula, ini yang disoal tadi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah benar? [Ketawa]. Apakah benar rumah mahligai Perdana Menteri di Putrajaya hampir 100% barangan tempatan dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Tidak relevan!

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah banyak diperkatakan dan saya sendiri telah menerima beberapa surat yang bertanya tentang kebenaran bahawa keseluruhan alat dan bahan-bahan rumah Perdana Menteri di Putrajaya adalah barang-barang yang diimport. Saya telah bertemu sendiri dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bertanya hal ini. Beliau sendiri kata, kalau rumah itu 100% bukan 200%, kalau ianya merupakan barang-barang yang diimport, beliau sendiri tidak akan menduduki rumah itu dan beliau akan memastikan bahawa bahan-bahan tempatan mestilah digunakan untuk rumah tersebut dalam lebih kurang 70%.

**TADIKA KEMAS DI LUAR BANDAR – JUMLAH**

10. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Bagan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah tabika yang telah diwujudkan oleh KEMAS bagi negeri Sarawak dan kawasan Baram semenjak dilancarkan pada tahun 1970. Apakah masalah yang dihadapi oleh KEMAS bagi meluaskan lagi program ini di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar [Datuk Douglas Unggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Januari 1999, bilangan tabika yang diwujudkan di negeri Sarawak ialah sebanyak 566 buah dan bilangan tabika di kawasan B. 192 Baram ialah 5 buah.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan KEMAS menambahkan kelas tabika bergantung kepada peruntukan kewangan yang ada. Masalah yang dihadapi oleh KEMAS bagi meluaskan lagi program tabika di luar bandar ialah kemampuan untuk melatih pemaju masyarakat tabika berbanding dengan permohonan untuk pembukaan kelas baru di mana pada tahun 1999 ini, permohonan membuka kelas baru ialah 533 permohonan dari seluruh Malaysia dan KEMAS hanya mampu melatih 200 pemaju masyarakat tabika sahaja. Daripada 533 permohonan membuka kelas baru, 255 permohonan ialah daripada Sarawak dan 16 permohonan daripada kawasan Baram. Daripada 200 orang pemaju masyarakat yang terlatih pada tahun 1999, 28 orang ialah dari Sarawak dan 3 orang dari kawasan Baram.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar bahawa salah satu sebab perbezaan dari segi prestasi dalam keputusan peperiksaan di antara murid-murid sekolah di luar bandar dengan murid di bandar ialah kerana murid-murid di luar bandar tidak mempunyai peluang untuk menjalani pendidikan asas seperti yang dilaksanakan oleh KEMAS di bawah program tabika ini. Saya ingin tahu apakah rancangan kementerian bagi mempergiatkan lagi program tabika ini di luar bandar pada tahun-tahun yang akan datang supaya prestasi murid-murid di luar bandar boleh dipertingkatkan lagi ke tahap yang sama dengan prestasi murid-murid di bandar? Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Unggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang kita berusaha sedaya upaya untuk menambahkan liputan kelas Tabika di negeri Sarawak tetapi seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum di negeri Sarawak, kita menghadapi masalah oleh kerana ciri penempatan yang bertaburan di kawasan yang begitu luas.

Jadi, di beberapa tempat mungkin ada anak-anak tabika yang layak untuk memasuki tabika tetapi jumlahnya tidak cukup untuk mendirikan rumah tabika, ini pertama.

Yang kedua, mereka ini ada kelas tabika yang berdekatan tetapi tidak cukup dekat maka bapa-bapa tidak dapat menghantar anak-anak ke kelas tabika ini, akhirnya anak-anak ini tidak dapat menghadiri kelas tabika. Kita telah mencuba satu program - Program Kelas Tabika Bergerak tetapi ianya juga menghadapi masalah.

Jadi, kita sekarang sedang mencari dengan Kementerian Pendidikan dan juga saya berharap Yang Berhormat dari luar bandar negeri Sarawak dapat memberi pandangan bagaimanakah kita dapat mencari jalan hendak meningkatkan liputan kelas Tabika di negeri tersebut?

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah tenaga pengajar tabika KEMAS Sarawak diberi pendedahan sama seperti tenaga pengajar di Semenanjung dari segi latihan, imbuhan dan kemudahan pengajaran terkini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Unggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, masalah Yang Berhormat dari Bintulu ini adalah selalu memikirkan orang Sarawak dibeza dari orang di Semenanjung Malaysia. Ini sikap yang tidak baik dan saya harap beliau akan memahami bahawa bagi kerajaan Barisan Nasional, kita tidak ada bezanya sama ada pemaju masyarakat tinggal di Baram, Kelantan, Johor dan sebagainya. Semua akan

diberi latihan mengikut standard yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan sentiasa diberi latihan dari semasa ke semasa supaya mereka ini cukup layak untuk mengajar begitu juga kelayakan untuk masuk iaitu SPM sekurang-kurangnya Pangkat 3. Terima kasih.

### BSKL - JUMLAH PELABUR ASING

11. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab pasaran saham negara tidak stabil selepas mencapai paras 600.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan strategi-strategi di bawah pelan pemulihan ekonomi negara telah menghasilkan kesan positif dari segi pengembalian semula keyakinan pelabur dalam pasaran saham Malaysia. Indeks komposit BSKL telah merekodkan pencapaian tertinggi sebanyak 618.54 mata pada 22 Januari 1999 berbanding dengan tahap terendah 262.7 mata pada 1 September 1998 sejak kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun tahap 600 mata tidak dapat bertahan dalam tempoh dua bulan yang lepas disebabkan antaranya:

- (i) prospek pertumbuhan pendapatan syarikat yang tidak menentu akibat daripada kegawatan ekonomi negara; dan
- (ii) kesan contagion pasaran di rantau ini terus melemahkan sentimen pelabur-pelabur asing kerana mereka masih menganggap risiko pelaburan masih lagi wujud berikutan ketidaktentuan ekonomi, kewangan, politik dan sosial serantau.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah pelaburan asing yang ada dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan dijangka beberapa banyak akan ditarik keluar menjelang 1 September 1999. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, adalah agak susah untuk menentukan jumlah yang tepat yang terdapat di capitalization dalam BSKL itu tetapi pada kasarnya mungkin kalau di peringkat yang teruk sekali, kalau dalam keadaan yang paling buruk sekali pun modal yang akan dipindah keluar daripada negara ini ialah dalam jangkakan US\$5 bilion.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang masih ada, jumlah pelaburan asing yang masih ada.

**Dato' Wong See Wah:** Jumlah pelaburan asing, katalah pada 22.2.1999 jumlah yang terdapat di BSKL itu adalah RM400 bilion jadi katalah dalam lingkungan 20% ataupun 25% itu mungkin adalah dalam lingkungan RM100 bilion.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu bahawa apakah pandangan kerajaan bahawa analisa-analisa ekonomi berkata bahawa short term capital inflow adalah satu sebab yang telah menyebabkan harga pasaran naik dan bila foreign exchange control telah dibawa ke negara ini dan bila fund ini telah keluar, tidak ada apa-apa keyakinan yang sedia ada untuk mereka datang dan melabur. Adakah ini benar, dan jika benar, adakah kerajaan apa-apa contingency plan supaya kita dapat menggunakan dana yang sedia ada dalam negara ini, dana-dana yang boleh melabur dan apakah dana-dana yang telah dikenalpasti supaya dapat dilabur dan memberi keuntungan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang MTEN buat itu adalah semata-mata untuk kita memulihkan sentimen pasaran itu dan tentang tindakan untuk kita mengamalkan kawalan modal terpilih, ini adalah semata-mata untuk kita mengawalkan keadaan pada masa itu. Oleh kerana mata wang Malaysia itu

telah diperdagangkan secara besar-besaran dengan tujuan yang baik ataupun tidak ataupun niat yang jahat telah memburukan dan menyebabkan satu keadaan pasaran sentimen yang buruk dan memang telah menyebabkan nilai saham kita turun sampai kepada peringkat yang paling teruk sekali. Dengan mengamalkan kawalan modal itu dapatlah kita menyekat dan dapatlah kita melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk kita menyelamatkan ekonomi kita dan saya rasa kebaikan daripada tindakan yang telah kita ambil itu adalah lebih baik, lebih banyak daripada kalau kita membiarkan keadaan pada masa itu begitu sahaja. Jadi memang banyak dipertikaikan kawalan yang telah kita ambil itu tetapi untuk sebab-sebab tertentu keadaan-keadaan Malaysia jadi kita percaya ini adalah satu langkah yang paling baik sekali untuk menemui kehendak kita.

#### **SIMPANAN GAS DI SABAH DAN SARAWAK - JUMLAH**

12. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bekalan gas yang masih tersimpan di dasar laut dan pantai Sabah dan Sarawak. Berapakah jumlah hasil cukai yang dikutip oleh negari-negeri tersebut menerusi Kerajaan Pusat kerana mengeluarkan minyak dan gas setakat ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Hj. Ibrahim bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, jumlah simpanan gas di Sabah sebanyak 6.2 trilion kaki padu di mana 14 trilion kaki padu telah diperuntukkan bagi beberapa projek hiliran sedia ada, simpanan gas di Sarawak pula adalah sebanyak 44.3 trilion kaki padu di mana 33.7 trilion kaki padu telah diperuntukkan bagi beberapa projek hiliran sedia ada. Jumlah gas adalah disimpan sebagai contingency dan berbagai projek pada masa akan datang.

Berhubung dengan keuntungan dari aktiviti pengeluaran petroleum adalah dimaklumkan syarikat-syarikat petroleum memang dikenakan cukai pendapatan syarikat di atas pendapatan tahunan mereka pada kadar 28%. Berdasarkan perjanjian royalti, negeri-negeri pengeluar minyak dan gas dibayar royalti sebanyak 5%. Dari tahun 1975 sehingga Februari 1999 royalti telah dibayar kepada negeri Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah 1,993,087,238 dan 4,670,842,949. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Masa untuk Soal Jawab telah pun tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 13 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1998 DAN 1999) 1999**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa satu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bersang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan. [7 April 1999]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Sipitang diminta sambung.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong adalah meliputi soal-soal keselamatan negara, ekonomi dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan krisis ekonomi yang melanda negara kita sejak pertengahan tahun 1997. Titah Ucapan Baginda juga menyentuh berbagai-bagai perkara dan tindakan yang diambil untuk kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia. Ini menunjukkan Seri Paduka Baginda amat prihatin tentang kesejahteraan rakyat di negara ini dan mengambil tahu tentang apa yang berlaku di negara ini. Tentu sekali Titah Ucapan Baginda menambahkan lagi keyakinan rakyat di seluruh negara terhadap pentadbiran negara ini. Rasa prihatin Baginda secara tidak langsung memberi penjelasan kepada rakyat, bahawa kita rakyat Malaysia berada di dalam selamat dan selesa.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya bagi pihak rakan-rakan Ahli Dewan Rakyat mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang telah diberi kepercayaan dan dilantik menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kami yakin bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri dapat melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik-baiknya

dan kami Ahli-ahli Dewan Rakyat akan sentiasa memberi sokong kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mendoakan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi yang telah dimasukkan ke hospital Institut Jantung Negara atas nasihat doktor untuk berehat buat sementara waktu. Saya sebagai doktor perubatan tahu masalah ini adalah sebagai prosedur biasa supaya seseorang itu perlu berehat semasa menerima rawatan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Dato Seri akan segera sembuh dan dapat bertugas secepat mungkin. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri masih diperlukan negara dan kami sentiasa bersama kepimpinan Dato Seri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan kerana diberi kepercayaan sebagai pencadang Ucapan Menjunjung Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada empat penggal yang lepas belum pernah ada pencadang atau penyokong dari sebelah Malaysia Timur, cuma setelah lapan tahun barulah peluang ini tiba. Oleh itu ini satu penghargaan kepada saya, kepada rakyat yang saya wakili di Parlimen Sipitang dan juga kepada seluruh rakyat Sabah. Secara kebetulan pula saya adalah pencadang yang terakhir dalam abad ke19. Pencadang yang akan datang cuma akan berucap pada alaf baru tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan ini tentunya juga mungkin sebagai penghargaan kerana pencapaian baik Barisan Nasional di Sabah dalam pilihan raya Umum Negeri Sabah yang diadakan pada 12 dan 13 Mac yang lalu. [tepu]. Pada pilihan raya tersebut, Barisan Nasional telah mendapat 31 kerusi dan 24 daripadanya ialah UMNO. Barisan Nasional telah dapat meneruskan kerajaan untuk memimpin dan memberikan pembangunan kepada rakyat Sabah untuk lima tahun akan datang.

Saya bagi pihak rakan-rakan pimpinan Barisan Nasional Sabah ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dari Semenanjung Malaysia, rakan-rakan dari Sarawak terutamanya Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan khusus kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas yang telah datang ke Sabah untuk membantu. Begitu juga terima kasih khusus kepada rakan-rakan keluarga Badan Perhubungan UMNO negeri-negeri di Semenanjung terutama Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang sama-sama membantu menjayakan sehingga Barisan Nasional menang di Sabah.

Tidak lupa juga khusus kepada bapa angkat yang menjaga Beaufort dan Sipitang, iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor serta rakan-rakan dari Johor yang turut turun ke bawah sehingga kelima-lima kerusi dipertahankan oleh Barisan Nasional. Juga tahniah kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO yang bekerja kuat di kawasan masing-masing dan juga Yang Amat Berhormat Datuk Osu bin Haji Sukam selaku Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah.

Mungkin pihak pembangkang tersalah faham atau tersalah analisa menyangka Barisan Nasional dan UMNO Sabah tidak kuat dan ramai yang terpaksa menolong dari rakan-rakan dari Semenanjung tetapi sebenarnya Barisan Nasional dan UMNO Sabah adalah cukup kuat dan bertenaga. Kunjungan rakan-rakan ke Sabah adalah sebagai rasa prihatin dan memberi bantuan sokongan moral. Ini juga sebagai petunjuk atau signal dengan izin, kepada parti-parti pembangkang di Sabah dan juga Semenanjung

Malaysia bahawa Barisan Nasional dan UMNO itu mempunyai keluarga yang besar dan ramai saudara mara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kunjungan dan bantuan rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia tentunya juga dapat meningkatkan lagi persaudaraan dan silaturahmi dan menambah kefahaman bagaimana rakan-rakan di Sabah bertugas di kawasan masing-masing. Mereka juga akan lebih faham keadaan di luar bandar di Sabah dan apa yang telah dilakukan selama pembangkang memerintah Sabah. Walaupun pada peringkat awal, ramai yang menyatakan khususnya parti-parti pembangkang sama ada Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Bersekutu dan rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia yang ingin melihat Barisan Nasional kalah, mereka meramalkan Barisan Nasional akan tewas di Sabah. Ternyata ramalan mereka meleset, kemenangan Barisan Nasional ini menunjukkan bahawa rakyat Sabah yakin dengan kepimpinan Barisan Nasional untuk terus menerajui pemerintahan negeri Sabah kerana apa yang penting bagi rakyat Sabah adalah pemerintahan Barisan Nasional yang berterusan supaya agenda pembangunan di negeri Sabah akan dapat terus dinikmati. Rakyat Sabah pada masa ini telah matang, dan dapat membezakan kerajaan mana yang boleh memberi pembangunan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, kita merasa sedih kerana sikap pengundi-pengundi di kawasan luar bandar di mana pengundi-pengundinya kebanyakan suku kaum Kadazan Dusun telah memilih Parti Bersatu Sabah. Ini adalah disebabkan isu yang dimainkan oleh PBS adalah isu-isu perkauman dan anti Semenanjung seperti yang pernah mereka mainkan pada pilihan raya yang lalu. Sebenarnya rakyat di luar bandar ini tidak bersalah, tetapi pemimpin-pemimpin yang membawa mereka supaya tidak mahu menerima perubahan ke arah pembangunan supaya mereka ini terus dibelenggu kesusahan dan pemikiran mereka tidak terbuka supaya terus menerus dipermainkan oleh isu-isu perkauman yang sempit.

Saya masih berpendapat bahawa rakyat di luar bandar ini, khususnya suku kaum Kadazan Dusun akan menolak pemimpin-pemimpin mereka yang cuma pandai memainkan dengan isu-isu perkauman, dan tidak mengajak mereka ke arah pembangunan kerana di zaman serba moden ini, sudah tentu rakyat luar bandar tidak mahu ketinggalan dengan arus pembangunan seperti yang dikecapi oleh rakan-rakan mereka di kawasan lain. Saya yakin, jikalau mereka ini diberi penjelasan dan sedikit masa lagi, mereka ini tidak mahu berwakilkan parti pembangkang.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar ini, masih banyak lagi perkara-perkara asas yang mereka perlukan seperti jalan-jalan kampung, bekalan air, bekalan elektrik, dan lain-lain pembangunan untuk kemudahan luar bandar. Tentu sekali dengan berwakilkan ahli pembangkang, maka proses penyaluran informasi ini tidak begitu lancar disampaikan kepada pihak-pihak berkuasa. Pembangkang tidak dapat memberikan semua ini khususnya di Sabah. Kita berharap penduduk di luar bandar sedar tentang perkara ini. Oleh kerana mereka masih perlukan pembangunan, mereka belum layak jadi pembangkang. Seharusnya mereka mengikut arus pembangunan Barisan Nasional negeri Sabah yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam, Ketua Menteri Sabah yang baru.

Beliau adalah amat prihatin tentang rakyat Sabah dan seperti yang dinyatakan oleh beliau bahawa pimpinan Barisan Nasional Sabah akan menjadikan Barisan Nasional Sabah sebagai kerajaan yang prihatin terhadap rakyat negeri Sabah atau sebagai 'Kerajaan Mesra Rakyat', dengan izin, 'Peoples Friendly Government'. Kerajaan Barisan Nasional Sabah akan membawa pembangunan kepada rakyat Sabah walaupun di kawasan pembangkang. Kita berdoa Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam, Ketua Menteri Sabah yang baru akan banyak membawa perubahan kepada negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di perenggan kedua, Baginda menekankan keselamatan negara. Kita berterima kasih ke atas keprihatinan Baginda. Kita sama-sama bersyukur kerana di dalam pilihan raya umum Sabah yang baru-baru ini tidak ada kejadian besar yang tidak diingini berlaku. Namun demikian, ada juga percubaan parti pembangkang untuk melihat kekacauan seperti yang berlaku di Kuala Penyu, di mana para penyokong dan pemimpin pembangkang cuba bertindak kasar kepada pengundi-pengundi yang ingin membuang undi, nasib baik di saat-saat genting sedemikian, ada Yang Berhormat dari Beaufort dan Dato' John Ghani yang selalu cakap pasal 'zing-zing' mengambil tindakan berani dan menenteramkan keadaan dan keadaan terkawal.

Saya pasti presiden parti tidak mengarahkan sedemikian tetapi ini adalah tindakan pemimpin setempat. Kita berharap presiden dan pemimpin-pemimpin atasan Parti Bersatu Sabah dapat mengambil tindakan dan nasihat kepada pengikut-pengikut mereka. Walaupun ingin menang tetapi janganlah sehingga menimbulkan kekacauan. Barisan Nasional pun banyak kerusi yang kalah tetapi apabila melihat kita kalah, kita masih ingin melihat ketenteraman. Keputusan menang, kalah adalah keputusan pengundi-pengundi. Namun demikian, kes ini telah pun diketahui oleh polis dan biarlah pihak polis mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya tersebut seperti juga biasa setiap kali pilihan raya umum di Sabah ramai yang mencuba nasib untuk mendapat tempat dan berkuasa di Sabah. Di samping Barisan Nasional dan Parti Bersatu Sabah, terdapat juga parti-parti lain termasuk Parti Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri Sabah, Dato' Haris bin Salleh dan Parti Setia yang diketuai oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pangeran Osman Rauf. Ini termasuklah juga rakan kita dari Semenanjung Malaysia iaitu PAS yang telah turut mencuba di enam kawasan. Tidak kurang juga ada individu-individu, bekas-bekas pemimpin UMNO yang membawa rasa kecewa untuk mencari tempat di mana sahaja diperolehi, yang penting bagi mereka adalah supaya dapat jadi calon dan boleh bertanding.

Namun demikian, para pengundi sudah matang dan memilih parti dan pemimpin yang boleh membawa pembangunan kepada mereka. Hasilnya jelas sekali Barisan Nasional telah mendapat tiga puluh satu kerusi, PBS tujuh belas dan lain-lain Parti Bersekutu empat puluh lapan kosong, termasuklah juga rakan kita PAS, enam kosong di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Harris sebelum ini ialah ahli UMNO dan setelah kecewa tiada tempat dalam UMNO terus menyertai Parti Bersekutu. Begitu juga dengan beberapa bekas ahli UMNO Sabah seperti Datuk Zulkifli Hamid, Timbalan Menteri Pertahanan Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Raof dan lain-lain pemimpin yang kecewa menyertai parti pembangkang atau membuka parti baru.

Perjuangan yang berasaskan rasa kecewa atau mengikut emosi tidak akan mendapat tempat, ini kerana pertimbangan semasa kecewa dan emosi selalunya tidak rasional. Sejarah telah membuktikan perkara ini, banyak contoh yang boleh diambil terutama dalam sejarah politik Sabah. Begitu juga dengan di Semenanjung, penubuhan Semangat 46 dulu juga kerana berasaskan kekecewaan dan akhirnya ia tidak sampai ke mana. Syukur, Yang Amat Mulia Tengku Razaleigh telah mengambil keputusan dan segera pulang ke pangkal jalan dan membawa rakan-rakan kita menyertai UMNO semula.

Dalam politik kita mestilah menerima hakikat bahawa seperti juga air, ada pasang surutnya. Seperti roda, bukan sentiasa di atas, ia berputar sekejap ke atas sekejap ke bawah. Seperti juga ekonomi dunia dan ekonomi serantau, ada masa mewah dan ada masa kemelesetan kalau dulu kita memimpin semestinya sekarang kita boleh menjadi pengikut. Contoh yang terbaik adalah Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, walaupun pernah kalah di Kota Setar

dalam 1969 pernah dibuang daripada UMNO tetapi tetap bersabar dan terus berjuang. Beliau tidak lari dari perjuangan, beliau tidak mengkhianati parti beliau. Berkat kesabaran dan perjuangannya yang konsisten akhirnya beliau berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 April, tiga, empat hari yang sudah sebuah parti politik baru iaitu Parti Keadilan Nasional telah dilancarkan. Melihat kepada komposisi penaja parti tersebut ia merupakan kombinasi yang lantang dan ada kepentingan masing-masing. Kebanyakan adalah pemimpin NGO tetapi memimpin parti tidak sama dengan memimpin NGO. Ahli-ahli parti adalah terdiri dari segala lapisan masyarakat tetapi pemimpin NGO adalah orang yang sama pemikiran, sama keinginan dan taraf pendidikan juga lebih kurang sama.

Saya tidak yakin bahawa kombinasi tersebut akan berjalan, tunggu sahajalah masanya untuk mereka bertelagah sesama sendiri. Kombinasi seperti ini tidak pernah lancar di mana-mana parti politik di Malaysia khususnya di Semenanjung. Di Sabah pun pada awal penubuhan Parti Berjaya dahulu ia berasaskan semua kaum tetapi tidak boleh bertahan lama dan akhirnya berpecah dan orang-orang suku kaum Kadazan menubuhkan Parti Bersatu Sabah yang selebihnya bertahan dalam Berjaya dan lainnya menyertai USNO semula.

Dalam PBS pun begitu juga, dikatakan parti pelbagai kaum tetapi akhirnya PBS pecah. Orang-orang Tionghoa telah menyertai parti-parti yang berasaskan Tionghoa, orang-orang Islam dalam Bumiputera Islam menyertai UMNO dan PBS akhirnya menjadi parti perkauman yang berteraskan suku kaum Kadazandusun. Apa yang berlaku dalam Parti Keadilan Malaysia, kita melihat ia tidak akan boleh berjaya. Parti rakan kita DAP juga mencuba, ada orang Melayu dalam DAP yang digunakan tetapi tidak ada suara dan ini menunjukkan bahawa mereka tidak diberi tempat. Keluaran kartun *New Straits Times* hari ini pun, sudah menunjukkan satu signal yang begitu besar ertinya bahawa parti itu tidak akan mendapat tempat khususnya kepada orang-orang Melayu.

Kombinasi yang diamalkan oleh Barisan Nasional adalah kombinasi yang terbaik untuk Malaysia dan ini telah terbukti sejak beberapa tahun yang lalu. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Datin Seri Wan Azizah dan rakan-rakan yang menyertai parti baru tersebut supaya bersabar dan kembali ke pangkal jalan. Saya rasa jalan yang mereka buat adalah salah dan tidak akan mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Kepada pejuang-pejuang veteran dan yang pernah menjadi pemimpin dahulu Datuk Harris Salleh, Datuk Pengiran Othman Raof, Datuk Zulkifli Hamid dan lain-lain pemimpin Barisan Nasional di Sabah serta rakan-rakan pemimpin UMNO di Semenanjung sepatutnya mengajak ke arah perpaduan dan kebaikan dan menjadi contoh kepada pemimpin-pemimpin muda masa kini. Zaman kegemilangan mereka sudah berakhir dan hakikat ini terpaksa diterima, yang sebaiknya mereka menjadi penasihat ke arah kebaikan seperti ahli-ahli politik veteran UMNO di Semenanjung dan bukannya membawa generasi muda kita menjadi sesat dan tidak rasional.

Tuan Yang di-Pertua, seperti titah Baginda bahawa keselamatan negara secara keseluruhannya terus menerus dalam keadaan terjamin. Negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mendapat pengiktirafan masyarakat dunia. Sebagai sebuah negara yang dihormati dan disegani dengan masyarakat berbilang kaum hidup dalam keadaan aman, damai dan dihormati.

Kita bersyukur dengan kerjasama semua pihak dan kita semua berperanan dan bertanggungjawab untuk mengelakkan sebarang pengeseran sesama kita. Saya yakin kita akan terus menikmati keamanan dan kesejahteraan. Namun demikian, ada sebilangan kecil rakyat Malaysia yang tidak rasional dan tidak menghargai erti keamanan ini, ada orang yang ingin melihat keadaan negara kita huru hara tanpa segan silu terdapat orang yang menjadi dalang di belakang.

Ucapan kurang ajar Al Gore, Naib Presiden Amerika semasa Majlis Makan Malam Persidangan APEC yang lalu telah membuka mata rakyat Malaysia dan sebagai pencinta negara dan yang mempunyai semangat patriotik dan bersatu padu. Semangat perpaduan semakin kuat antara kita, kita ucapkan terima kasih kepada golongan intelek, ahli-ahli korporat, kakitangan awam dan swasta yang sama-sama ingin memastikan keamanan dan berkempen ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita banyak belajar dari apa yang berlaku di negara kita dan juga peristiwa luar negara. Peristiwa 13 Mei 1969, sepatutnya membuat kita insaf dan jangan berulang lagi, perselisihan antara kaum atau menindas kaum minoriti tidak menguntungkan sesiapa, falsafah penghapusan kaum (ethnic cleansing) yang telah dilakukan oleh puak Serb terhadap puak Albania di Kosovo sekarang ini akan cuma berakhir dengan terjadi. Lihatlah betapa penderitaan pelarian Albania yang terpaksa berjalan kaki, kanak-kanak dan orang tua yang terdedah dengan cuaca sejuk tanpa perlindungan dan masalah kekurangan makanan. Kita difahamkan sehingga hari ini sudah lebih satu juta pelarian dari Kosovo .

Di negara jiran kita, di mana berlaku pergaduhan antara kaum juga cuma akan berakhir dengan kematian dan pelarian, alangkah sedihnya jikalau kita tidak menjaga negara kita perkara seperti ini juga boleh berlaku. Perkara ini tidak mustahil berlaku jikalau kita membiarkan golongan yang tidak bertanggungjawab terus menerus menghasut dan membuat gerakan-gerakan seperti yang berlaku dalam bulan Disember tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mohon pihak keselamatan bertindak tegas terhadap individu-individu yang tidak bertanggungjawab, masalah ini mesti ditangani dari peringkat awal. Kita tidak boleh kompromi kepada sesiapa yang cuba memulakan kekacauan. Kalau kita perlu gunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, kita kena gunakan. Tindakan-tindakan perlu adalah untuk memastikan keamanan negara, itu yang pertama, menyiasat dan mengambil tindakan tegas untuk mencari punca fitnah, surat layang, tulisan-tulisan tidak tepat dan berniat jahat dalam Internet.

Yang kedua, bertindak tegas kepada sebarang perhimpunan tanpa permit dan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang menganjurkannya. Bertindak tegas terhadap penceramah-penceramah yang secara terang-terangan menghasut dan berunsurkan fitnah. Tindakan masa kini yang menjadi satu trend menulis berita-berita sensasi yang tidak betul dalam Internet perlulah kita ambil tindakan. Memang kita telah berkempen kepada anak-anak muda kita supaya menggunakan komputer, IT tetapi kita tidak mahu ada golongan tertentu yang mengambil kesempatan dengan menulis cerita-cerita sensasi yang tidak benar, misalnya semalam saya dapat panggilan telefon daripada Kota Kinabalu mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah meninggal dunia, 'na'uzubillahiminzalik', ini kita merasa sedih bahawa berita-berita seperti ini dibuat untuk mengelirukan rakyat.

Kita tidak mahu anak-anak muda kita terdedah dengan perkara ini dan membenarkan perkara ini berlaku. Kita tidak mahu anak-anak muda kita dilatih berbohong dan dilatih membuat fitnah seperti yang dibuat dalam Internet. Orang yang membuat dalam Internet adalah golongan intelek yang tahu menggunakan perkara ini. Jadi, sepatutnya perkara ini perlulah dihalang dan kita sama-sama bertanggungjawab.

Kestabilan politik, keamanan negara dan keharmonian kaum adalah perlu untuk pembangunan, pelaburan dan perniagaan. Pembangunan sesuatu kawasan dan sektor juga perlu kestabilan dan keamanan seperti di negara jiran kita di wilayah selatan. Wilayah-wilayah yang tidak selamat tidak boleh membangun atau dibangunkan walaupun mempunyai sumber yang kaya atau hasil yang banyak.

Oleh itu, usaha-usaha meningkatkan keselamatan kawasan perairan di pantai timur Semenanjung dan juga peratiran di Sabah dan Sarawak perlu dilaksanakan. Ini perlu agar nelayan-nelayan kita boleh mencari rezeki pada bila-bila masa sahaja, agar

ekonomi mereka bertambah kerana mereka ini masih ramai yang pada tahap kemiskinan.

Pada masa ini masih terdapat ancaman-ancaman lanun dan perahu-perahu penjahat yang menakutkan nelayan-nelayan kecil dari mencari rezeki mereka khususnya di waktu malam. Saya mohon supaya diadakan bot-bot peronda polis marin di kawasan-kawasan tumpuan nelayan kecil seperti di pantai barat Sabah dan juga pantai timur Sabah khususnya di kawasan Menumbok, Wiston, Sipitang, Kuala Penyu, Kota Belud supaya lanun-lanun ini dapat dihalau daripada kawasan ini.

Penggunaan bom ikan yang berleluasa juga kadang-kadang bom ini digunakan sebagai mengancam nelayan tempatan dan juga untuk menakut-nakutkan nelayan tempatan. Ada peristiwa membuang bom ikan ini ke perahu nelayan tempatan, di samping ingin merosakkan dan menakutkan penduduk tempatan. Bom-bom ikan juga merosakkan batu karang dan akan menjejaskan punca pendapatan nelayan dalam jangka masa panjang.

Begitu juga perairan laut supaya ditambah dengan bot-bot peronda dan juga ditambah dengan personnel yang boleh menjaga keamanan ini. Saya yakin jikalau keadaan perair ini aman maka rakyat akan dapat mencari rezeki mereka dan dengan sendirinya mereka boleh memperbaiki taraf ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan masalah yang timbul di negara jiran juga, iaitu akibat daripada kemelesetan ekonomi dan pergaduhan antara kaum, maka kawasan-kawasan sempadan kita khususnya di Sabah dan di Sarawak begitu terdedah kepada kejadian ini. Ini telah berlaku di Tanjung Datuk, Kuching, Sarawak di mana ramai pelarian jiran tertumpu ke kawasan tersebut, mujurlah ia dapat dikawal.

Untuk mengelak perkara ini daripada terus berlaku dan sehingga tidak terkawal maka kita harus mengambil langkah berhati-hati dan tegas. Keadaan keselamatan di sepanjang sempadan perlu diawasi. Kita perlu penempatan kakitangan keselamatan di kawasan sempadan yang terdedah kepada masalah ini. Untuk jangka panjang, penempatan baru pegawai-pegawai dan juga pengawal keselamatan adalah diperlukan seperti di kawasan sempadan Tawau, sempadan Pensiangan, Tenom, Long Pasia, Sipitang dan beberapa kawasan sempadan pedalaman di negeri Sarawak.

Dengan adanya pengawal-pengawal keselamatan ini akan menambah lagi keyakinan rakyat terhadap kerajaan di samping menambah keyakinan untuk pelancong-pelancong yang selalunya melawat kawasan-kawasan yang cantik di pergunungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham penderitaan rakyat negara jiran dan kita masih perlukan pekerja asing tetapi ini cuma lebih kurang 700,000 yang didaftarkan sekarang ini. Saya yakin bilangan yang belum berdaftar masih ramai lagi berkeliaran. Tindakan tegas perlu diambil atas alasan keselamatan, kesihatan, pungutan levi dan yuran pemeriksaan kesihatan yang menjadi punca pendapatan negara. Majikan-majikan yang melindungi pendatang asing dan tidak mengendahkan saranan kerajaan, perlu diambil tindakan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi soal ekonomi - saya tidak akan menyentuh banyak mengenai ekonomi ini, perkara ini cukup jelas seperti Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Malaysia yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 6 April yang lalu. Melalui Kertas Putih ini, jelas menunjukkan kesungguhan dan komitmen pimpinan negara ini khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk mengeluarkan Malaysia dari masalah ekonomi. Kita bersyukur bahawa masa ini kita sudah mula terkeluar dari masalah tersebut dan negara kita telah mula menunjukkan pertumbuhan positif.

Nampaknya rakyat jelata tidak begitu merasakan kegawatan ini dan menyokong usaha-usaha kerajaan ke arah membendung masalah ini. Nampaknya rakyat telah merasa gembira dan ini jelas kelihatan pada Ahad yang lalu 4 April, saya kebetulan berada di ruang The Mall dan Kompleks Sogo, dengan kehadiran rakyat Malaysia dari semua kaum dan cara mereka membeli-belah di kompleks tersebut sudah tidak lagi nampak bahawa kita berada dalam kegawatan, kita sudah kelihatan pulih seperti biasa.

Komen-komen negatif dari pembangkang yang terikut-ikut dengan media asing tidak perlu didengar. Penyelesaian ekonomi ternyata mempunyai pelbagai cara, walaupun pada asas yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, ini sama juga seperti merawat orang sakit, misalnya sakit perut. Walaupun tempat yang sakit itu sama, tetapi terdapat banyak penyebabnya. Rawatan yang berkesan adalah jikalau kita tahu apa penyebabnya, bukan cuma dengan pemberian penahan sakit. Begitu juga dengan masalah ekonomi, masalah yang melanda ekonomi Malaysia, cuma yang lebih tahu adalah pemimpin dan rakyat Malaysia. Masalah ekonomi Malaysia tidak sama dengan masalah di Mexico, oleh itu rawatan juga tidak sama seperti yang diberikan oleh IMF untuk Mexico. Rawatan yang khusus untuk Malaysia nampaknya adalah yang kita berikan sendiri untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Kertas Putih itu juga kita telah kenalpasti masalah dan kesilapan kita. Kita juga telah mengenal pasti cara penyelesaian. Melalui Jadual 13, tinjauan ekonomi 1999 bahawa pertumbuhan KDN adalah sekitar 1.6%, kita telah mengenal pasti sektor-sektor yang menyumbang pertumbuhan ini iaitu sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dan juga sektor perkhidmatan dan perkilangan. Oleh itu, usaha-usaha untuk membantu mempercepatkan lagi pertumbuhan di sektor ini perlu ditekankan. Tindakan-tindakan yang tegas dan bersungguh-sungguh perlu diambil untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan di sektor tersebut.

Melalui tindakan yang kita ambil, kita berharap rakyat Malaysia semakin faham dan yakin dengan negara kita. Kedudukan kita juga disokong oleh Laporan Bank Dunia yang bertajuk *Global Economic Prospect and Developing Countries 1998/1999*, dengan izin, menunjukkan prospek ekonomi Malaysia tahun 1999 adalah cerah. Unjuran awal kita akan pulih lebih awal dan lebih baik berbanding dengan ekonomi serantau yang terjejas akibat krisis kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana negara kita adalah satu-satunya negara yang masih memberi perkhidmatan asas perubatan dan kesihatan secara percuma, namun demikian rakyat juga diberi peluang membuat pilihan yang luas dari segi harga dan jenis perkhidmatan mengikut kemampuan. Jikalau dibanding-kan dengan negara jiran, negara kita adalah negara yang mengenakan kadar termurah untuk mendapatkan rawatan. Kalau dilihat dari segi perkhidmatan yang dibekalkan oleh kerajaan, boleh dikatakan kita telah mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan keseluruhannya, kecuali di kawasan-kawasan luar bandar yang tertentu dan terpencil di Sabah dan di Sarawak.

Walaupun terpencil kerajaan cuba juga memberi perkhidmatan percuma melalui klinik bergerak atau doktor udara. Boleh dikatakan setiap kampung ada klinik masyarakat yang dikendalikan oleh jururawat masyarakat terlatih yang boleh memberikan rawatan awal dan klinik ibu dan kanak-kanak. Setiap mukim ada pusat kesihatan yang ada pegawai perubatan dan kakitangan yang boleh memberi rawatan perubatan dan pembedahan kecil. Setiap daerah pula, ada hospital daerah yang ada klinik pakar dan mempunyai kemudahan lengkap untuk merawat semua jenis penyakit.

Kerajaan juga telah membina hospital-hospital yang canggih, yang menjadi hospital rujukan. Di samping kemudahan kerajaan terdapat juga pertumbuhan klinik dan hospital swasta yang begitu positif. Ini menunjukkan bahawa kemudahan

perubatan di negara ini akan terus berkembang dan menjadikan rantau ini sebagai destinasi mendapatkan rawatan dan tempat berehat di samping kemudahan perubatan yang canggih.

Namun demikian, kerajaan mestilah juga peka dengan masalah kekurangan doktor-doktor khususnya doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu. Masih terdapat banyak kekosongan jawatan doktor dan doktor pakar dalam Kementerian Kesihatan. Penghijrahan doktor kerajaan ke klinik swasta memang sukar dibendung. Ini disebabkan oleh desakan ekonomi dan peluang yang lebih baik di hospital swasta. Oleh itu, kerajaan hendaklah mengkaji semula skim perkhidmatan doktor-doktor dalam kerajaan supaya ia lebih menarik. Kemudian peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pakar adalah dibuat secara yang lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mengejar rawatan dengan teknologi canggih untuk penyakit-penyakit canggih akibat sosio ekonomi yang baik seperti penyakit cardiovascular, penyakit jantung, kanser dan lain-lain, kita jangan lupa tentang penyakit tradisional khususnya penyakit-penyakit berjangkit seperti denggi, malaria, TB, kolera dan lain-lain penyakit yang berkaitan dengan sanitasi dan penjagaan alam sekitar.

Kita mesti sedar bahawa seperti juga manusia yang mengejar perubahan, penyakit juga turut mengalami perubahan. Kuman penyakit juga mengalami proses pengubahsuaian, dengan izin, adaptasi. Kalau dahulu kes-kes TB datang ke hospital ataupun klinik dengan gejala-gejala dan tanda-tanda klasik, dengan izin, classical symptom insigh iaitu batuk darah, demam, susut berat badan dan sebagainya, tetapi sekarang banyak pesakit TB yang sakit dengan tiba-tiba dan dikesan mengidap penyakit TB paru-paru, TB perut, TB tulang pada peringkat yang sudah serius dengan tidak ada tanda-tanda tertentu. Yang lebih menggemparkan lagi dan malang adalah wabak Japanese Encephalitis yang menimpa negara kita baru-baru ini.

Yang terakhir ini, bahawa penyakit ini adalah disebabkan oleh Hendra-like virus yang belum pernah dijumpai dan dikenal di dunia ini. Tidak mustahil penyebab penyakit ini juga mungkin virus yang mengalami modifikasi atau adaptasi ataupun, dengan izin, mutation.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Kesihatan kerana menangani masalah ini secara serius sehingga dibentuk jawatankuasa khas di peringkat Kabinet. Juga terima kasih kepada negara-negara luar seperti Jepun, Australia dan juga pusat penyakit berjangkit Centers for Disease Control and Prevention (CDC) di Atlanta, Georgia, Amerika yang telah membantu dan menghantar pakar-pakar ke negara ini. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk membendung masalah ini, mengelak kematian dan menghentikan jangkitan. Walaupun kerajaan sudah bertindak secara serius tetapi nampaknya pihak pembangkang seperti dua hari sudah seolah-olah tidak faham dengan keadaan. Mereka nampaknya tidak faham dengan usaha kerajaan, sedang rakan-rakan kita dalam MCA melancarkan tabung untuk mengurangkan kesakitan dan masalah keluarga mereka serta penternak babi yang hilang punca pendapatan, apa yang pembangkang buat? Saya difahamkan setakat ini sudah RM3 juta telah dapat dikumpul.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terkejut apabila Ketua Pembangkang secara sombong menyuruh Menteri Kesihatan meletak jawatan atau dipecat. Cara beliau bertindak adalah secara sangat sempit. Selama ini Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai kementerian, ketua pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, tentunya telah bertugas dengan baik. Saya tahu tentu sekali pegawai-pegawai ini juga ingin menyumbang kepada negara dan ingin memelihara nama baik Malaysia sebagai pusat perubatan yang baik.

**Dato' Hon Choon Kim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat, di belakang itu. Ya, Seremban bangun di belakang.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya tertarik tadi bila Yang Berhormat sebut pembangkang juga telah melawat kawasan Bukit Pelanduk, saya ingin hendak bertanya bahawa sama ada apabila mereka melawat kawasan itu, apa jenis bantuan yang telah diberikan oleh Ketua Pembangkang serta ahli-ahlinya. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan sedikit tentang bantuan yang telah diberikan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Itulah Yang Berhormat, seperti yang saya telah katakan tadi sepatutnya dalam keadaan yang sebegini, parti pembangkang dan NGO sama-sama berusaha untuk berkempen mengawal penyakit ini, tetapi yang kita lihat bahawa parti pembangkang belum lagi membuat sebarang usaha ke arah itu walaupun mereka cuma meninjau, tunjuk muka ke kawasan Bukit Pelanduk barangkali.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Oh, kawan saya dari Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, berapakalilah Yang Berhormat pergi ke kawasan-kawasan yang dilanda wabak malapetaka ini dan adakah sebagai seorang doktor, Yang Berhormat berfikir dengan mendalam dari manakah virus ini datang, siapakah yang membawa virus ini, mengapa kerajaan ambil masa yang begitu panjang berbulan-bulan sebelum kita adakan satu jawatankuasa Kabinet? Ini semua sebagai seorang doktor yang berkaliber saya berharap dia dapat menjawab dengan betul.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Yang Berhormat tidak tahukah saya sibuk kempen pilihan raya di Sabah sehingga menang Barisan Nasional, bagaimana saya hendak melawat Bukit Pelanduk. Saya lawat di kawasan saya memastikan kawasan saya terkawal, tidak ada jangkitan ini.

Tentang dari mana sumber virus ini telah dijelaskan oleh menteri semalam bahawa virus ini baru pertama kali kita jumpa. Mungkin ini kerana sesuatu sebab penyakit ini datang. Kalau saya tanya Yang Berhormat pun dari mana asal usul kuman TB, Yang Berhormat tidak dapat jawab. Tuhan yang bagi kita ini semua. Jadi, ini kita tidak tahu tetapi kajian epidemiologi telah dibuat untuk menentukan dari mana sumber penyakit tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Kita sama-sama mengkaji masalah ini secara rasional. Virus ini bukan sahaja kerana ia bertukar corak, bahkan juga kebanyakannya datang daripada luar dan siapakah yang membawa virus ini masuk?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat semak dalam sejarah perubatan dunia wabak dunia di masa yang aman ada lebih daripada dua virus atau kuman yang menyebabkan wabak. Lebih daripada dua, biasanya satu sahaja di seluruh dunia semasa aman. Bolehkah Yang Berhormat fikir masak-masak, macam mana kita ada dua virus sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, fikir masak-masak ya. [*Ketawa*]

**Datuk Dr. Haji Mohd Yusof bin Haji Yacob:** Ini biasa Yang Berhormat, kalau kita lihat HIV pun lebih daripada satu jenis virus. HIV secara umumnya satu tetapi apabila kita kaji secara mendalam, ia mempunyai pelbagai jenis dan telah pun mengalami mutasi dan sebab itulah sehingga sekarang ini vaksin yang kita buat untuk

HIV tidak begitu efektif kerana virus ini telah pun membuat penyesuaian dan berubah mengikut semasa. Begitu juga mungkin yang berlaku di Bukit Pelandok ini juga ada kaitannya seperti faktor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan, seperti yang kita lakukan tetapi apakah sebenarnya peranan parti pembangkang ini. Apakah sumbangan mereka untuk mengawal penyakit ini? Sepatutnya mereka mengumpul pakar-pakar atau doktor yang pro-DAP untuk memberi cadangan positif bagi mengawal penyakit ini. Pihak pembangkang seolah-olah tidak faham bahawa sebarang penyakit yang disebabkan oleh virus sukar dirawati. Belum ada ubat anti-virus (anti-virus drugs) yang berkesan di dunia ini. Belum ada ubat untuk merawat penyakit denggi ataupun anti-virus denggi, belum ada ubat sehingga hari ini yang berkesan untuk merawat penyakit HIV/AIDS. Rawatan untuk penyakit yang disebabkan oleh virus adalah sebenarnya vaksin iaitu suntikan immunisasi. Ini terbukti berkesan untuk penyakit 'smallpox' yang sudah diisytiharkan pupus di dunia ini tetapi vaksin tidak boleh dihasilkan secara cepat dan ia perlu banyak kajian dan percubaan. Selalunya sebelum vaksin dapat digunakan ia terpaksa dibuat kajian berpuluh tahun sebelum boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak penyakit masih belum ada ubatnya walaupun ada ubatnya, falsafah "pencegahan itu lebih baik dari rawatan" (prevention is better than cure) perlu ditekankan semula. Bagi penyakit yang berpunca dari vektor dan alam sekitar yang kotor dan tidak sihat, maka perlu diberi penekanan yang lebih. Tindakan tegas dan menyeluruh untuk membersihkan tempat-tempat ternakan babi adalah langkah yang terbaik. Tidak dibenarkan air bertakung di kawasan ternakan kerana air bertakung ini sebagai punca pembiakan nyamuk.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di dalam ternakan babi, kita harus juga melihat secara menyeluruh. Masalah kita ialah bila terhantuk baru terngadah. Kalau masa yang lalu ada kebakaran kilang mercun di Puchong, barulah kita sedar bahawa terdapat banyak kilang haram di kawasan tersebut. Begitu juga dengan hal-hal yang lain. Bila sesuatu perkara berlaku barulah kita sedar bahawa banyak perkara yang tidak betul. Oleh itu tindakan secara menyeluruh bukan sahaja tempat-tempat ternakan babi tetapi tempat ternakan ayam juga perlu kita pastikan ia bersih. Mana tahu suatu hari nanti, bukan sahaja penyakit ayam tetapi penyakit ayam berjangkit ke manusia pun boleh berlaku seperti yang berlaku di Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh majlis-majlis kerajaan tempatan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mestilah kita patuhi. Penguatkuasa janganlah ada kompromi atau berlembut dalam soal-soal melaksanakan tugas. Ikutlah peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk kebaikan bersama dalam jangka masa panjang. Bagi penyakit yang berpunca oleh kerana alam sekitar ini, alam sekitar yang kotor dan tidak sihat, maka amalan yang sihat perlu kita tekankan. Keinginan untuk berada di kawasan yang bersih dan sihat perlu ditekankan.

Bagi penyakit yang boleh dielakkan dengan cara hidup sihat, cara pemakanan yang seimbang dan cara bersosial yang baik, penerangan terhadapnya perlu diperluaskan dan ditekankan supaya ia menjadi cara hidup rakyat kita di Malaysia. Oleh itu, penyebaran maklumat mengenai perkara-perkara asas dalam pendidikan kesihatan perlulah dibuat dan berterusan oleh kerajaan. Kita menganggap masyarakat kita sudah berpendidikan, bukan soal IT sahaja yang perlu ditekankan tetapi juga soal-soal penjagaan kesihatan dan pendidikan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman kita menghadapi wabak Coxsackie-virus dan Hendra-like virus ini, maka peranan pencegahan perlu dikaji semula. Peranan pegawai-pegawai kesihatan daerah dan negeri perlu dinaiktaraf. Oleh itu, kerajaan hendaklah memperbanyakkan pegawai-pegawai perubatan-lanjutan dalam kesihatan awam sama ada Diploma atau Sarjana Kesihatan Awam dan memberi

kemudahan dan ganjaran setimpal seperti rakan-rakan mereka yang berkelulusan dalam bidang perubatan yang lain.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana kerajaan terus membina kemudahan-kemudahan hospital untuk rakyat di seluruh Malaysia khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi Sabah telah diluluskan pembinaan hospital baru dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh saya difahamkan bahawa sebanyak RM27 juta untuk hospital-hospital seperti di Kuala Penyu, Kinabatangan, Nabawan, Pitas, Kunak, Sipitang dan juga satu hospital baru di Lahad Datu bernilai RM208.2 juta telah pun mula pembinaannya.

Untuk memenuhi kekurangan doktor-doktor pakar dan doktor-doktor perubatan yang lain, saya berharap kerajaan akan menggalakkan lebih banyak pembukaan sekolah-sekolah perubatan. Saya mohon juga agar sekolah perubatan di Universiti Malaysia Sabah dibuka segera dan sekali gus mengadakan kemudahan Ijazah Lanjutan sama ada Diploma ataupun Sarjana dalam bidang pakar-pakar tertentu. Saya yakin dengan pertumbuhan yang sihat ini dan dengan keupayaan kita mengawal penyakit berjangkit bahawa Malaysia adalah menjadi pusat perubatan yang cemerlang di rantau ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin haji Mahiruddin]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan masyarakat luar bandar, penyediaan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang baik amatlah penting menjelang alaf baru ini. Daya saing sesebuah negara itu dipengaruhi oleh economies of services, dengan izin, iaitu kelicinan dan keberkesanan sistem perkhidmatan awam seperti sistem pengangkutan dan kemudahan asas yang lain.

Kawasan luar bandar khususnya di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak adalah kaya dengan hasil dan penduduknya boleh berdikari dan boleh meningkatkan taraf hidup mereka sendiri tetapi apabila hasil tanaman mereka sukar untuk dipasarkan atau tiada pembeli yang datang, maka hasil mereka tidak ada nilai. Apabila hasil mereka tidak boleh menjadi wang, maka mereka tidak boleh mendapatkan barangan lain sebagai tukaran. Konsep barter trade, dengan izin, sudah tidak begitu praktikal lagi di masa ini.

Saya tidak begitu yakin dengan bantuan kerajaan semata-mata. Budaya menerima bantuan daripada kerajaan akan terus membuat mereka sukar mengubah cara hidup mereka. Cara yang lebih baik adalah dengan memudahkan mereka bergerak atau berurusan sendiri. Oleh itu, perkara pokok yang perlu diselesaikan adalah dengan pembinaan jalan yang baik melalui kampung-kampung terpencil. Saya yakin rakyat luar bandar ini akan berubah dengan sendirinya apabila ada jalan yang baik kerana mereka boleh memasarkan hasil usaha mereka atau ada orang yang datang membeli barangan mereka. Dengan adanya jalan aset mereka seperti tanah juga akan mempunyai nilai dan harga yang baik.

Oleh itu pelaburan kerajaan yang penting adalah dengan pembinaan jalan utama dahulu. Apabila ada jalan yang baik mereka akan berusaha sendiri untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Kalau pun ada yang perlu ditolong adalah mereka yang betul-betul susah. Saya merayu agar semua jalan penghubung daerah-daerah di Sabah dan Sarawak hendaklah ditarkan. Kita faham ia perlu pelaburan yang besar tetapi ini juga adalah satu perkara asas yang perlu dilaksanakan.

Pelabur-pelabur sama ada dari dalam negeri dan luar negeri akan menilai rangkaian sistem pengangkutan sebelum mereka melabur. Industri pelancongan, perkilangan, pertanian dan lain-lain perlu sistem perhubungan yang baik. Dengan siapnya Lebuhraya Utara-Selatan, misalnya, telah memendekkan masa perjalanan dari Kangar ke Kuala Lumpur, Johor Bahru dan ke Singapura. Dengan siapnya Lebuhraya

Timur-Barat telah memendekkan perjalanan dari Perak ke Kelantan dan Terengganu. Sekarang ini kerajaan telah meluluskan pembinaan Lebuhraya Karak ke Kuala Terengganu. Kita ucap terima kasih kepada kepimpinan kerajaan. Kita faham pembinaan jalan ini mahal tetapi ia adalah sebagai nadi pembangunan. Dengan adanya jalan ini kita lihat pusat-pusat pertumbuhan ekonomi yang baru, pusat-pusat perumahan, kilang segera dibina di sepanjang lebuhraya tersebut. Harga tanah telah melambung tinggi, kawasan dulunya hutan telah menjadi kawasan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Malaysia Timur perlu semua ini. Kita ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Pusat kerana sejak Barisan Nasional memerintah di Sabah banyak lebuhraya utama telah dibina. Lebuhraya Inanam-Tuaran, Lebuhraya Sulaman-Kota Belud telah siap dibina. Jalan-jalan yang masih dalam pembinaan ialah Beaufort-Menumbok, Beaufort-Mesapol dan Tandek-Pitas. Beberapa jalan utama lagi telah pun dikenal pasti kontraktornya iaitu seperti Jalan Beluran-Sandakan Spur, Putatan-Lok Kawi dan lain-lain yang tidak saya sebutkan yang kesemuanya bernilai lebih daripada RM1 bilion. Apabila jalan ini siap nanti akan mengubah wajah kawasan ini. Namun demikian beberapa jalan lagi perlu dibuat seperti jalan Keningau-Nabawan, Beaufort-Tenom, Kemabung-Sipitang, Beluran-Pitas dan lain-lain yang merentasi kawasan produktif dari segi pertanian dan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Pan-Borneo yang dirancang juga perlu disegerakan. Saya dapati pembinaan di sebelah negara Brunei Darussalam tidak begitu menggalakkan kemajuannya. Sepatutnya ia dibina serentak. Jalan dan jambatan di Tamburung belum ada tanda-tanda untuk dimulakan. Rundingan dengan negara jiran ini perlu dan jikalau mereka tidak mahu membina jalan ini kita terpaksa mencari alternatif, jikalau perlu kita terpaksa membuat jalan baru yang menghubungkan Lawas ke Bintulu atau Miri melalui kawasan pedalaman Sarawak sendiri. Dengan pembinaan jalan ini akan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan pedalaman.

Rakan saya dari Bukit Mas tentu setuju perkara ini. Ini kerana perhubungan di antara Kuching dengan Sarawak begitu penting untuk rakyat Malaysia Timur. Kita tidak perlu melalui negara jiran Brunei kerana ini melibatkan pelbagai birokrasi seperti pasport dan juga rakyat kita mungkin tidak begitu tertarik untuk ke situ kerana tukaran mata wang yang mahal. Oleh itu jalan dalam negara kita sendiri adalah perlu sebagai alternatif. Oleh itu Lebuhraya Pan-Borneo ini begitu penting untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak.

Bagi jalan-jalan yang sudah ada sekarang, jambatan-jambatan perlu dibina di sungai-sungai di sepanjang Sarawak untuk menggantikan feri yang ada sekarang yang mana menghalang kelancaran perjalanan melalui Lebuhraya Pan-Borneo ini.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar perlu juga disegerakan dan diselenggara dengan baik dan perlu ditambah. Pelaksanaan secara konsep payung yang dilaksanakan sekarang nampaknya tidaklah ada bantahan yang serius. Apa yang menjadi masalah ialah senarai jalan yang hendak dilaksanakan atau hendak diperbaiki adalah tidak terkini. Ini menimbulkan kesukaran dan kemarahan kepada orang kampung. Saya mohon kepada agensi pelaksana terutama sekali Kementerian Luar Bandar supaya senarai ini dapat disemak dahulu sebelum diserahkan kepada kontraktor payung. Senarai yang diperolehi oleh kontraktor payung itu adalah senarai yang lama dan kadang-kadang jalan tersebut telah diperbaiki. Oleh itu, perlu diselaraskan dahulu dengan pejabat daerah dan wakil rakyat, Ahli Dewan Rakyat ataupun ADUN sebelum Pelaksanaan dimulakan. Senarai-senarai terkini dari pejabat daerah juga perlu untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik luar bandar juga perlu disegerakan. Peruntukan yang mencukupi perlu disediakan bagi kampung-kampung yang jauh terpencil dan perlu penyambungan talian yang jauh perlu dikaji. Kaedah pembekalan elektrik berasingan seperti yang dibuat sebelum ini iaitu sistem hybrid battery

generator, dengan izin, perlu diperkenalkan semula. Bagi kawasan-kawasan pedalaman seperti di kawasan saya Sipitang, kampung-kampung seperti Meligan, Iburu, Ulu Bole, Pengarawan, Sungai Itih dan lain-lain kampung perlu sistem ini. Begitu juga dengan banyak kampung-kampung di kawasan pedalaman seperti Keningau, Kinabatangan dan juga jalan-jalan pedalaman di Sarawak masih perlu sistem ini. Sistem ini bukan sahaja cepat tetapi ia murah dan berkesan untuk keperluan kampung-kampung terpencil.

Program bekalan air bersih kampung terpencil juga perlu disegerakan melalui penyambungan paip secara graviti atau bekalan tangki. Masalah bekalan air di pekan-pekan kecil di Sabah adalah serius. Kerajaan Persekutuan perlu campur tangan secara berkesan menyelesaikan perkara ini. Dasar penswastaaan hendaklah dijelaskan dengan teratur agar rakyat tidak sentiasa terkeliru dan salah anggap tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, program mempercepatkan ekonomi luar bandar juga perlu diperkenalkan. Penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain agensi perlu dipertingkatkan. Tanah-tanah terbiar milik orang kampung perlu dikenal pasti dan dimajukan segera agar kawasan luar bandar ini sama-sama menikmati arus pembangunan yang diinginkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemeliharaan alam sekitar dan pelancongan. Isu-isu mengenai hutan tropika jarang kedengaran sekarang ini. Ini adalah kerana kesungguhan negara untuk menghijaukan hutan kita dengan agro-forestry. Kecantikan semula jadi negara adalah menjadi nadi dan aset negara ini yang mana ia merupakan tarikan pelancong. Industri pelancongan adalah satu-satunya sektor yang juga menyumbang kepada pemulihan ekonomi dengan cepat. Untuk menjaga imej negara, soal-soal penjagaan alam sekitar dan peningkatan kebersihan perlulah dilaksanakan. Bandar, pekan kecil dan kampung-kampung perlu sentiasa dalam keadaan bersih. Ini bukan sahaja untuk ditunjukkan kepada pelawat-pelawat tetapi juga sebagai budaya, cara hidup orang Malaysia sama ada di bandar atau di kampung. Ini sekali gus dapat menjauhkan penyakit seperti JE tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sungai-sungai, longkang-longkang dan parit besar, tasik dan kolam kita juga hendaklah dipelihara. Tebing-tebing sungai, parit dan tasik hendaklah sentiasa terurus dan bersih. Tabiat mendirikan tandas di tebing sungai, di tebing tasik atau membuang sampah dengan mudah ke sungai dan tasik hendaklah dihentikan serta-merta. Pelepasan sisa buangan industri ke parit, sungai tanpa rawatan yang mencukupi yang mencemarkan sungai dan tasik hendaklah dicegah dan tindakan tegas perlu diambil mengikut undang-undang.

Kawasan-kawasan strategik dan mempunyai nilai untuk pelancongan perlu dikenal pasti dan dipelihara. Pendidikan sivik dan penjagaan alam sekitar terutama di tempat-tempat awam serta sungai perlu ditekankan dari peringkat pra sekolah lagi. Perbuatan membuang sampah sewenang-wenangnya dari kereta, kalau kita lihat semasa memandu ada orang sewenang-wenang sahaja membuang sampah daripada tingkap kereta semasa berjalan perlu dihentikan dan diambil perhatian kepada semua pihak. Perbuatan ini amatlah memalukan dan mengaibkan kita.

Kawasan rumah yang bersih, sungai dan tasik yang tidak dicemari akan menambah lagi kecantikan negara dan akan menarik lebih ramai pelancong dan secara tidak langsung dapat menjauhkan penyakit. Sungai dan tasik yang bersih boleh jadi tempat reaksi, tempat pembiakan ikan yang boleh menjadi punca pendapatan penduduk dan punca ikan yang boleh dimakan.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti merosak hutan simpanan dengan cara pembalakan haram tidak seharusnya berlaku. Saya hairan mengapa hingga sekarang ini masih lagi dari semasa ke semasa laporan berlakunya pembalakan haram ada di negara kita. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang ada.

Penjagaan awal alam sekitar ini perlu dan hendaklah dibuat secara berterusan. Jikalau tidak dijaga dari awal maka kita akan membayar dengan harga yang sangat mahal untuk memulihkannya di masa akan datang dan proses pemulihan pula memakan masa yang lama. Sebagai contoh, pencemaran sungai Klang misalnya, dengan timbunan sampah, botol plastik, lampin kanak-kanak dan wanita, tayar, kayu dan sebagainya amat mengaibkan. Kita mestilah melihat contoh-contoh seperti sungai-sungai di negara maju seperti di Eropah yang mempunyai air yang bersih dan cantik menjadi sumber tempat reaksi dan punca untuk kita berehat dan menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bangga industri pelancongan kita sedang menikmati momentum dengan kedatangan pelancong yang sungguh memberangsangkan. Sejak kebelakangan ini semakin banyak produk pelancongan dilancarkan untuk menyemarakkan lagi industri pelancongan di negara kita. Sektor perhotelan adalah mencukupi, cukup .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat tadi berucap berkenaan dengan pelancongan. Yang Berhormat fokus di dalam bandar, adakah juga dalam ucapan Yang Berhormat ingin menekankan bahawa keindahan-keindahan alam sekitar ini kebanyakannya berada di kawasan-kawasan di luar bandar. Contohnya, macam di Sabah sendiri, kawasan-kawasan begitu indah yang terdapat di pelusuk dunia lain ada di Sabah. Begitu juga di Yan ada kawasan-kawasan yang tidak ada Switzerland tetapi ada di Yan. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin menekankan sebab kerajaan juga membangunkan industri-industri pelancongan bukan sekadar di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di negeri-negeri lain di kawasan-kawasan yang jauh dalam perkampungan.

Saya berpendapat bahawa kadang-kadang pelancong ini suka kepada tempat-tempat yang sunyi, alam sekitarnya indah, bunyi burung-burung, melihat pokok-pokok yang kehijauan. Jadi, selain daripada kita membangunkan kawasan-kawasan bandar dengan konsep pelancongan ini, adakah Yang Berhormat bersetuju untuk meminta kerajaan mempertingkatkan peruntukan untuk pelancongan di luar bandar? Terima kasih

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang bersetuju, saya sudah katakan di peringkat awal tadi iaitu di mana infrastruktur ini perlu dibuat oleh kerajaan. Walaupun ia mahal tetapi ia perlu kita buat. Walaupun tempat itu kadang-kadang tidak begitu ramai penduduk tetapi jalan itu biarlah melalui tempat-tempat yang strategik yang mempunyai hasil yang banyak, misalnya berpotensi untuk pertanian dan pelancongan.

Seperti Yang Berhormat katakan tadi memang baik, tempat-tempat seperti di Sabah dan Sarawak mempunyai daya tarikan pelancong yang begitu baik tetapi kawasan ini belum boleh dikunjungi, tidak ada kenderaan yang boleh datang ke situ kerana tidak ada jalan. Kalau ada jalan pun jalan-jalan kayu balak yang cuma boleh didatangi atau dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda dan ini menyukarkan untuk pelawat-pelawat untuk berkunjung ke situ. Jadi pelancongan ini bukan sahaja di kawasan bandar, yang kita ingin tekankan ialah pelancongan ini biarlah menyeluruh. Ada pelancong yang suka di bandar dan ramai juga pelancong yang suka tempat yang sunyi yang perlu untuk berehat, menenangkan fikiran, memerhati keindahan semula jadi dan juga kawasan pergunungan. Inilah yang akan kita tekankan. Jadi, sebab itulah saya mengatakan bahawa perkara ini kita kena labur, kerajaan kena melabur dalam pembinaan infrastruktur jalan ini barulah industri yang lain akan turut berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bahawa sektor perhotelan adalah mencukupi, cukup meyakinkan dari segi kualiti dan harga yang murah. Saya perhatikan penyertaan bumiputera juga sangat menggalakkan dan ini perlu dipertingkatkan lagi. Aktiviti-aktiviti pelancongan berasaskan ecotourism, agrotourism dan aqua-tourism, dengan izin perlu diterokai. Kerajaan hendaklah memperbanyakkan acara-acara yang melibatkan masyarakat antarabangsa seperti yang pernah dibuat sebelum ini. Kita yakin beberapa usaha kerajaan seperti memperkenalkan perlumbaan kereta Formula One akan dapat menambahkan lagi bilangan pelancong ke negara ini. Kawasan-kawasan pelancongan yang baru dan menarik hendaklah diperkenalkan. Seperti yang kita katakan tadi banyak kawasan pergunungan di Sabah dan Sarawak mempunyai kecantikan semula jadi. Kawasan ini perlu diterokai dengan pembinaan jalan-jalan ataupun dengan mengaturkan supaya lebuh raya melalui kawasan-kawasan ini supaya senang dikunjungi oleh orang awam dan juga pelabur-pelabur yang ingin membuka pusat-pusat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan belia dan juga sukan, belia-belia yang ada sekarang adalah pewaris dan bakal pemimpin negara kita di masa akan datang. Merekalah yang akan mengurus negara kita nanti. Oleh yang demikian, kita perlu ada kumpulan ataupun sebilangan besar belia-belia yang bertanggungjawab, yang dilatih bertanggungjawab, yang ada semangat patriotik dan tidak boleh dipersendakan oleh orang luar.

Program-program kerajaan atau agensi-agensi NGO yang menekankan ibu bapa mendidik anak dari kecil supaya cintakan negara dan sayangkan dirinya perlu diperluaskan. Program Rakan Muda seperti yang dilaksanakan sekarang perlu diperluaskan ke kawasan luar bandar dan perlu dibuat penilaian untuk setiap program yang dilaksanakan. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini telah pun mengembangkan Rakan Muda ke rangkaian-rangkaian di tanah FELDA. Ini kita amat alu-alukan. Saya dapati banyak program untuk belia tidak ada tindakan susulan ataupun penyeliaan. Ini menyebabkan belia-belia telah jadi terbiar, selepas satu program ia berakhir di situ sahaja. Oleh itu penyeliaan berterusan dan kerap adalah perlu. Jikalau kurang pegawai penyelia maka ia mesti ditambah. Saya melihat perkara ini penting.

Tuan Yang di-Pertua, bagi belia yang menganggur perlu dinasihatkan supaya bekerja. Amalan memilih kerja perlu dihapuskan.

Ibu bapa mempunyai peranan penting dalam hal ini. Di negara kita banyak pekerjaan tetapi anak muda kita tidak digalakkan bekerja. Ibu bapa semestinya faham mengapa anak mereka perlu bekerja walaupun mereka mampu membiayai anak mereka tanpa anak-anak mereka bekerja. Tetapi sebenarnya penting supaya anak-anak ini bekerja, yang pertama agar mereka ada aktiviti supaya masa yang terluang itu dipenuhi ataupun dapat diisi.

Yang kedua, supaya mereka menjadi rakyat yang produktif. Yang ketiga, supaya menimba pengalaman sebelum dapat kerja yang lebih baik. Yang keempat, melatih mereka memikul tanggungjawab.

Konsep sebagai ibu bapa yang begitu protektif perlulah dihapuskan. Oleh itu program galakan bekerja untuk belia-belia kita perlu diadakan. Acara-acara sampingan selepas bekerja seperti bersukan, berpersatuan juga digalakkan. Tetapi yang penting ialah walaupun belia ini mempunyai kelayakan, kekayaan, mereka mestilah bekerja walaupun kerja itu dikatakan tidak begitu setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, untuk dasar luar dan antarabangsa – dalam era dunia tanpa batasan ini berita dan peristiwa yang berlaku di sesebuah negara dapat tersebar dengan cepat. Penyebaran yang cepat ini juga akan memberi kesan dan pengaruh yang cepat kepada negara di seluruh dunia. Usaha gigih pemimpin negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita

dan kemajuan negara kita telah membuat Malaysia dikenali di seluruh dunia. Negara kita telah menjadi kunjungan dan contoh kepada banyak negara khususnya kepada Negara-negara Ketiga.

Kelantangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menyuarakan isu-iu tertentu serta pandangan-pandangan beliau yang bernas, relevan, tegas dan konsisten sentiasa menjadi tumpuan dunia. Apabila beliau dijemput berucap di satu-satu majlis antarabangsa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan mengambil peluang ini untuk menyatakan pandangan beliau. Ucapan beliau adalah ditunggu-tunggu oleh pemberita-pemberita antarabangsa dan juga pemimpin-pemimpin dunia yang lain.

Oleh kerana kesungguhan beliau dan pandangan yang berfaedah untuk masyarakat sejagat maka negara Malaysia juga menjadi terkenal di pentas dunia. Apa yang dicakapkan oleh Perdana Menteri kita turut disokong dengan fakta dan mendapat sokongan dari banyak negara. Kita turut sama-sama berbangga dengan pencapaian negara kita ini.

Oleh kerana negara kita sudah dikenali, hasil dari usaha gigih pemimpin-pemimpin kita dan mendapat perhatian dunia, maka sudah sampai masanya kita mengambil bahagian yang lebih banyak, proaktif, berusaha lebih gigih untuk menyumbang kepada dunia dan kebaikan sejagat.

Malaysia seharusnya menggunakan peluang yang baik ini. Kita boleh berperanan sebagai pemangkin dalam forum-forum antarabangsa untuk isu-isu tertentu.

Malaysia sepatutnya mengajak rakan-rakan dalam badan-badan antarabangsa ini bersama-sama mencari jalan untuk menyuarakan, menganalisa dan menyelesaikan isu-isu semasa dunia.

Melalui ASEAN tentu sekali kita dapat bekerja rapat dengan rakan-rakan kita dalam menangani masalah serantau dengan lebih berkesan lagi, baik dari segi masalah ekonomi, keselamatan, alam sekitar dan sebagainya. Rakan-rakan ASEAN tentunya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan bersama.

Melalui Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) tentunya banyak perkara yang perlu diketengahkan dan dibincangkan. Soal pengukuhan ekonomi dan penguasaan ilmu dan teknologi oleh orang-orang Islam seperti yang pernah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suatu masa lalu perlu disambung semula. Masalah penindasan dan pembersihan kaum di Kosovo oleh kaum Serbia juga perlu diambil perhatian dan ditinjau secara mendalam.

Melalui APEC tentunya akan dapat menyelesaikan banyak masalah ekonomi seperti persidangan yang lalu di Kuala Lumpur, tentunya cadangan kita mendapat perhatian yang lebih.

Melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Malaysia adalah ahli tidak tetap dalam jawatankuasa keselamatan, tentunya kita boleh mengambil peranan yang lebih dalam menangani banyak isu.

Melalui Pertubuhan Selatan-Selatan dan G15, tentunya banyak yang boleh dibuat dan telah dipersetujui dengan cadangan dan wawasan negara kita. Soal-soal pembahagian kekayaan dunia, usahasama dan perkongsian pintar juga telah diperbincangkan dan diamalkan.

Keupayaan ahli-ahli perniagaan yang melabur dan memperluaskan perniagaan di negara-negara luar juga sebagai bukti keupayaan orang Malaysia. Melalui ahli-ahli perniagaan dan etika korporat mereka, tentunya dapat mempopularkan lagi negara kita di luar. Ini boleh memperkenalkan kepada mereka

mengenai cara kita bekerja, cara kira berniaga dan kita boleh memindahkan teknologi kita dan mereka boleh menerima barangan buatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit mengenai pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan Malaysia kerana peningkatan kemampuan pelajar dan mendapat keputusan cemerlang dalam SPM tahun 1998 yang lalu.

Pencapaian ini tentunya memberi gambaran pencapaian dan kualiti anak-anak kita juga meningkat. Kebanyakan sekolah-sekolah yang mencapai kelulusan 100% adalah sekolah-sekolah berasrama penuh. Ini mungkin disebabkan oleh, yang pertama, kemudahan sekolah yang baik; yang kedua, pelajar yang ditempatkan di situ adalah pelajar pilihan; yang ketiga, cara belajar yang baik dan sistematik dan terkawal; dan yang keempat pelajar tinggal di asrama sepenuh masa.

Memandangkan pencapaian sekolah-sekolah ini begitu baik dan permintaan serta harapan ibu bapa juga tinggi untuk anak mereka dimasukkan ke sekolah-sekolah seperti ini maka kerajaan hendaklah menilai dan cuba memenuhi permintaan ibu bapa ke arah ini dengan cara:

- (i) membina lebih banyak sekolah-sekolah menengah baru dengan kemudahan lengkap seperti asrama penuh;
- (ii) menaik taraf sekolah-sekolah menengah yang sedia ada supaya sampai ke tahap kualiti sekolah asrama penuh mengikut zoning atau kawasan masing-masing;
- (iii) melonggarkan sedikit kelayakan untuk memasuki sekolah asrama penuh tersebut; dan
- (iv) pihak kementerian hendaklah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti MARA dan swasta untuk memenuhi permintaan.

Oleh yang demikian sekolah-sekolah baru perlu dibina di seluruh negara. Ini akan memberi peluang kepada setiap anak-anak untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Ini telah pun dilaksanakan dan kita harap dapat dipercepatkan. Kita menyambut baik pengumuman Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa Mohamed yang telah meluluskan dua lagi Maktab Rendah Sains MARA di Sabah, sekarang ini baru ada satu, saya mohon salah sebuah daripada dua itu iaitu yang diluluskan supaya dapat dibina di kawasan Sipitang yang mempunyai kedudukan yang strategik dan bersempadanan dengan negeri Sarawak. Yang satu lagi biarlah diletakkan di pantai timur negeri Sabah.

Saya juga berharap lebih banyak sekolah-sekolah teknik dan pusat-pusat latihan didirikan di seluruh negara untuk melahirkan pekerja-pekerja terlatih ataupun skilled workers yang amat kita perlukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sudah sampai ke penghujung, saya yakin pemimpin-pemimpin Barisan Nasional adalah pemimpin yang bertanggungjawab. Apa yang dilakukan selama ini adalah semata-mata untuk rakyat negara ini. Saya berharap negara kita akan terus aman dan maju di bawah pimpinan Barisan Nasional dan kita harap negara kita akan terus berada di bawah pimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Minta Ahli Yang Berhormat Mentakab menyokong.

12.30 tgh.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa di mana suasana ekonomi masih tidak ketentuan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membawa berita yang amat menggalakkan dan meyakinkan khususnya mengenai tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ekonomi negara kita sudah mula pulih. Titah ucapan Seri Paduka Baginda juga membawa satu mesej yang amat penting iaitu semua pihak sama ada sektor swasta, awam atau rakyat jelata perlu memberi kerjasama dan sokongan padu pada segala usaha kerajaan dalam mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan Ogos 1998 apabila Indeks Komposit BSKL menjunam ke tahap 260 mata dan kadar tukaran melonjak ke RM4.30 – US\$1, keyakinan rakyat sudah bergoncang dan perasaan panik mula merebak. Rakyat tertanya-tanya apa telah terjadi kepada ekonomi negara kita. Kini tujuh bulan sejak kerajaan mengambil langkah drastik menghapuskan sah laku mata wang Malaysia di luar negara, menetapkan kadar tukaran wang dengan US Dolar pada tahap RM3.80 dan mengawal aliran modal jangka masa pendek atau hot money. Laporan Ekonomi Bank Negara dan Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia telah menjangka KDNK sebenar pada tahun ini akan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1%. Pengumuman ini merupakan satu pengesahan bahawa keadaan ekonomi negara yang meruncing telah melepasi tahap terendah atau sudah pun bottom up dan mula pulih. Kepada para peniaga, pelabur dan rakyat jelata, pengesahan ini amat melegakan dan sudah tentu akan memperkukuhkan lagi keyakinan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kesan buruk krisis ekonomi dan memulihkan keyakinan orang ramai kerajaan telah mengambil pelbagai langkah termasuklah yang berikut iaitu:

- (i) melaksanakan pelan pemulihan ekonomi negara;
- (ii) memperkenalkan belanjawan defisit pada tahun 1999 untuk mencegah semua aktiviti ekonomi;
- (iii) memperkukuhkan sistem perbankan dengan langkah seperti penubuhan Danaharta, Danamodal, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat;
- (iv) mengurangkan SRR secara berperingkat daripada 13.5% kepada 4%;
- (v) melanjutkan tempoh NPL daripada tiga ke enam bulan dan menambah kakitangan Bank Negara untuk meningkatkan kerja kawal selia dan pemantauan;
- (vi) mengurangkan import dengan kempen Beli Barangan Tempatan dan mempertingkatkan keluaran makanan tempatan; dan
- (vii) menggalakkan penggunaan melalui kempen-kempen seperti pemilikan rumah dan melonggarkan syarikat pinjaman untuk pembelian kereta dan harta rumah.

Ekoran pelaksanaan langkah-langkah tersebut sejak pertengahan tahun 1998 dan langkah kawalan tukaran wang pada bulan September tahun yang sama termuncullah beberapa kesan positif yang dianggap sebagai tanda-tanda bahawa ekonomi kita telah mula pulih. Rakyat jelata merasa besar hati bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah berhasil dan berharap tanda-tanda tersebut dan keyakinan orang ramai akan terus diperkukuhkan lagi pada 2<sup>nd</sup> quarter, dengan izin, dan bulan-bulan menjelang akhir tahun.

Namun demikian untuk memastikan tanda-tanda yang disebutkan oleh Bank Negara benar-benar membayangkan pemulihan ekonomi negara, saya minta kementerian-kementerian yang berkenaan menjelaskan beberapa perkara yang berikut:

- (i) mengenai pelaburan asing dan tempatan. Adakah peningkatan pelaburan asing pada tahun 1998 berbanding dengan tahun 1997 yang dilaporkan merupakan peningkatan sebenar atau disebabkan oleh perbezaan kadar tukaran Ringgit Malaysia. Antara nilai pelaburan sebanyak RM5.6 bilion yang telah dicadangkan dan projek-projek yang telah diluluskan, berapa banyak telah dilaksanakan?
- (ii) apakah gambaran mengenai pelaburan oleh peniaga-peniaga tempatan, adakah ia telah meningkat atau kian berkurangan? Angka ini amat penting sebab ia membayangkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan;
- (iii) apakah benar indek keluaran sektor industri masih mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 15.7% pada bulan Januari tahun ini, jika benar, apakah impaknya terhadap ekonomi yang telah mula pulih memandangkan sektor industri adalah sektor utama yang menyumbang sebanyak 32% kepada KDNK negara; dan
- (iv) adakah peningkatan Indek Komposit DBKL daripada 262 mata kepada 518 mata pada 15 Mac tahun ini merupakan kembalinya keyakinan pelabur atau disebabkan oleh aktiviti jual beli dana dalaman khususnya dana-dana kerajaan. Bagaimana sentimen dana asing sekarang terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur, adakah mereka telah kembali atau sudah merancang menarik keluar pelaburan mereka yang sedia ada selepas 1 September tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pengumuman kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa walaupun negara kita akan terus mengamalkan dasar belanjawan defisit yang melibatkan pinjaman untuk membiayai pemulihan, tetapi kerajaan akan memastikan supaya kita tidak akan memikul terlalu berat segala bebanan dalam debt servicing untuk tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak telah bersetuju bahawa serangan spekulator the hedge fund terhadap pasaran saham dan mata wang adalah faktor utama yang mencetuskan krisis ekonomi di rantau Asia termasuk Malaysia, tetapi kita juga perlu dengan sikap terbuka bahawa ada juga kelemahan-kelemahan dalaman yang perlu ditangani. Saya ingin bangkitkan tiga perkara di mana saya berharap akan dapat perhatian kerajaan.

Yang pertama, mengenai kelemahan sistem perbankan. Saya pernah membangkitkan kelemahan-kelemahan sistem kewangan dan perbankan pada sesi Dewan tahun lepas. Kelemahan-kelemahan yang saya ingin masukkan termasuklah kekurangan pengurusan risiko atau dengan izin, risk management dalam meneruskan pinjaman kepada segelintir kecil peminjam, kekurangan ketelusan dan accountability mengenai hal pinjaman. Kegagalan juru audit dalaman dan juru audit awam melaporkan apa jua ada penyelewengan dan, dengan izin, bad practices dalam urusan pinjaman yang berlaku di peringkat atasan. Ketidakterkesan kawal seliaan oleh Bank Negara terhadap bank-bank dan kegagalan Bank Negara mengadakan early morning system, dengan izin, yang boleh mengesan apa-apa yang tidak sihat berlaku dalam sistem perbankan kita.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai projek penswastan di mana ramai Ahli Yang Berhormat termasuk penyokong kerajaan telah pun menegur beberapa aspek penswastan yang perlu diperbetulkan antaranya termasuk kekurangan

ketelusan dalam meluluskan sesuatu projek, biasanya terma dan syarat perjanjian konsesi tidak diumumkan, tidak mengenang pandangan pengguna dan wakil rakyat tempatan dan kemampuan pengguna dalam pembayaran caj yang dikenakan dan juga butir-butir mengenai syarikat konsesi khususnya tentang keupayaan kewangan syarikat untuk membiayai projek yang diswastakan biasanya juga tidak diberitahu. Pendek kata saya ingin menyeru kerajaan supaya mengkaji semula secara menyeluruh semua aspek dan cara projek penswastakan diluluskan sekarang supaya kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh ialah mengenai amalan di pejabat kerajaan dan badan-badan kerajaan seperti BSKL kerap kali menukar syarat-syarat dan peraturannya dengan sewenang-wenangnya. Amalan ini telah membawa kesan negatif terhadap keyakinan pelabur-pelabur asing dan tempatan, dan juga telah merosakkan kredibiliti pihak penguasa. Contoh yang paling ketara ialah keputusan tentang levi sebanyak RM100,000 yang dikenakan kepada pembelian harta termasuk kondominium oleh pembeli asing. Walaupun levi ini telah dimusnah tetapi keyakinan pembeli asing sukar diwujudkan semula kerana mereka takut keputusan kerajaan mungkin berubah pada bila-bila masa.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi bukan sahaja membawa balik ekonomi ke tahap yang sihat tetapi juga ia memperbaiki kelemahan dalam sistem ekonomi dalam mekanisme pemantauan, dalam dasar kerajaan, dalam pengurusan korporat supaya dapat mengelak berlakunya sekali lagi krisis ekonomi pada masa akan datang.

Bagaimanapun saya ingin mengucapkan syabas kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan kerajaan yang berjaya menangani krisis ekonomi dan memulihkan ekonomi negara walaupun di peringkat awal, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah dikritik oleh pakar-pakar dan media asing.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun krisis ekonomi telah dikawal dan ekonomi telah mula pulih tetapi krisis virus Encephalitis masih amat membimbangkan. Tragedi ini telah mengakibatkan kehilangan 86 nyawa setakat 4 April 1999 dan keluarga berpecah-belah, anak-anak menjadi yatim, janda hilang tempat bergantung keluarga dan penternak-penternak menjadi muflis. Tragedi ini amatlah menyayukan dan menyedihkan hati kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Sehingga hari ini jumlah kematian masih meningkat dan ramai orang kini merasa was-was dan tidak berani makan daging khinzir walaupun ianya telah disah sebagai babi yang sihat. Pasaran luar negeri telah terputus dan pelancongan di Malaysia terus terjejas. Di kawasan-kawasan yang tidak dijangkiti penyakit virus, penternak-penternak juga menghadapi kerugian yang besar oleh kerana mereka terpaksa terus memberi makanan kepada babi walaupun permintaan terhadap pasaran telah jatuh 80% hingga 90%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Menteri Kesihatan dan Menteri Pertanian dalam masa soalan pada 6 April 1999 telah menjawab dengan panjang lebar langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani krisis JE, namun apa yang penting kepada keluarga mangsa ialah menyelamatkan nyawa dan menghentikan kematian. Sudah tentu keluarga mangsa merasa gusar dan mempunyai banyak rungutan terhadap kerajaan atas kehilangan nyawa saudara-maranya.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai telah mengkritik cara kementerian-kementerian berkenaan mengendali krisis JE. Walaupun tidak boleh dinafikan bahawa tahap kebersihan di persekitaran tempat perternakan babi amat tidak memuaskan dan telah menjadi sarang nyamuk Culex. Orang ramai menuduh bahawa Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian tidak memandang berat pada peringkat awal merebaknya penyakit JE. Terlalu tumpu kepada penyakit JE sehingga gagal

mengambil kira kemungkinan adanya lain virus seperti Hendra-like dan terlalu banyak kenyataan akhbar daripada pelbagai pihak yang tidak selaras telah mengelirukan orang ramai.

Betul atau tidak tuduhan-tuduhan tersebut, saya berpendapat kedua-dua kementerian perlu menjalankan satu post-mortem review terhadap peristiwa ini dengan sikap terbuka supaya kita dapat mengambil iktibar daripada tragedi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini apa yang paling penting ialah usaha menyelamatkan mereka yang masih dalam keadaan tenat di hospital, mengawal supaya penyakit virus ini tidak merebak lagi dan menyalurkan apa-apa bantuan kebajikan dan kemanusiaan yang ada pada pesakit-pesakit dan keluarga mangsa yang hilang tempat bergantung.

Tuan Yang di-Pertua, industri penternakan khinzir merupakan satu industri yang amat berjaya dalam sektor ternakan Malaysia. Bukan sahaja ia telah dapat menampung 100% permintaan dalaman bahkan ia juga telah dapat mengeksport hampir 28% jumlah keluaran luar negeri. Daripada jumlah nilai keluaran sebanyak lebih kurang RM1 bilion hampir 208 juta untuk pasaran eksport maka saya berharap tiada mana-mana pihak akan mengambil tindakan tergesa-gesa untuk menutup atau menghapuskan penternakan khinzir di negara kita.

Sebaliknya ia patut membantu penternak-penternak dan pengusaha membina balik industri ini di bawah kawasan penternakan khinzir bersepadu yang telah diluluskan oleh Kabinet. Kawasan-kawasan yang dicadangkan perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden seperti central waste treatment system, dengan izin, yang akan menjamin kebersihan persekitaran klinik haiwan dan rumah sembelih.

Saya berharap kerajaan-kerajaan negeri akan bekerjasama menyediakan tanah yang sesuai untuk merealisasikan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan kerajaan memberi bantuan kewangan sebanyak RM50 untuk setiap babi yang dimusnah dalam zon berisiko tinggi. Namun penternak-penternak berpendapat bantuan RM50 itu adalah tidak mencukupi sebab kos seekor babi adalah lebih kurang RM250. Saya ingin menyeru kerajaan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk menambah bantuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, anggota Tentera, Polis dan para pemberita daripada media massa yang telah memainkan peranan masing-masing dalam usaha menangani krisis. Sebenarnya mereka yang bertugas di kawasan risiko tinggi bersedia mendedahkan diri kepada risiko tertentu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih pada persatuan-persatuan, badan sukarela, syarikat-syarikat, pihak media dan orang ramai yang telah tampil ke hadapan untuk menyumbang pada tabung-tabung yang telah ditubuhkan untuk membantu keluarga mangsa JE. Mereka benar-benar telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia sentiasa sedia 'give, care and share' mereka yang kurang nasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalih kepada satu perkara yang telah banyak memberi tekanan kepada pendapatan rakyat luar bandar dan pekebun kecil iaitu isu harga getah, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sejak tahun lepas harga getah telah jatuh dengan mendadak misalannya harga getah cair yang mempunyai kecairan lebih kurang 70% harganya telah jatuh 32% daripada RM2.50 tahun lepas kepada RM1.70 sekilogram dan harga getah beku telah jatuh hampir 60% daripada RM1.10 tahun lepas pada lebih kurang 60 sen sekilogram sahaja. Tuan Yang di-Pertua, 60 sen ini tidak mencukupi pun untuk membeli sebungkus roti dan harganya adalah rendah daripada secawan kopi.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya seorang penoreh getah boleh dapat sebanyak 15 kilogram getah sehari dengan harga RM1.70 nilai hasil sehari ialah lebih kurang RM30 jika penoreh getah itu juga merupakan tuan tanah. Tetapi jika penoreh berkenaan cuma menoreh untuk orang lain, hasil RM30 itu akan dibahagikan separuh antara penoreh dan tuan punya kebun, ini bermakna dia cuma akan dapat lebih kurang RM15 sehari. Jika cuaca membenarkan penorehan sebanyak 20 hari sebulan, ini bermakna jumlah pendapatan bersih seorang penoreh getah ialah lebih kurang RM300 sebulan sahaja.

Peneroka-peneroka di rancangan FELDA yang menanam pokok getah seperti Jengka 22 dan FELDA Larkin di kawasan saya turut mengalami nasib yang sama. Pendapatan bersih mereka sebulan adalah antara RM350 hingga RM400 sahaja, dengan harga pasaran dan kos dan harga barangan dan kos kehidupan yang kian meningkat pendapatan yang begitu rendah langsung tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan penoreh getah, peneroka dan pekebun kecil di seluruh negara di jangka tidak kurang daripada 180,000. Kesan harga getah yang rendah amat luas, merupakan rezeki harian beribu-ribu keluarga, maka saya ingin menyeru kerajaan memandang dengan berat isu ini dan cari satu penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin meminta Kementerian Perusahaan Utama menjelaskan beberapa perkara yang berikut:

- (i) Apakah strategi dan tindakan bersepadu bersama dengan negara Thailand dan Indonesia yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan harga getah di pasaran antarabangsa, khususnya sejak negara Thailand dan Malaysia telah menarik keluar dari pertubuhan antarabangsa INRO. Apakah permasalahannya yang dihadapi dalam usaha menstabilkan harga getah ke satu tahap yang lebih munasabah.
- (ii) Apakah perancangan Lembaga Getah Malaysia dalam mempertingkatkan penggunaan getah asli dalam industri hiliran tempatan. Kini mengikut Rancangan Malaysia ketujuh cuma 30% jumlah keluaran getah diguna dalam industri hiliran. Sebagai sebuah negara yang pernah menjadi negara pengeluar getah terbesar di dunia dan mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan getah, peratusan tersebut adalah tidak memuaskan.
- (iii) Apakah masa depan industri getah asli di Malaysia, apakah nasihat yang harus kita sampaikan kepada mereka yang terlibat dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bangkitkan perkara yang ada kaitan dengan RISDA. Baru-baru ini RISDA telah mensyaratkan bahawa pekebun-pekebun kecil yang ingin menjalankan tanaman semula berkelompok, kena serah tanah mereka untuk diuruskan oleh sebuah anak syarikat RISDA, iaitu Risda Smallholders Plantation Sdn. Bhd. (RSPSB). Mereka yang ingin menandatangani satu perjanjian dengan syarikat tersebut permohonan untuk mendapatkan bantuan tanaman semula tidak akan dilayani. Dalam perjanjian tersebut, semua bantuan kewangan tanaman semula akan diserahkan kepada RSPSB untuk perbelanjaan yang perlu. Selain daripada itu, tuan tanah juga perlu membayar charge pengurusan sebanyak RM250 satu hektar setahun, komisen satu peratus untuk jualan hasil dan komisen 1.5% daripada belian input pertanian kepada RSPSB. Pada masa yang sama dalam perjanjian tersebut tidak disebut langsung bagaimana, bila dan jumlah pendapatan atau bayaran yang harus dibayar kepada tuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat perjanjian ini jelas berat sebelah kepada anak syarikat RISDA dan tidak langsung melindungi kepentingan tuan tanah. Saya telah terima banyak aduan mengenai perkara ini, saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerangkan isu ini dan menjelaskan apakah rasional tuan tanah tidak dibenarkan mengurus tanah sendiri melalui jawatankuasa seperti lalu yang telah terbukti banyak cases berjaya.

Saya juga ingin meminta RISDA memberitahu Dewan yang mulia ini, daripada jumlah program Tanaman Semula Berkelompok (TSB) dan mini estet yang dikendali oleh RISDA berapa peratus telah berjaya dan telah membayar pendapatan kepada tuan tanah mengikut harga pasaran. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ramai pekebun kecil tidak merasa yakin bahawa RISDA mampu menguruskan tanah mereka dengan lebih baik daripada mereka sendiri, betul atau tidak mungkin RISDA ada penjelasan untuk memperbetulkan imej atau anggapan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai FELDA. Objektif FELDA ialah untuk memajukan tanah sebagai kawasan pertanian dan penempatan bagi rakyat luar bandar. Dalam tempoh 42 tahun sejak ianya ditubuhkan, FELDA telah berjaya memajukan seluas 896,000 hektar tanah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kebanyakan ditanam dengan pokok sawit dan getah. Seramai 112,000 orang peneroka dari pelbagai latar belakang telah ditempatkan di 303 dan tiga rancangan dan hampir 38,000 orang peneroka telahpun menerima surat hak milik mereka. Kejayaan FELDA dalam penempatan semula membasmikan kemiskinan dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat luar bandar telah diakui oleh masyarakat antarabangsa dan ianya adalah satu kebanggaan negara. Namun demikian, selepas 42 tahun FELDA kini menghadapi pelbagai cabaran baru dan masalah.

Yang pertama, generasi kedua peneroka mula muncul. Untuk mereka yang berpeluang berpelajaran tinggi ramai akan berhijrah mencari pekerjaan di bandar-bandar utama. Untuk mereka yang masih tinggal di rancangan, mereka tidak mempunyai banyak ruang dan peluang untuk memajukan diri, akibatnya mereka menganggur, melepak dan ada antara mereka dipengaruhi gejala sosial seperti penagihan dadah.

Masalah kedua ialah sebilangan peneroka apabila telah menerima hak milik meminta supaya mereka menguruskan tanah sendiri. Implikasi terhadap perkembangan ini adalah luas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat masa untuk pagi ini sudah cukup, kita sambung sebelah petang.

**Tuan Fu Ah Kiow :** Okay. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Mentakab sila sambung.

2.31 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya mengenai dengan FELDA. Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua ialah sebilangan peneroka apabila telah menerima surat hak milik, meminta supaya mereka mengurus tanah sendiri. Implikasi terhadap perkembangan baru ini adalah luas, dengan pemecahan pengurusan manafaat skala besar atau dengan izin benefit of skill tidak wujud lagi, dan ini akan

besar atau dengan izin benefit of skill tidak wujud lagi, dan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap produktiviti penggunaan mekanisasi dan kos pengeluaran.

Selain dari itu, juga akan timbul soalan siapa akan bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan infrastruktur dan pembangunan, kemudahan sosial seperti taman rekreasi, padang, balai raya dan sebagainya. Apa yang dikhuatiri ialah ladang FELDA akan dibahagi-bahagikan dan objektif asal FELDA tidak kena mengena lagi dan apa yang dikhuatiri juga ialah kemungkinan besar rancangan FELDA akan menjadi 'pekan cowboy' jika sesuatu tidak dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah sebab peneroka-peneroka menarik keluar tanah mereka dari diurus oleh FELDA. Adakah benar bahawa jika mereka sendiri menjual hasil seperti kelapa sawit dan pokok getah pada pihak swasta mereka akan dapat harga lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh FELDA? Apakah dasar FELDA mengenai mereka yang memohon untuk mengendalikan tanah sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, berhadapan dengan cabaran dan permasalahan baru ini, saya berpendapat satu kajian semula yang menyeluruh dan teliti perlu dijalankan terhadap konsep, objektif dan perancangan FELDA supaya kita jelas apakah hala tuju dan masa hadapan FELDA dan apakah yang kita inginkan untuk manfaat rakyat di rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, itu saja ucapan saya saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.**

**2.33 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pemilihan seorang Ahli Parlimen dari Barisan Nasional Sabah untuk mengusulkan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja jelas menggambarkan hasrat BN yang hendak meraikan kemenangan besarnya yang tidak terduga dalam pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini.

Namun demikian, saya tidak berpendapat bahawa keputusan tersebut adalah cukup sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan seriusnya akan mempertimbangkan untuk mengadakan pilihan raya umum segera. Lebih-lebih lagi, pilihan raya di Sabah kali ini bukanlah satu pilihan raya yang bebas, adil dan bersih yang menggambarkan hasrat sebenar rakyat Sabah. Untuk memenangi tiga puluh satu daripada empat puluh lapan kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya negeri Sabah dan mengalahkan parti pembangkang tempatan, seluruh sumber dan kuasa dari Kabinet, Kerajaan Persekutuan dan beberapa Kerajaan Negeri telah dimobilisasikan.

Selepas pilihan raya negeri Sabah pada 12, 13 Mac 1999, terdapat tanda-tanda yang secukupnya menunjukkan bahawa sungguhpun Barisan Nasional menang besar, tetapi keadaan sebenarnya tidaklah sebaik yang dilihat. Salah satu daripada tanda-tanda ini ialah kegagalan Bursa Saham Kuala Lumpur memberikan respon yang positif terhadap kemenangan Barisan Nasional di Sabah. Sebaliknya, komposit BSKL bukan sahaja jatuh pada hari Isnin pertama selepas keputusan pilihan raya negeri Sabah diumumkan, malah terus jatuh menjunam untuk dua minggu yang berikutnya iaitu dari 528.79 mata sehari sebelum keputusan pilihan raya negeri Sabah pada 12 Mac 1999 kepada kurang daripada 500 mata, pada satu masa mencecah kepada 494.57 mata, dan ditutup pada 500.16 pada dua Jumaat kemudian pada 26 Mac 1999.

Satu sebab utama fenomena ini berlaku adalah kerana kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya negeri Sabah itu bukannya suatu kemenangan yang mulia. Ia bukanlah hasil daripada politik, tetapi ia berlaku hasil daripada politik wang, politik ugutan, salah guna kuasa politik serta penyelewengan pilihan raya yang berleluasa. Adanya khabar-khabar angin yang mendakwa bahawa sehari sebelum hari mengundi,

Barisan Nasional telah menyalurkan RM200 juta dari Kuala Lumpur untuk membeli tangki air, mesin pemotong rumput, outboard motor, bahan-bahan pembinaan, beras, gula dan sardin kepada pengundi-pengundi di Sabah. Semua ini diedarkan beberapa hari sebelum pilihan raya dan lebih 70% pengundi kawasan pedalaman telah menerimanya.

Kaum Kadazandusun telah diperas ugut bahawa mereka akan dipinggirkan dan dinafikan peluang pembangunan sekiranya mereka memilih PBS, sementara kaum Cina di Sabah pula diperas ugut bahawa mereka akan mengalami nasib buruk seperti kaum Cina di Indonesia sekiranya mereka tidak menyokong Barisan Nasional. Saya merasa sungguh terharu khasnya dengan tindakan pemimpin MCA dan Gerakan yang pergi ke Sabah membantu dalam Kempen BN yang cuba menakut-nakutkan pengundi Cina bahawa sekiranya mereka mengundi parti pembangkang, maka mereka akan mengalami nasib buruk seperti kaum Cina di Indonesia dengan menayangkan filem-filem mengenai kekejaman yang dilakukan ke atas kaum-kaum Cina di negara tersebut.

Saya tahu bahawa pemimpin-pemimpin kebangsaan MCA dan Gerakan menganggap taktik menakut-nakutkan rakyat Sabah ini sebagai ujian awal (trial run) jentera pilihan raya umumnya di Semenanjung Malaysia. Tetapi semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras akan mengutuk tindakan pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan ini yang sungguh tidak bertanggungjawab. Pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan ini haruslah berasa malu dengan tindakan mereka yang menggunakan taktik kotor sebegini dengan cuba menakut-nakutkan kaum Cina di Sabah demi memancingkan undi bagi Barisan Nasional di pilihan raya Sabah itu. Saya diberitahu bahawa salah seorang pemimpin yang terlibat dalam taktik kotor ini adalah presiden Gerakan merangkap Menteri Perusahaan Utama.

Semasa pilihanraya Sabah, seluruh Jemaah Menteri serta Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, termasuklah Ketua Menteri Pulau Pinang telah sama-sama mempamerkan secara terbuka gelagat salah guna kuasa dan penyelewengan dana awam mereka dengan menggunakan kedudukan kementerian berkempen untuk BN Sabah. Mereka nampaknya tidak dapat membezakan dengan jelas kerajaan dan parti. Ini merupakan sebab utama berlakunya begitu banyak kejadian salah guna kuasa, pecah amanah serta rasuah di Malaysia.

Adakah Ketua Audit Negara akan melakukan satu pengauditan mengenai jumlah jam manusia (man hours) yang telah dipergunakan oleh para Menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri serta pegawai kanan kerajaan di pilihan raya negeri Sabah itu dan berapa banyakkah dana awam yang disalahgunakan oleh mereka dalam kempen berkenaan dan adakah Ketua Audit Negara akan mengemukakan satu laporan audit khas di Parlimen? Perlanggaran peraturan pilihan raya di dalam pilihan raya negeri Sabah ini termasuklah skandal pengundi hantu (phantom voters) serta gerryimandering kawasan pilihan raya yang tidak adil dalam proses penggarisan semula kawasan pilihan raya lepas yang menguntungkan UMNO.

Satu pasukan pemerhati pilihan raya Sabah (monitoring observer team) telah ditubuhkan oleh beberapa NGO di negara ini dan mereka telah menyediakan satu laporan mengenai pilihan raya Sabah baru-baru ini yang dianggap tidak bersih mahupun adil.

Berikut merupakan kesimpulan yang disampaikan oleh Pasukan Pemerhati Pilihanraya Negeri Sabah dan dengan izin:

*"We have seen how in these elections the immense power of incumbency especially one that is unregulated, created an undemocratic framework in which the electoral process took place.*

*"The issue of concern in the elections were:*

- *The politization of development at both that state-federal as well as the the local community level;*
- *The re-delineation and its negative impact on the principle of equal representation, and its long term consequence of heightening religious and ethnic indentification,*
- *The failures of the registration process;*
- *The effects of the importation of political practices of the ruling coalition Barisan Nasional, from the peninsular to Sabah;*
- *The use of state machinery by the care-taker government, including the state media and military equipment.*

*"The electoral process was also hampered by:*

- *A low level of voter awareness due to large part to insufficient voter education.*
- *A lack of vigilance over issues affecting the electoral process and the absense of any comprehensive and independent local monitoring efforts."*

Tuan Yang di-Pertua, berlaku banyaklah peristiwa pencabulan hak mengundi para pengundi Sabah menerusi kecuaiian atau penipuan, misalnya permindahan kawasan mengundi tanpa kebenaran si pengundi di kawasan yang jauh atau nama pengundi hilang dari senarai daftar pengundi, sementara itu wujud juga aduan meluas bahawa pendatang haram diberi kad pengenalan untuk membolehkan mereka membuang undi. Pasukan Pemerhati Pilihanraya Negeri Sabah telah memberi cadangan yang terperinci demi memastikan pilihan raya diadakan secara adil dan bersih, khasnya dalam pilihan raya umum yang akan datang kelak. Adakah Suruhanjaya Pilihanraya memandang serius mengenai cadangan ini dan adakah Suruhanjaya Pilihanraya melakukan persediaan mengadakan rundingan meja bulat bersama-sama dengan semua parti politik dan NGO untuk mempertimbangkan cara-cara memperbaiki sistem pilihan raya sepertimana yang dipelajari dari pengalaman pilihan raya Negeri Sabah. Ini agar pilihan raya umum Malaysia yang akan datang ini dapat dijalankan secara bebas, adil dan bersih.

Kekhuatiran paling besar yang timbul hasil dari keputusan pilihan raya Negeri Sabah kali ini ialah polarisasi pengundi yang ketara di mana mereka yang datang dari kawasan pilihan raya yang didominasi oleh kaum Melayu mengundi UMNO sementara kawasan pilihan raya kaum Kadazandusun pula mengundi PBS. Ini telah mengakibatkan kejatuhan bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Kurup, yang menandakan penolakan mutlak ketara komuniti Kadazandusun terhadap dua pemimpin ini.

Dalam pada itu, terdapat segelintir pemimpin Barisan Nasional yang bersikap dendam menyatakan bahawa keputusan pilihan raya Sabah ini merupakan satu kerugian kepada komuniti Kadazandusun dan komuniti ini akan dihukum kerana tidak mengundi Barisan Nasional.

Sebenarnya, demokrasi dan pilihan raya umum bukannya berkaitan dengan membalas dendam atau menghukum seseorang yang mengundi mengikut pilihannya sendiri, tetapi adalah mengenai bagaimana kerajaan harus mendengar dan menghormati kehendak dan kemahuan rakyat menerusi proses pembangunan dan integrasi nasional, di mana pihak yang menang berusaha untuk memahami perasaan tersingkir pengundi atau komuniti yang tidak puas hati dan mengambil langkah-langkah pemulihan sebaik-baiknya untuk memperbaiki keadaan berkenaan.

Polarisasi di Sabah harus dianggap sebagai cabaran terbesar kerajaan negeri Sabah yang baru. Kerajaan negeri Sabah harus menganggap tugas ini sebagai agenda utamanya dalam tempoh 5 tahun berikutnya dengan cuba memahami masalah serta ketidakpuasan hati masyarakat Kadazandusun dan melancarkan proses pemulihan di Sabah demi menyatupadukan pelbagai kaum di negeri berkenaan.

Saya pernah berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, akan menghantarkan mesej jelas kepada kerajaan negeri Sabah agar cuba sedaya upaya memulakan proses pemulihan ini sebaik sahaja berakhirnya pilihan raya Sabah dengan menunjukkan bahawa kerajaan negeri Sabah yang baru dipilih ini akan berusaha bersungguh-sungguh demi memenangi kembali sokongan komuniti Kadazandusun dan tidak akan wujud sebarang program atau langkah-langkah yang boleh dianggap sebagai tindakan membalas dendam Barisan Nasional terhadap komuniti Kadazandusun atau menghukum komuniti berkenaan yang tidak menyokong Barisan Nasional dalam pilihan raya negeri.

Namun pelantikan Osu Sukam sebagai Ketua Menteri Sabah tanpa mengendahkan fakta bahawa tempoh 14 bulan bagi jawatan Ketua Menteri Sabah kaum Kadazandusun dalam pusingan pertama sistem giliran jawatan Ketua Menteri masih belum lengkap. Itu merupakan satu perkembangan pertama yang mengejutkan, kerana ia menunjukkan sikap tidak sensitif Barisan Nasional terhadap perasaan tidak puas hati yang mendalam komuniti Kadazandusun. Semua ini tidak membawa kesan positif bagi integriti kebangsaan serta perpaduan di Sabah pada masa negara kita tengah menuju ke alaf baru.

Keengganan Barisan Nasional menunaikan janjinya untuk memenuhi pusingan pertama sistem giliran jawatan Ketua Menteri di antara 3 komuniti utama di Sabah itu kemudiannya disusun pula dengan satu lagi berita yang mengejutkan.

10 hari kemudian, Perdana Menteri berkata di Alor Setar bahawa adalah terpulang kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada mereka ingin meneruskan sistem pempinanan secara giliran di negeri berkenaan atau sebaliknya.

Setelah lebih setengah tahun selepas 'black September', kadar faedah kita menjadi lebih tinggi manakala kadar pertukaran kini lebih lemah berbanding dengan jiran-jiran yang juga turut terjejas oleh krisis ini kecuali Indonesia. Bekalan wang dan pertumbuhan pinjaman menurun sejak Ogos 1998. Sungguh pun ancaman pernah ditujukan terhadap para pengurus bank, sementara output industri, khususnya bidang pembuatan telah terus menurun. Sementara itu, kesan-kesan ekonomi memulih yang lebih jelas nampak di lain-lain tempat di rantau ini tetapi lemah di Malaysia dan Indonesia.

Adalah jelas bahawa pemulihan ekonomi yang tulen tidak dapat dicapai menerusi pakatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menganggap kepentingan perniagaan mereka sendiri sebagai lebih penting daripada negara dan rakyat. Keadilan untuk rakyat Malaysia hanya akan tercapai menerusi penolakan dasar-dasar mereka dan ditukarkan dengan satu kerajaan yang berjiwa rakyat, yang jujur, adil dan bertanggungjawab yang akan dengan segeranya melaksanakan reformasi dasar dan institusional.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terkejut kerana Titah Ucapan Diraja tidak menyebut satu perkataan pun tentang bencana virus paling buruk di sejarah negara, yang sampai kini telah meragut 91 nyawa sejak pukul 6.00 petang semalam dan saya dapati sudah naik kepada 92 nyawa, membinasakan kehidupan 300,000 orang di dalam industri penternakan babi, memusnahkan RM2.5 bilion industri-industri penternakan babi dan daging babi, memusnahkan industri-industri berkaitan dan tidak berkaitan seperti pemakanan haiwan, pengangkutan dan pelancongan serta menggugat usaha pemulihan ekonomi negara.

Saya merasa sungguh kecewa, marah dan terkejut dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Menteri Pertanian terhadap pertanyaan-pertanyaan mengenai wabak virus terburuk dalam sejarah negara ini semasa menjawab soalan pada hari Selasa lepas.

Jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bukan sahaja tidak menjelaskan sebaliknya telah mengaburkan lagi keadaan sebenar dan latar belakang wabak terburuk ini. Adalah jelas kini bahawa tujuan jawapan Yang Berhormat Menteri sebenarnya adalah untuk cuba menyakinkan Ahli-ahli Parlimen serta rakyat jelata dengan dua alasannya.

Satu, bahawa virus JE merupakan punca utama kepada wabak virus paling buruk di negara ini dan kedua bahawa ada dua jenis virus yang terlibat dalam bencana wabak kali ini dan laporan *The Star* semalam memaparkan berita ini dengan jelas sekali dengan headline, dengan izin, "*Both virus found in one area*". Pada hakikatnya semakin ramai orang yang percaya bahawa hanya wujud satu jenis virus pembunuh (killer virus) sahaja dalam keadaan kacau-bilau ini iaitu virus jenis Hendra dan saya ada gelarkan sebagai 'virus CJM' dan bukannya virus JE. Dua petikan berikut adalah dari satu E.mail Internet semalam yang dibuat selepas laporan akhbar semalam ada keluar mengenai ada dua virus dan apa yang diceritakan amatlah ketara. Seorang doktor perubatan menulis satu E.mail, dengan izin:

*"Is there a possibility that the government is still refusing to publicly acknowledge that the outbreak is due solely to the Hendra-like virus, but instead claiming that there are two viruses. In order to cover their ....., (perkataan saya tidak mahu guna) over the couple of hundred thousand doses of JE vaccine that has been ordered? 300,000 doses at RM30 per dose works out to RM30 million. Not to mention the few hundred thousand doses that have been allocated to vaccinate pig in unaffected areas. If It is just shown that the Hendra-like virus is solely responsible for the outbreak then the JE vaccinations are not going to help at all rather an outbreak due solely to the new Hendra-like virus will only reflect poorly on the government. It is likely that they will only reveal the cause as solely due to Hendra-like virus only after the vaccination has bee completed. You may note that Singapore authorities have been quite quick in concluding that the one death which has occurred in an abattoir worker is not due to JE".*

Dan E.mail tersebut menjemput satu response yang berikut, dengan izin:

*"I have a theory that the Malaysian Government was too arrogant and let pride get in the way when they didn't contact the Atlanta CDC earlier after the recent US-bashing orgy, the last thing they wanted to do was to get help from the Americans. I reckon they preferred to save face, not lives."*

Tuan Yang di-Pertua, saya mesti mengakui bahawa apa yang dibincangkan dalam kedua-dua E.mail ini amatlah masuk akal sekali dan ini mungkin merupakan apa yang sebenarnya berlaku dan bukannya apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di dalam dan di luar Dewan dengan tujuan cuba memperdayakan orang ramai. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam masa pertanyaan hari semalam mungkin merupakan kenyataan kementerian yang paling tidak bertanggungjawab dan tidak jujur dalam Parlimen Malaysia sepanjang 42 tahun ini kerana ia penuh dengan maklumat yang silap, setengah yang palsu, malah ada yang langsung tidak benar. Sebagai contohnya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata bahawa kes JE pertama di Perak telah dilaporkan oleh Hospital Ipoh pada 4 November 1998 dan kes terakhir pada 20 Februari 1999. Sampai ke 6 April 1999, terdapat 26 kes yang disyaki JE; 11

daripadanya telah disahkan sebagai JE; terdapatnya 15 kematian yang dilaporkan dan antaranya 5 disahkan sebagai JE. Wabak JE di Perak telah terkawal dalam tempoh 86 hari – menurut apa yang beliau kata.

Ini merupakan satu maklumat yang sungguh luar biasa. Memandangkan *Sin Chew Jit Poh* dalam laporan pada 22 November 1998, pernah memetik Ahli Exco Negeri Perak yang mempengerusikan Jawatankuasa Hal Ehwal Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Lee Chee Leong sebagai berkata bahawa adanya 6 kematian yang disyaki berkaitan dengan JE dalam tahun 1997 dan 1998. Satu dalam tahun 1997, satu dalam bulan Februari dan Mei masing-masing, dua dalam bulan Oktober 1998 dan satu lagi kes pada awal tahun lalu yang tidak direkod.

Sebenarnya sebagaimana yang dilaporkan oleh *The New Strait Times* pada 25 November 1998, Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri telah mengatakan bahawa wabak JE di Perak telah mengorbankan lima nyawa di antara Februari dan Oktober 1998 tetapi dua hari dahulu dia datang ke sini dan kata bahawa kes pertama yang dilaporkan ialah di Hospital Ipoh 4 November – dua hari dahulu, walhal bulan November tahun lalu dia sudah mengakui ada lima kes kematian yang disyaki JE. Apa kejujuran seorang menteri semacam ini? Katanya masa itu wabak berkenaan yang pada peringkat awal dianggap misteri telah disahkan sebagai JE oleh Institusi Penyelidikan Perubatan selepas menganalisa sampel cecair yang diambil dari lima mangsa – itulah Yang Berhormat Menteri kata di bulan November. Katanya sehingga tahun ini 18 kes – itulah yang beliau kata dua hari dahulu, sehingga tahun ini 18 kes telah dilaporkan di mana tujuh daripadanya dirawat di Hospital Ipoh dan yang lain di hospital-hospital swasta.

Antara kes-kes ini lima meninggal dunia di antara bulan Februari dan bulan Oktober 1998 ialah apa yang dia kata pada bulan November tahun lalu. Katanya, *“Daripada 18 kes yang berlaku itu seorang adalah pembeli babi dan yang lain merupakan pekerja di ladang-ladang babi, ahli-ahli keluarga mereka atau pemilik ladang”* – itu mustahak. Oleh kerana inilah satu ciri yang menunjukkan bahawa mereka yang mendapat kesakitan itu atau mati bukan JE. JE mosquito born, tidak ada cluster pekerja-pekerja di ladang-ladang babi – bapa, emak, abang, adik, semuanya kena. Tidak ada satu-satu nyamuk gigit, itulah satu ciri, ini menunjukkan bahawa pada bulan November sudah berlaku mungkin bukan JE tetapi ‘Hendra’ type virus ‘CJM’ virus sudah ada. Sebab itu, ini mustahak dan serius .

Mengapakah Yang Berhormat Menteri tidak memberitahu Parlimen bahawa wabak yang kononnya JE di Perak telah berlaku seawal-awalnya pada bulan Februari 1998. Dua hari dahulu dia tidak kata, kes pertama pada bulan November. Kalau bukan lebih awal lagi dalam tahun 1997. Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersalah kerana cuba mengelirukan Parlimen dan rakyat jelata dengan tidak mengumumkan fakta sepenuhnya mengenai wabak virus ini.

Tambahan pula, sekiranya apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sejak kes pertama wabak JE di Perak berlaku dan dilaporkan oleh Hospital Ipoh pada 4 November 1998 telah terkawal, dia kata dalam Dewan ini sudah terkawal dalam tempoh 86 hari iaitu pada 28 Januari. Bermula daripada 4 November, 86 hari ialah 28 Januari 1999, maka mengapakah perlunya memusnahkan sebanyak 60 ribu ekor babi di Perak sekarang, under control, kenapa mahu musnah – tidak masuk akal.

Dalam konteks ini, Parlimen harus memerhatikan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebagaimana yang dilaporkan oleh *‘New Straits Times’* pada 24 Disember 1998 bahawa Kinta telah bebas virus JE, dia umum Kinta sudah JE free, dalam tempoh satu minggu tidak ada kes. Pada masa itu jumlah kematian di Perak dikatakan hanya empat orang, malangnya virus yang kononnya virus JE, kita tidak tahu, saya tidak percaya itu virus JE. Malangnya virus yang kononnya virus JE

itu tidak mendengar atau menghormati pengumuman itu dan kadar kematian di Perak turut meningkat dalam bulan Januari, di mana jumlah kematian tiba-tiba melompat menjadi sembilan. Tidak ada laporan kes demi kes, diam-diam tutup, tiba-tiba empat kes kematian menjadi sembilan kes kematian, mana ada accountability, mana ada sincerity.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak pernah menjelaskan bagaimana sembilan kematian dalam bulan Januari dalam tahun ini tiba-tiba bertukar menjadi 15 kematian sejak wabak bermula pada bulan Oktober lepas dan Yang Berhormat Menteri perlu menjelaskan kepada rakyat Malaysia sebab kenapa beliau begitu tidak jujur atau bercakap putar belit atas isu yang ketara seperti jumlah kematian JE atau disyaki JE, confirm atau suspect JE.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan sengaja membiarkan persoalan sama ada 15 orang yang meninggal dunia di Perak bermula dari bulan Oktober 1998 atau bulan Februari tahun lepas terus kabur. Ini merupakan tindakan ketidak-jujuran intelektual atau ketidakbertanggungjawaban kementerian. Di Sikamat, Negeri Sembilan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dua hari dahulu berkata bahawa kes yang disyaki JE, pertama adalah dilaporkan oleh Hospital Seremban pada 14 Januari 1999, itu kes pertama di Sikamat dan wabak telah terkawal dalam tempoh sembilan hari.

Terdapat tujuh kes yang disyaki, antaranya tiga yang disahkan. Dari lima kematian yang dilaporkan itu, seorang disahkan mengidap JE dan di Bukit Pelanduk, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dua hari dahulu berkata bahawa, "*Sehingga 5 April 1999 terdapat 198 kes-kes yang disyaki sebagai JE antaranya 34 kes yang disahkan JE dan 68 kematian, 19 disahkan JE*". Mengapakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menyentuh tentang bilakah kes JE pertama kali dilaporkan di Bukit Pelanduk. Dia sebut kes pertama JE di Ipoh, kes pertama JE di Sikamat, kenapa tidak sebut kes pertama JE di Bukit Pelanduk. Adakah ini kerana ia akan menyerlahkan sikap tidak kisahnya dan tidak peduli beliau pada minggu pertama iaitu minggu genting wabak virus ini tercetus di Bukit Pelanduk itu, dalam satu minggu lapan orang mati. Selain daripada mengenakan peraturan tutup mulut get order, pada awal bulan Februari melarang para pegawai Kesihatan Negeri daripada mengumumkan maklumat mengenai kononnya virus JE ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menunjukkan keprihatinan terbuka mengenai wabak virus di Bukit Pelanduk sungguhpun lapan orang telah mati dalam tempoh enam hari sahaja.

Pada 27 Mac 1999, saya terbang ke Sibu untuk menghadiri satu jamuan malam sempena kempen 'Keadilan Untuk Semua' yang dianjurkan oleh DAP Sibu yang bertujuan mengutip derma bagi sekolah menengah persendirian serta sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Sibu dan semasa berada di atas kapal terbang saya terbaca laporan muka surat pertama 'New Straits Times' di bawah tajuk "*Bungling workers caused oil spill in Johore Straits*", yang berbunyi, dengan izin, "*Pasir Gudang, Friday - A mistake by shipyard workers carrying out repairs on a vessel at the Malaysian Shipyard and Engineering dry dock here, led to an estimated 52 tons of engine oil gushing into the Straits of Johore yesterday. The spill subsequently spread over an area of about one square kilometer, and initial findings by the Department of Environment indicate that some five kilometers of shoreline may have been stained by the black oil, used for working the ship's engine*".

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca laporan NST ini, saya tertanyanya bilakah Malaysia akan maju ke satu tahap di mana akan terpaparnya di muka hadapan surat khabar tempatan yang berbunyi misalnya, "*Bungling Minister caused more deaths in the worst virus epidemic in nation's history*". Bila surat khabar berani kata, "*Bungling Minister caused more deaths in the worst virus epidemic in nation's history*". Itu yang benar tetapi mana surat khabar yang berani kata begitu.

Pada malam yang sama saya memberitahu rakyat Sibu bahawa saya pasti rakyat Sarawak akan memahami sepenuhnya segala jenis perasaan yang dilalui saya dalam bencana wabak viral yang teruk ini yang pada masa berkenaan telah meragut 63 nyawa. Itulah pada 27 Mac, 63 orang sahaja telah mati, sekarang 92 orang mati. Perasaan saya termasuklah marah, terkejut, sedih, malah putus asa, sense of despair apabila nampak rakyat Malaysia mati satu per satu seperti 'lalat' setiap hari, sementara kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan gagal menunjukkan sikap seriusnya atau dengan kata lain, melakukan banyak kesilapan dan memusnahkan kehidupan rakyat serta ekonomi negara.

Semasa saya melawat ke Bukit Pelanduk buat pertama kalinya, Pusat Penternakan Babi bukan sahaja paling besar di Malaysia malah di rantau Asia Tenggara yang telah menjadi pusat paling tinggi jumlah kematian penternak babi yang menjadi mangsa serangan virus, hari itu adalah 5 Mac 1999.

Pada masa itu, 8 orang telah terkorban di kawasan tersebut. Saya telah melawat ke Bukit Pelanduk sebanyak lima kali dalam jangka masa dua minggu. Saya mengakui saya tidak jujur dan ikhlas kalau saya kata saya tidak takut, saya tidak khuatir mengenai kesihatan, keselamatan saya sendiri apabila saya melawat Bukit Pelanduk.

Sebenarnya abang seorang penyanyi tempatan terkemuka telah menyuarakan kekhawatirannya tentang lawatan saya yang kerap ke kawasan berkenaan dan abang seorang penyanyi ini ialah seorang penternak babi di Bukit Pelanduk. Selepas itu dia sendiri kena dan meninggal dunia, dua hari sebelum saya pergi ke Sibu. Ramai orang khuatir dan Lim Guan Eng juga khuatir bimbang terhadap keselamatan saya apabila pergi ke Bukit Pelanduk. Namun demikian, saya berasa saya perlu pergi ke Bukit Pelanduk agar memaksa Menteri Kesihatan dan menteri-menteri kabinet yang lain terutama daripada MCA dan Gerakan supaya melawat ke Bukit Pelanduk demi memahami masalah besar yang dihadapi oleh penternak-penternak babi sama ada dari segi kesihatan awam atau life and death stranger industri-industri menternak babi supaya pihak kerajaan dengan segeranya membentuk dan mengadakan satu rancangan bersepadu yang melibatkan pelbagai kementerian yang berbeza untuk menangani dan menyelesaikan krisis ini.

Pada 3 Mac 1999, saya ada menelefon Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebaik sahaja Mesyuarat Kabinet berakhir. Saya telah bertanya kepada beliau mengenai perkembangan wabak virus JE yang tercetus itu kerana semakin ramai orang telah jatuh sakit dan meninggal dunia. Beliau memberitahu saya bahawa keadaan adalah dalam kawalan - under control. Saya kemudian memberitahu kepada Menteri Kesihatan bahawa beliau sepatutnya pergi ke Bukit Pelanduk dengan segera untuk memulihkan ketenangan serta menamatkan perasaan panik penduduk di situ. Oleh kerana di Sungai Nipah hari itu, daripada 150 house hold, 90% daripada keluarga sudah lari ke Sungai Nipah. Panik di Sungai Nipah, Bukit Pelanduk, Sungai Sawa, mana pemimpin-pemimpin kerajaan, mana Menteri Kesihatan, mana Menteri Pertanian, langsung tiada. Sungguhpun saya ada cadang dan mendesak Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 3 Mac 1999 terus pergi ke Bukit Pelanduk. Beliau tidak pergi ke Bukit Pelanduk sebaliknya bersama-sama dengan Menteri-Menteri MCA yang lain terus terbang ke Sabah untuk membantu kempen pilihan raya negeri Sabah. Menteri-Menteri MCA pergi Sabah untuk menyeru pengundi-pengundi di kawasan Api-Api di Kota Kinabalu supaya undi calon MCA Chau Teik Aun dan berjanji kalau pilih Chau Teik Aun akan mendapat '1+12' - three offer - lompat daripada - dalam bahasa Cina [*bercakap dalam bahasa Cina*] Bererti sekiranya pengundi di Api-Api sokong dan pilih calon MCA menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, maka pengundi-pengundi akan mendapat perkhidmatan daripada 12 orang Menteri MCA, Timbalan Menteri MCA, Setiausaha Parlimen MCA - '1+12'. You

undi satu – you dapat 12 orang, menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen. Pengundi-pengundi di Api-Api sangat bijak,

**Tuan Chang Kon You:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Chang Kon You:** Saya hanya hendak tanya ketua Pembangkang satu soalan sahaja, kalau DAP begitu handal mengapa tidak hantar seorang pun calon untuk bertanding di pilihan raya di Sabah. Ini menunjukkan bahawa Parti DAP ialah satu parti yang tidak berani, hanya berani cakap dalam Parlimen tetapi penakut sebenarnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tiada standard, tidak payah hirau. Pengundi Api-Api sangat bijaksana, menolak pujuk rayu MCA kerana mereka dapat melihat apa yang berlaku di Bukit Pelanduk. Bukit Pelanduk kawasan MCA, Ahli Adun MCA, Exco MCA – Bukit Pelanduk. Tidak seorang pun dari 12 menteri MCA, timbalan menteri serta setiausaha Parlimen MCA yang pernah pergi ke Bukit Pelanduk sungguhpun mereka menghadapi krisis terbesar dalam sejarah kehidupan mereka – 8 orang mati dalam masa enam hari. Mereka semua pergi ke Sabah. Di sana bukan 1+12 tetapi 1-12. Bagi penduduk Bukit pelanduk inilah strategi mereka, oleh kerana ada puncak pimpinan MCA, menteri-menteri MCA 12 orang, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen yang langsung tidak bertanggungjawab. Inilah menunjukkan jurang antara janji-janji manis pilihan raya dengan penilaian janji sebenar. Semasa saya melawat buat pertama kali di Bukit Pelanduk pada 5 Mac 99, saya ada kata terdapat 8 nyawa yang terkorban di kawasan berkenaan. Dua minggu kemudian saya melawat buat kali ke lima ke Bukit Pelanduk pada 19 Mac 1999, jumlah kematian....

**Tuan Chang Kon You:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Chang Kon You:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tiada. Pergi Api-Api dululah tak payah api-api di sini.

**Tuan Chang Kon You:** Ketua Pembangkang ialah seorang yang veteran, minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah. Dua minggu kemudian saya melawat buat kali kelima pada 19 Mac 99 dan jumlah...

**Tuan Chang Kon You:** Inilah sifat DAP yang sebenarnya ialah pengecut.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..dan jumlah kematian telah melambung kepada 36 nyawa daripada 8 orang meninggal dunia.

**Tuan Chang Kon You:** Ketua Pembangkang diamlah! Beri laluan, kalau tidak diam, duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang mati, dia ketawa. Mahu main-main politik, itulah sikap MCA, mereka kata ada wang, apa pun boleh jadi, wang boleh.

**Tuan Chang Kon You:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Sila duduk ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beli nyawa, tidak boleh. Wang tidak boleh beli nyawa, wang tidak boleh beli maruah, wang tidak boleh beli prinsip – wang yang kotor tanpa maruah, tanpa prinsip dan tanpa jiwa.

**Tuan Chang Kon You:** Jangan loncat-loncat sana, berilah laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh, sila duduk, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** 'MCA' -money collecting association, Mati Chinese Association – apa MCA?

**Tuan Chang Kon You:** DAP, 'DAP' ialah Dictatorial Authoritarian Party – orang yang diktator.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini kita kata berkenaan orang yang mati, bukan main-main politik, apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ipoh sila duduk, dia tidak beri jalan.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Yang di-Pertua, sebab dia yang bawa virus 'LKS' ke Bukit Pelanduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila saya pergi ke Bukit Pelanduk kali yang kelima, Yang Berhormat dari Ipoh tidak berani pergi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Yang Berhormat Ipoh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dua hari yang lalu...

**Tuan Chang Kon You:** Panggil dia duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dua hari yang lalu, 6 April, pukul 6.00 ialah sebulan selepas lawatan pertama saya ke Bukit Pelanduk, jumlah yang terkorban meningkat sehingga 71 nyawa. Satu peningkatan jumlah kematian yang amat mengejutkan ialah bertambah 90% naik 100%. 5 Mac, lapan orang mati. Dua hari dahulu satu bulan, 71 orang mati. Ada orang yang boleh menerima, saya tidak boleh terima. Saya boleh terima inilah saya rasa inilah criminal negligence, kecuaiian berjenayah...

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak bagi.

**Tuan Chang Kon You:** Saya hendak panggil DAP ialah 'destroy all party', dia destroy. Destroy orang Cina. Destroy all party.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timor, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, jangan itu, itu saya cakap tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 90% kematian-kematian ini sebenarnya sia-sia, avoidable, unnecessary sahaja, boleh dielakkan. Ia merupakan akibat kecuaiian criminal, khususnya, ketidakcekapan kementerian yang tidak melaksanakan program berkesan dalam mengawal wabak virus ini. Apabila kematian mula meningkat secara mendadak, sekurang-kurangnya pada 5 Mac apabila jumlah kematian sudah mencecah kepada lapan orang di kawasan Bukit Pelanduk.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Dalam tahun 1997 terdapat 41 kanak-kanak dan bayi-bayi meninggal dunia di Sarawak akibat daripada apa yang disangkakan virus Cocksackie B. Mangsa keluarga dan saudara terdekat kemudiannya diberitahu bahawa wabak virus membawa maut tersebut sebenarnya bukan Cocksackie B. Kejadian yang sama berulang dalam sejarah wabak yang paling teruk di negara kita. Pada mulanya apa yang dilabelkan sebagai virus JE dikatakan disebabkan oleh punca yang lain iaitu wabak virus Hendra ala-virus CJM.

Semalam semasa membahaskan Kertas Putih "Status Ekonomi Malaysia" ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat, ini CJM ini saya tidak pernah dengar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Chua Jui Meng. Semalam..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya namakan, saya harap boleh selamatkan nama baik Malaysia. Kita tidak mahu dinamakan Malaysia Encephalitis – Oh, itu shameful for Malaysia, baik lebih 'Chua Jui Meng' virus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]** Yang Berhormat, Nanti dulu Yang Berhormat .....

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang lain itu saya tidak masuk campur. Nanti dulu. Tapi Yang Berhormat tolong ingat, nama ahli yang lain tidak boleh disebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak sebut, CJM sahaja.

**Tuan Chang Kon You:** Saya sebut dia KOKS virus, 'Kick Off Kit Siang' virus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu saya tidak endah, boleh sebut apa, tetapi itu virus CJM .....

**Tuan Chang Kon You:** DAP ialah KOKS virus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semalam semasa membahaskan Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia, saya telah bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri apa sebabnya pihak kerajaan tidak mengumumkan bantuan kewangan kepada industri penternakan babi yang terjejas dari tercetusnya wabak memandangkan kerajaan membekalkan bantuan kepada industri kecil dan sederhana. Beliau yang juga mengetuai pasukan petugas khas mengenai JE - Cabinet Committee on JE, berkata bahawa pihak kerajaan akan mengumumkan bantuan kewangan kepada industri penternakan babi dan mangsa JE dari masa ke semasa. Itu main 'taiche'lah. Beliau berkata bahawa tumpuan pasukan petugas khas kini berfokus ke atas soal wabak virus JE dan dia kata jawatankuasa sedang membincangkan beberapa isu dan belum lagi dapat mengumumkan jenis bantuan yang akan dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kesali malahan amatlah tragik adalah semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab soalan saya, beliau masih bincang tentang wabak virus JE sepenuh masa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut sahaja wabak virus JE. Sementara masyarakat Malaysia dan antarabangsa tahu bahawa wabak virus yang dihadapi oleh Malaysia kini sebenarnya bukanlah virus JE tetapi virus jenis Hendra ala-CJM. Nama yang salah turut diberikan kepada Cabinet Committee on JE. Kalau itu nampaknya sedang memerangi virus yang salah, fighting the wrong virus.

Ini bererti langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sama ada vaccination secara besar-besaran ke atas babi dan manusia bagi menentang JE, pemusnahan babi secara besar-besaran keseluruhan fokus jentera kerajaan serta Kabinet silap arahnya dan kita sedang menentang musuh yang silap. Mengapakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kenapa Menteri Kesihatan, kenapa Jawatankuasa Kabinet JE, kenapa Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini yang menolak usul saya untuk menengguhkan mesyuarat bagi membahaskan isu virus jenis Hendra ini secara tergepar. Semuanya masih menggelarkan wabak ini sebagai wabak virus JE sungguhpun keseluruhan komuniti di Malaysia dan antarabangsa telah berhenti menghuraikan JE sebagai puncak wabak virus di Malaysia dan menumpukan perbincangan serta perhatian atas virus Hendra-like, kenapa?

Saya tidak tahu sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan lain-lain menteri dalam kabinet sedar tentang

laman Internet ProMED yang telah menjejaki bencana wabak virus terburuk dalam sejarah di Malaysia ini dan jika tidak, saya dan nasihatkan mereka supaya melawat secara mandatori setiap hari ke senarai surat ProMED ini on the Internet supaya mereka memperoleh taklimat yang sewajarnya mengenai virus pembunuh CJM jenis Hendra yang mencetuskan malapetaka kematian dan kemusnahan kewangan dan bukannya JE.

Sekiranya semua surat atau posting di ProMED mengenai Malaysia dijadikan bacaan wajib para menteri-menteri Kabinet, maka Malaysia tentu dapat mengelakkan dari berlakunya bencana wabak virus paling buruk kali ini dan kita tidak akan hilang 92 nyawa dan lebih nyawa akan hilang atau mengalami nasib kemusnahan industri penternakan babi atau industri daging babi yang bernilai RM2.5 bilion ini. ProMED yang bererti "The Programme For Monitoring Emerging Diseases" telah dicadangkan oleh Persekutuan Saintis-saintis Amerika khasnya untuk menubuhkan satu sistem sedunia untuk mengesan dengan awal dan membalas dengan secepatnya sebarang wabak kerana ramai pakar dari dalam dan luar negara telah memberikan amaran bahawa perlunya mempertingkatkan kapasiti mengurus penyakit-penyakit berjangkit yang muncul masa kini misalnya berkaitan dengan demam berdarah dan kemunculan kembali penyakit berjangkit lama seperti batuk kering dan taun.

ProMED telah dimulakan pada September 1993 di Persidangan Geneva anjuran bersama enam pakar terkemuka dalam bidang-bidang kesihatan manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan dan Persidangan Electronic Mail ProMED-Mail dilancarkan dalam tahun 1994. Mail ProMED juga telah mengesan epidemic virus kononnya Coxsackie B yang membunuh 41 orang dalam tahun 1997 tetapi kemudiannya didapati bukannya disebabkan oleh virus Coxsackie B.

Surat posting pertama ProMED pada 24 November 1998 dengan track "Japanese Encephalitis, suspected - Malaysia" menyentuh tentang wabak yang disyaki JE yang tercetus di kalangan penternak babi di Perak, masa itu enam orang mati dan 15 orang yang dijangkiti. Itulah atas Internet.

Malah pada masa itu, moderator ProMED telah membuat komen bahawa, dengan izin, "*so, without laboratory confirmation of the affected individuals' illnesses, vaccination with JE vaccine has been done. We wait further information as to the correct diagnosis, that is confirmation as JE or evidence for another disease*". Masa itu sudah timbul soalan, adakah ini JE atau another disease, November.

Malah pada masa itu dan surat atau posting kedua timbul di Internet 27 November 1998 yang memetik Menteri Kesihatan mengumumkan bahawa usaha pihak berkuasa mengawal wabak berkenaan dan mengehadkan di kawasan sekitar ladang-ladang babi di Tambun, Ulu Piah, Ampang dan di Kawasan Kinta, Perak telah berjaya.

Declare victory war semacam Amerika, Vietnam win the war.

Posting ketiga pada 30 November 1998, bagaimanapun menunjukkan situasi sebenarnya tidaklah terkawal sebagaimana yang didakwa, satu pengirim dari Surrey, England yang berkata bahawa beliau jual pedigree breeding pigs di Malaysia dan sangat berprihatin apabila baca dalam Internet mengenai the possible link antara JE dan ladang-ladang babi dan sebab itu beliau adalah E-mail kepada satu customer di Penang dan dia dapat jawapan, dan jawapan itu dia posted di Internet, dengan izin, itulah jawapan.

*The recent outbreak of Japanese Encephalitis was a great concern to the pig farmers particularly in the affected places. Sad to tell you that 2 of my colleague's sons died from JE several months ago. Both were working on the farm.*" Ini bukan JE, sekarang kita tahu ini bukan JE, dua-dua mati bukan JE, nyamuk gigit.

*"The state health department is monitoring the areas of outbreak and advises farm workers and the people living nearby to get vaccinated against JE virus. I hope that this outbreak does not necessitate the closing of the pig farms."*

Posting keempat ialah pada 18 Disember 1998 yang memetik percakapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa 70,000 orang penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar ladang babi menghadapi bahaya jika tercetusnya wabak virus Encephalitis di kawasan mereka.

Posting kelima pada 21 Disember 1998 lagi memetik pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan kali yang kedua bahawa kononnya wabak JE telah tamat. Second time lagi umum the cause is clear kerana tiada kes baru dilaporkan pada bulan ini. Walaupun dia sedar bahawa sistem komunikasi yang diwajibkan oleh Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998, supaya doktor dan klinik-klinik swasta melaporkan sebarang kes JE yang telah berlaku had broken down, tidak berfungsi.

Posting ketujuh pada 15 Januari 1999 mengandungi 3 perkara, perkara pertama menyatakan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pertanian di Kuching bahawa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang mempunyai banyak pengalaman untuk menguruskan kononnya wabak virus Coxsackie B yang meragut 41 nyawa kanak-kanak pada tahun 1997, sedang membantu mengendalikan wabak JE di Semenanjung Malaysia dan universiti itu telah menghantar seorang pakar ke Semenanjung Malaysia untuk menangani outbreak ini.

Katanya bahawa jabatannya akan menguatkuasakan peraturan tegas terhadap ladang-ladang babi yang disyaki sebagai punca wabak JE di Semenanjung Malaysia dan surat pekeliling telah dikeluarkan pada 6 Januari 1999 kepada penternak-penternak babi di Negeri Sembilan, Perak dan Melaka.

Menteri Pertanian juga mengumumkan bahawa kawalan pemindahan babi di kawasan-kawasan dijangkiti JE di Perak dan Negeri Sembilan telah diperketatkan dan babi hanya dibenarkan diangkut dari ladang-ladang babi ke tempat abattoir. Pemindahan babi betina dan anak babi di Semenanjung Malaysia juga telah diharamkan, itu perkara yang pertama.

Perkara kedua menyatakan bahawa 4 orang termasuk seorang gadis berumur 13 tahun yang bekerja di ladang babi di Kampong Wong Seng Chow di Negeri Sembilan telah meninggal dunia di antara 2 Januari dan 5 Januari 1999 dipercayai sebagai mangsa JE.

Oleh sebab perkara ketiga yang sangat penting yang telah menjadi isi laporan *BERNAMA* yang diperolehi dari *Star Online* pada 14 Januari 1999, maka saya, meminta izin untuk memetik laporan yang asal sekarang. Itulah perkara yang ketiga.

*BERNAMA report Star Online: "the results of the DNA tests on blood samples of pigs in Negeri Sembilan carrying the Japanese Encephalitis (JE) virus will be known in a week.*

*The DNA tests, conducted at the Veterinary Research Institute here, were to determine the origin of the JE virus found in pigs in Sikamat, Negeri Sembilan. The Institute's director, Dr. Abdul Aziz Jamaluddin, said the tests used DNA sequencing to determine the viral strain.*

*So far, 120 blood samples of pigs from four farms in Sikamat were found to carry the JE virus but it has yet to be determined if the strain was the same as those found in pigs in Ulu Piah, Tambun and Ampang in Perak.*

*Dr. Abdul Aziz said yesterday that three strains of the JE virus had been identified in Malaysia. The JE virus found in animals in Tambun, Ulu Piah and Ampang is unique.*

Itulah apa yang mustahak, unique. *"An out break of the JE disease, which is transmitted to humans by mosquitoes, in Perak in October claimed nine lives, and four deaths were reported recently in Negeri Sembilan.* Unique, kenapa unique, oleh kerana bukan JE, Hendra-like CJM virus, bukan JE, dia kata unique.

Posting kelima dikirim oleh salah seorang ahli virologi yang terkemuka, virologist di negara ini dari UNIMAS, pada 17 Januari 1999 memaparkan bukti yang kalau dalam satu criminal investigation digelar sebagai "the smoking gun" dalam murder case, itu bukti mengenai jenayah dilakukan. Itulah posting ketujuh, 'smoking gun' yang dipamerkan oleh UNIMAS top virologist Malaysia, Dr. Jane Cardosa. Kawan saya dari Sibu tentu tahu siapa Jane Cardosa. Dan saya ada sebut sifat ini sebagai satu 'smoking gun', dengan izin, saya memetik sepenuh surat tersebut.

*"Date: Saturday, 16 January 1999 10:24 From: Jane Cardosa. In the matter of the press release by the Minister of Agriculture, Dr. Sulaiman Daud, I would like to clarify that Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) has not been called in to assist in the investigation of the 'JE' outbreak referred to in your posting, and the university has not sent anyone to the Peninsula".* Oleh kerana menteri kata ada, dia kata tidak ada.

*"We are merely surprised that it is taking so long for the Ministry of Health to make a confirmatory diagnosis of JE, (if in fact we are seeing a JE outbreak in the Peninsula). We have offered to run confirmatory tests on human specimens if our assistance should be needed, but our offer has not been taken up".* Top virologist yang ambil bahagian untuk analyse virus yang berjangkit Sarawak 1997 dan dipastikan ia bukan Coxsackie B virus. Offer bantu tetapi tidak diterima.

*"It might be worth pointing out to readers of ProMED-mail that JE is largely seasonal in Malaysia and normally occurs during the months of November/December/January. The fact that we are seeing an increase in JE cases during this period is therefore nothing new nor particularly unusual. What is unusual about the fatal cases in the Peninsula is that they are young adults, and they are dying".* Oleh kerana high fatality ialah children, not young adult JE.

*"Although they are mostly are pig farm workers, raising suspicion about JE, we must not forget to rule out other possible occupational causes. This is particularly relevant in view of the fact that there has not been a confirmatory laboratory result for most of these cases weeks later".* Belum ada satu confirmatory result.

*"In Sarawak (separated from the Peninsula by an ocean), we are able to deliver a specific IgM result for JE within a 24 hour turnaround time", dalam 24 jam dia boleh buat analisa, "RT PCR is not terribly useful in cases already with encephalitis because virus is often undetectable by then. We are successfully using RT PCR to determine which febrile children with convulsions have JE. These children seroconvert for IgM a couple of days later, and then the RT PCR is normally negative. Jane Cardosa".*

Surat Jane Cardosa ada dikomen oleh Dr Chan Yow Cheong, Moderator ProMED Rantau Asia, dalam posting keenam pada 18 Januari.

Surat kelapan pada 14 Februari melaporkan bahawa pada awal bulan ini Menteri Kesihatan telah mengharamkan semua jabatan kesihatan daripada mengeluarkan kenyataan mengenai JE yang telah "meragut 14 nyawa, masa itu 14 Februari dalam tempoh 4 bulan" supaya orang ramai tidak "unnecessarily alarmed". Yang Berhormat Menteri juga dikatakan mengarahkan editor tempatan supaya tidak melaporkan isu ini terlalu banyak kerana laporan mereka akan menjejaskan ekonomi jika terpetik oleh media asing. Kononnya Presiden Kesatuan Perubatan Malaysia (MMA), Lee Yang Sang menyokong arahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Moderator memberikan komen yang terus mata ini, dengan izin,

- "1. *There is an urgent need for an official statement that there is nothing unusual about seeing cases of JE at this time of the year, and no need for panic – a web page giving daily updates, such as Sarawak had during the Cosaxsackie B virus outbreak quoted would be a good idea*".
- "2. *Bitter experience has taught many countries that reporting some diseases, such as cholera, has a bad effect on trade and tourism. This is a all the more reason why there should be frequent official updates of the situation, to curb rumours, put the outbreak in contexts, and explain what the country is doing to control the disease and prevent further cases*".
- "3. *As our Regional Moderator for Asia, Dr. Chan Yow Cheong, pointed out in his comments on the posting referenced above, the epidoemiology of this outbreak is different the usual, since the cases reported are mainly in adults, and serological confirmation the most of them are due to JE virus is lacking. Either JE virus has changed its characteristics this year or there is a second virus involved*". *Siang-siang, awal-awal pakar-pakar sudah tunjuk, bukan JE, tetapi Menteri Kesihatan kita political decision JE means JE. "Malaysia has highly competent Virologists who should be able to give an answer to this question soon"*.

Memang benar, Malaysia ada virologist yang standard boleh banding dengan sesiapa di mana-mana tempat di dunia. Tetapi apabila Menteri Kesihatan buat keputusan politik JE ialah JE, itulah mengganggu urusan pakar-pakar.

Posting kesembilan yang bertarikh 24 Februari memaparkan maklumat wabak ini yang diberikan Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Abdul Aziz Mahmood, antaranya berkata bahawa, dengan izin, *"JE is endemic in Malaysia, - bila-bila pun ada, and cases occur sporadically throughout the year. Outbreaks of the disease occurred in 1977 in Langkawi (10 cases and two deaths), 1978 in Penang (nine cases for death) and in 1992 in Sarawak (10 cases and three deaths). The recent outbreak in Ipoh involved 25 cases and claimed 13 lives and in Seremban it claimed five lives out of seven cases"*.

Posting kesepuluh, pada 26 Februari melaporkan tentang satu persidangan sehari di Ipoh mengenai perkembangan terbaru diagnosis dan kawalan JE, di mana virologist kanan University Malaya Dr. Lam Sai Kit dan Dr. Marina Abdul Hamid, seorang Pegawai Kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Kinta dipaksa untuk merasionalkan tingkah laku luar biasa JE atau apa yang digelar sebagai "change of scenario JE", sebenarnya tidak ada change of scenario, bukan JE, menjejaskan khasnya orang dewasa yang tinggal di kawasan ladang babi untuk sekian masa. Profesor Lam Sai Kit berkata bahawa berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan di antara 1989 ke-1993 lebih kurang 52% kes-kes yang dilaporkan terdiri daripada kanak-kanak umurnya di antara tujuh dan 15 tahun. 31% terdiri daripada kanak-kanak umurnya di bawah empat tahun 9% kanak-kanak umurnya antara 15 ke-24 tahun dan hanya 8% terdiri dari orang dewasa, 8% sahaja mangsa JE. Di dalam wabak Kinta bagaimanapun kesemua kes yang dilaporkan melibatkan orang dewasa kecuali seorang budak buduk berumur 10 tahun yang duduk di salah satu kawasan ladang terjejas dan di antaranya 87.5% yang dijangkiti adalah lelaki dan kebanyakan mereka berurus terus dalam aktiviti-aktiviti berkaitan babi.

Posting kesebelas yang dikirim pada 1.3.99, kita sudah sangat dekat the discovery of the killer. Moderator ProMED mendapati bahawa pada 16 Januari, Jane Cardosa telah mempersoalkan tentang kurang diagnosis, confirmatory diagnosis JE

dan ciri-ciri luar biasa kes-kes maut yang melibatkan dewasa muda, bahawa pada 14.2.99, moderator ProMED telah membangkitkan soalan mengenai sama ada wujudnya virus kedua yang menyebabkan kematian selain daripada virus JE dan ketiga kes bahawa data yang dibentangkan oleh Profesor Lam Sai Kit di Persidangan Ipoh di mana 80% pesakit di wabak Perak itu merupakan orang dewasa sementara data tahun 1989 ke tahun 1993 menunjukkan hanya 8% kes JE melibatkan orang dewasa umurnya menjangkau 25 tahun dan inilah apa komen moderator ProMED.

*"This sound to me as though it is an exceedingly complex situation. Data are needed (and may already have been obtained, I simply do not know) regarding vaccine coverage of the human population, vaccine coverage of the pig population, prevalence of JE in wild and domesticated birds in the area, laboratory confirmation of clinical suspicions, evidence that killing infected pigs (which do not have persistent infections) is a reasonable choice...."*

Adakah ini reasonable choice, kalau JE mess pembunuhan babi RM1 juta itulah not reasonable choice and tool for virus control, molecular data regarding sequence differences between the currently circulating strains and prototype/historic strains, infection rate in children and adults with a history of vaccination against JE'. Mujurnya pada 1 Mac 1999, Jabatan Mikrobiologi, Jabatan Fakulti Perubatan, Universiti Malaya telah bertindak pantas dan mengesan virus pembunuh baru ini, dan perkara ini telah dihuraikan dengan baik oleh Profesor Lam Sai Kit dalam suratnya kepada ProMed yang bertarikh 3 April 1999 dan itulah surat yang saya tunjuk kepada Yang Berhormat Menteri dua hari dahulu.

Itulah tajuk, dengan izin, 'On the Fast Track to this Covering a New Virus.' ditulis 3 April, *It has been a month ago. Since Dr. Chua Kaw Bing and I got involved with the viral encephalitis outbreak in Negeri Sembilan and we feel it is time to share our experience with ProMED-mail readers. There have been many postings already and I will not touch on issues already raised. We will try to update readers from time to time.*

*"The outbreak in Negeri Sembilan started in February 1999 at Bukit Pelandok. And we were requested to help by the Seremban Hospital, the closest referral hospital to the site of the outbreak. Clinically, the cases were viral encephalitis, mainly in male adults and with history of contact with pigs. This was similiar to the earlier outbreak in Ipoh which started in October 1998 with 15 deaths, and was confirmed to be due to Japanese Encephalitis by the Ministry of Health and the WHO Collaborating Center for Reference and Research on Tropical Virus Diseases, Nagasaki, Japan.*

*Since we too had several JE IgM serology positives indicating recent infection, we assumed that the Negeri Sembilan outbreak was a continuation of the Ipoh outbreak through movement of pigs. However, we were puzzled by the unusual epidemiology if it was JE alone. Why were adults mainly affected and why only those in direct contact with pigs and not family members who also lived but not worked in the pig farms? Why were there cases among those who had received the full course of the Biken mouse brain-derived inactivated JE vaccines? Why were pigs dying, JE tak bunuh babi, JE bukan satu killer kepada babi. But, di sini pigs sure dying. Why were pigs dying and why were there no seroconversions in well-timed paired serum samples from pig to JE?*

*When we received the first few samples of patient blood and cerebrospinal fluid on 1 March 1999, we set out to do virus isolation using a number of cell lines, in addition to JE IgM serology. By day 5, lima hari sahaja, post-inoculation 5<sup>th</sup> March, we noticed syntial formation which rapidly spread to form large multinucleated giant cells. The isolate was passaged the next day, 6<sup>th</sup> March, and slides of the infected cells made and stained for immuno-fluorescence with flavivirus and JE monoclonals*

*specific antibodies, herpes simplex and cytomegalovirus, respiratory viruses including paramyxoviruses, measles and panenterovirus. All were negative. However, IgM and IgG which antibodies to the isolate were found in one CSF and three serum samples of patients.*

*Infected cells harvested on 8<sup>th</sup> March were also fixed in glutaraldehyde for electron microscopy and examined on 11<sup>th</sup> March. Pleomorphic viral-like particles measuring between 160 and 300 nm were observed. We felt we could not take the identification any further locally and when Duane Gubler from CDC, Fort Collins, offered to help, we decided to accept. Unfortunately we could not get a courier services to handle the consignment. Within 48 hours, Chua was on the flight. Chua di sini bukan Menteri Kesihatan, tetapi Dr Chua Kaw Bing. Chua was on a flight to Fort Collins, arriving on 13<sup>th</sup> March. Since he had taken prepared slides and EM grids and blocks, along with clinical specimens and virus isolates, no time was wasted. Over the weekend and with the help of Nick Karabatsos and Duane, our earlier EM observation was confirmed, the virus was morphologically similar to recognized paramyxoviruses. All tests for arboviruses i.e. JE virus and others were negative.*

*Duane kindly arranged for Chua to go to CDC, Atlanta, on 17 March; duplicate clinical samples taken to Fort Collins from Malaysia had already been sent there 2 days earlier. On arrival, further results on the samples were already available. The isolates reacted to Hendra antibodies and limited sequencing data on the P gene showed 10% divergence from Hendra virus. On 18 March, while Chua was still in Atlanta, I received a fax from Brian Mahy with the news that there was definite evidence for an association with a paramyxovirus related to Hendra virus. The rest is history. Ken Lam, 1 April 1999."*

Daripada dapat specimens 1 Mac 1999, sebelas hari sudah dapat analisis as solution tetapi perlu lagi lapan hari untuk hantar kepada CDC untuk confirmation, 18 days to this cover a new virus. Yang lain memang telah jadi sejarah kecuali kita tidak tahu berapa nyawa lagi yang akan terkorban, selain daripada jumlah kematian sebanyak sembilan puluh dua orang hingga kini. Berapa keluarga yang akan musnah dan berapa bilion ringgit kerugian yang akan berlaku hasil daripada kecuaiannya jenayah Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang sehingga hari ini masih bercakap tentang JE dan bukannya virus jenis Hendra sama ada ala CJM.

Mengapakah pertanyaan Jane Cardosa iaitu sama ada virus berkenaan virus JE dan tawarannya untuk membantu mengenal pasti virus pembunuh baru pada awal bulan Januari tidak diterima. Kalau ada diterima mungkin pada bulan Januari kita sudah tahu, mungkin, tidak berlaku. Di Negeri Sembilan lima orang meninggal dunia, enam orang meninggal dunia, bukan sekarang hampir lapan puluh orang meninggal dunia. Mengapakah pertanyaan Jane Cardosa iaitu sama ada virus berkenaan virus JE dan tawarannya untuk membantu mengenal pasti virus pembunuh baru pada awal bulan Januari tidak diterima, yang mungkin akan mengelakkan negara kita daripada bencana epidemik virus terburuk dalam sejarah kita?

Adakah ia di sebabkan oleh Jane Cardosa yang terlibat dalam kerja penganalisan wabak virus pada tahun 1997 yang telah meragut 41 nyawa dan membantu mengenal pasti bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah tersilap dalam menyalahkan virus Coxsackie B sebagai punca wabak berkenaan? Ataupun adakah kerana Jane Cardosa disyaki bersimpati dengan gerakan Reformasi sehinggakan nyawa dikorban begitu sahaja. Bukankah ini kecuaiannya criminal? Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak mengendahkan nasihat daripada salah seorang ahli virologi yang terkemuka bahawa wujudnya satu lagi virus, serta tidak mengambil hati tentang empat ciri-ciri luar biasa wabak yang dianggapnya sebagai JE ini.

- (i) lingkungan umur manusia yang meninggal dunia, yang membingungkan;

- (ii) kematian babi (virus JE biasanya, bukan sahaja biasanya sentiasa yang diketahui tidak menyebabkan kematian babi);
- (iii) kematian yang berkaitan dengan pekerjaan; dan
- (iv) kematian di antara orang dewasa yang telah menyuntik vaksin sebanyak tiga kali, tiga kali vaksin pun mati - apa itu vaksin? Oleh kerana itu virus lain.

Sehingga kini, beliau masih memberitahu Parlimen dan negara ini tentang JE. Dua hari dulu pun JE. Sementara ProMED telah memberhentikan perbincangan atas Japanese Encephalitis - Malaysia sejak 18 Mac, the track tidak ada lagi Japanese Encephalitis, yang digantikan dengan virus jenis Hendra - Malaysia, tidak ada CJM tetapi virus jenis Hendra - Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebenarnya seawal 21 Mac, moderator ProMED sudah melahirkan surprise, kenapa kerajaan Malaysia ada lagi infection mengenai JE? Sungguhpun sudah didapati bahawa masalah bukan JE - ini dalam ProMED Internet 21 Mac:

*"Comment moderator remarkably, the Malaysia Government is thinking to the story that this is the Japanese Encephalitis, JE Epidemic with possibly some Hendra Like Virus involvement. As our reader can tell from the change in the headers, ProMED mail is emphasizing the emerging nature of the Hendra-like virus and minimizing the JE vector."*

Dia kata, dia pun tidak pernah dengar, dengan izin, he said, he do not know one measure to control a JE outbreak is to shoot the pigs. Dia tidak pernah dengar oleh kerana inilah luar biasa.

DAP menyeru satu siasatan sepenuhnya untuk memastikan sama ada, ada satu konspirasi bohong untuk menyalahkan dua jenis virus yang menyebabkan bencana virus yang terburuk dalam sejarah Malaysia. Walhal, punca utama mungkinlah yang menyebabkan 72 orang mati di Bukit Pelanduk ialah Hendra-like dan mungkin untuk semua 92 main cause ialah Hendra-like.

Perlulah kita ada satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat sebab-sebab yang sebenarnya bencana epidemic virus ini. Sama ada kematian-kematian dan kerugian-kerugian, kewangan boleh dielakkan kalau ada satu crisis management yang cekap. Suruhanjaya Diraja perlu siasat antara lain:-

- (i) Semua kes kematian disyaki atau sah JE, tahun ini, tahun lepas, tahun 1997 - semua kes perlu disiasat semula untuk memastikan sama ada mereka disilap cap, kena pasti sebagai virus JE. Walhal punca yang sebenar ialah Hendra Like Virus.
- (ii) Kaji semula (review), reexamined 19 specimen yang ada daripada penyakit-penyakit di Perak yang dihantar kepada WHO, Collaboration Centre for Tropical Diseases in Nagasaki di bulan Disember 1998, di mana 4 daripada 19 specimen ini adalah disahkan sebagai JE, sama ada oleh IMR (Institute of Medical Research Laboratory) di Kuala Lumpur atau di WHO Collaborating Centre di Nagasaki. Perlulah review sama ada ini adalah silap dan sebab itu apabila Yang Berhormat Menteri Kesihatan berdiri kata, adalah confirmation Nagasaki, saya tanya apa tarikh? Disember - itu kes Kinta. Tidak sangkut paut dengan kes-kes kematian Bukit Pelanduk, dia fikir orang lain tidak tahu tetapi inilah dokumen-dokumen.

- (iii) Suruhanjaya Diraja perlu siasat punca virus Hendra Like ini. Kenapa, dari mana? Ini sebenarnya tanggungjawab besar Yang Berhormat Menteri Pertanian. Punca dari mana? Apa binatang-binatang itu? Adakah Yang Berhormat Menteri Pertanian ambil tindakan untuk mengesan source virus Hendra ini? Suruhanjaya Diraja ini perlulah siasat sama ada benar mengikut satu cerita bahawa ia berpunca dari kuda-kuda yang diimport daripada Australia, mungkin daripada Hendra di Brisbane. Jangan ketawa, 92 orang sudah mati.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** You want to clarify, better not, you'll be in trouble. *[Ketawa]**[Disampuk]* Kalau tidak rela untuk memberi maklumat-maklumat, kalau mahu berlagak sebagai Menteri Kesihatan, I think big trouble. Siasat sama ada benar bahawa ada kemungkinan Hendra-like virus ini berpunca dari kuda-kuda yang diimport daripada Australia kepada Perak, Kinta. Masuk ke Kinta dan sebenar-benar bahawa ada 4 ekor kuda sudah mati.

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pertanian patut boleh berdiri untuk confirm - deny, adakah benar ada kuda-kuda yang mati di Perak. Oleh kerana inilah kritikal, bolehkah, mungkin tidak boleh. Kalau tidak boleh, ini menunjukkan ketidakcekapan, inilah menunjuk kita irresponsibility, failure of responsibility sampai sekarang tidak boleh kata sama ada benar bahawa kuda-kuda di Kinta ada mati tiga ekor atau empat ekor. Saya rela memberi jalan. Oleh kerana ini sudah kritikal, kita mahu tahu Hendra-like virus dari mana?

**Seorang Ahli:** Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu main...kita di sini serius, orang mati. Ini satu soalan yang sangat penting, what is the source? Kalau itu benar ialah kuda-kuda yang ada bersangkutan paut dengan kuda yang ada di Kinta, tiga atau empat ekor yang mati, kenapa Veterinary Department tidak ada siasat?

Bukankah tanggungjawab Veterinary Department untuk tahu setiap kes kuda yang mati, apakah sebabnya? Kalau tidak siasat, tidak tahu. Itulah cuai! Apa yang berlaku di negara kita sekarang yang menyebabkan bencana ini ialah kecuai pihak Kementerian Kesihatan dan pihak Kementerian Pertanian. Kedua-dua menteri patut letak jawatan. Ini serius!

Kenapa sampai sekarang tidak boleh kata sama ada, ada tiga atau empat ekor kuda di Kinta yang sudah mati dan apa sebab mati yang tiga, empat ekor ini, bolehkah, stand up?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat buang masa, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah disebabkan 92 orang mati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, boleh berucap, ya, tetapi ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu bertanya, saya mahu mendesak dia menjawab.

**Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kita akan mengkaji apa yang dibangkitkan dan kita akan siasat dan kita akan memberi jawapan dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah 100 orang sudah mati!

**Dr. Yap Yit Thong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Lumut bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payahlah, itu tak payahlah.

**Dr. Yap Yit Thong:** Saya hendak mendapat sedikit penjelasan dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu orang wang, tahu wang, tengok wang, lain tidak tengok, saya ingat tak payahlah.

**Dr. Yap Yit Thong:** Saya hendak mendapat sedikit penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payah, tak payah, orang tengok wang sahaja, tidak ada hal yang lain, tidak payahlah.

**Dr. Yap Yit Thong:** You bukan seorang doktor, you belum tahu apa dia Hendra like virus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri. Kita mahu tahu kenapa sampai sekarang Yang Berhormat Menteri Pertanian tidak boleh memberi satu pendirian dan jawapan link, hubungan antara kematian kuda-kuda di Kinta dengan wabak ini, yang sudah menyebabkan dekat 100 orang mati dan akhirnya bencana ini mungkin lebih dari 100 orang yang akan meninggal dunia.

**Dr. Yap Yit Thong:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Lumut bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri.

**Dr. Yap Yit Thong:** Saya hendak bertanya, apa yang you takutkan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya juga hendak bertanya dan bukan sahaja orang yang mati, orang yang telah terkorban nyawa mereka, tetapi industri-industri penternak babi atau pork jahanam. Lain-lain industri pun, animal feed, transportation, tourism dan inilah satu pukulan hebat kepada usaha pemulihan ekonomi. Kita mahu tahu oleh kerana ini mustahak, orang yang mati tidak boleh selamat nyawa mereka tetapi untuk memastikan tidak akan berulang lagi perkara semacam ini. Dua tahun dahulu Cocksackie B virus dan seramai 41 orang mati, sekarang lebih dari 100 orang sekurangnya akan mati sebelum berakhirnya bencana ini.

Apabila soalan punca kuda tidak dijawab, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian akan mengambil tindakan supaya Veterinary Department kerana ini ada bersangkutan paut, saya tahu bahawa ada pemimpin-pemimpin MCA yang menyalahkan saya, hentam Menteri Kesihatan sahaja tidak berani hendak mengkritik Yang Berhormat Menteri Pertanian, kenapa mereka mahu saya hentam Menteri Pertanian, tetapi saya tidak mahu hentam di sini atau tidak mahu hentam di sana, apa yang betul saya akan katakan, tidak takut sesiapa, sama ada MCA, UMNO, PBB, itu tidak kisah dan saya harap akan mendapat satu siasatan kalau Veterinary Department tidak tahu perkara ini, cari exhume carcass kuda itu, itu mustahak, selain daripada except kalau tidak semua dimakan, saya harap keluarkan satu arahan exhume carcass atau remains whatever it is atau apa sahaja dan DNA, tentu ada DNA, kita dengar banyak mengenai DNA, tilam keluar, tilam masuk mahkamah [Ketawa] kita sekarang mahu DNA kuda.

**Beberapa Ahli DAP:** Betul, betul!

**Tuan Lim Kit Siang:** DNA kuda dan oleh kerana dalam kelab-kelab kuda di Kinta itu apabila kuda mati sangat dekat ialah ada ladang babi dan ada dua orang bapa

dan anak, kedua-duanya mati, father and son mati, siasat sama ada mereka mangsa JE atau sebenarnya mangsa pertama Hendra like virus 'CJM'.

Saya rasa sangat kesal bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dia kata, oh kita dipihak kementerian sangat bertungkus lumus, kita boleh dalam masa yang singkat boleh mengesan satu virus yang baru bukan semacam AIDS mengambil masa 16 tahun atau semacam Hantan virus selama empat tahun tetapi sebenarnya kita boleh dapat mengesan jenis virus itu lebih awal kalau tidak ada political interference oleh Menteri Kesihatan, kalau Jane Cardoza tawaran beliau untuk membantu untuk mengenal pasti virus yang baharu ada diterima mungkin dalam bulan Januari kita telah tahu. Kita tahu bahawa satu stok, satu response stock in trade Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah menunjuk dan juga Ahli-ahli Parlimen MCA yang menunjuk ialah apa DAP sudah buat, berapa derma sudah kutip untuk mangsa-mangsa bencana ini, saya tahu, apa guna seorang Menteri Kesihatan untuk kutip derma, orang sudah mati walhal tanggungjawab beliau ialah mengelak orang mati, orang mati baru pergi kutip derma, lebih baik menjadi menteri orang mati, bukan Menteri Kesihatan.

**Dr. Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan. Nanti boleh jawab sendiri.

Seorang Ahli: Takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Takut, tidak berdiri di sini. Dan saya rasa mustahaklah kita faham bukan wang boleh membersihkan segala dosa, segala jenayah sehingga akhirat, bukan wang boleh buat segalanya, kalau wang boleh buat segalanya, kalau boleh menyebabkan orang mati rasa boleh tebuskan ini dengan wang, lebih baik tukar namalah MCA – 'mati Chinese association,' lepas itu 'money collecting association'.

**Dr. Yap Pian Hon:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Serdang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri.

**Dr. Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Dr. Yap Yit Thong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang di sini.

**Dr. Yap Pian Hon:** Apa takut beri penjelasan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu penjelasan, okay saya beri kepada seorang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Serdang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa pun boleh!

**Dr. Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, pihak MCA mencadangkan mengadakan kutipan bagi memberi syarahan kepada mangsa-mangsa dan keluarga mangsa supaya mereka dapat berdiri lagi untuk pada masa yang akan datang, jadi inikah tujuan DAP jangan mengutip wang supaya mangsa-mangsa keluarga yang malang itu tidak dapat lagi meneruskan penghidupan mereka pada masa yang akan datang. Saya minta penjelasan apakah pendirian DAP dalam perkara ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** DAP tidak pernah kata bahawa masyarakat Tionghua tidak mengutip untuk membantu mangsa-mangsa kecuai pemimpin-pemimpin

MCA, kecuaiannya menteri-menteri MCA, apa yang berlaku patut, tetapi tanggungjawab pucuk pimpinan MCA khususnya menteri-menteri MCA ialah kalau mahu menebuskan dosa yang menyebabkan kematian beramai-ramai ialah dalam Kabinet untuk mendapatkan satu kelulusan pakej RM720 juta untuk memberi pampasan kepada mangsa-mangsa dan mereka tidak akan mati kalau menteri-menteri MCA tidak cuai, mereka tidak mati kalau MCA cekap tetapi oleh kerana menteri MCA tidak guna langsung, pergi Sabah satu plus twelve, apa plus twelve, minus twelve, sebab itu menyebabkan kematian krisis yang besar dalam negara.

Kenapa menteri-menteri dari MCA, Ahli-ahli Parlimen dari MCA – dua hari dahulu dalam Dewan yang mulia ini saya ada cadangkan bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak kira parti termasuk Ahli-ahli Parlimen dari MCA berdiri, suarakan dan sokong satu pakej RM720 juta untuk menangani bencana ini. Tiga compensation schemes; satu RM200 juta untuk memberi pampasan – satu ekor babi yang dimusnahkan RM200, satu juta babi dimusnahkan RM200 juta – kenapa MCA diam? Sekarang pun diam! Adakah Ahli Parlimen dari MCA yang berani berdiri untuk menyokong? Takut!

**Seorang Ahli: Berani!**

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa coward, siapa pengecut? – Kedua, compensation fund memberi RM20 juta kepada keluarga-keluarga simati. Mana? Mana Ahli-ahli MCA yang berdiri?

**Seorang Ahli: Tidak sokong!**

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri kata sokong RM20 juta yang dikeluarkan oleh kerajaan, mana? Diaaaaam!!!

**Seorang Ahli: Tidak berani.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ketiga, RM20 juta untuk semua penduduk tidak kira orang Tionghua, Melayu atau India yang jadi mangsa oleh kerana dipaksa untuk dihalaukan, dipindahkan keluar daripada kediaman mereka kepada tempat kerja mereka oleh kerana operasi tindakan untuk memusnahkan babi beramai-ramai yang mengakibatkan satu krisis environment tidak boleh ditinggalkan. Apabila saya melawat Sungai Nipah kali yang keempat saya lihat sebagai war zone, nampaknya satu war zone – itu sebelum operasi, sekarang lebih dahsyat! Mana suara? Kalau ada Ahli Parlimen dari MCA berani berdiri kata dia sokong, sekarang berdiri!! Kalau tidak diam forever and shut your mouth forever. *[Sorak]*

**Dr. Yap Yit Thong: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak sokong jangan berdiri!

**Dr. Yap Yit Thong:** Bukan, saya hendak beri pendapat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, kalau tidak berani apa guna buka mulut!

**Dr. Yap Yit Thong:** Sekarang isu ini di'handle' oleh Pasukan Bergerak, tidak payah DAP campur tangan lagi!

**Tuan Lim Kit Siang:** Buka mulut to contaminate the air of Parlimen.

**Dr. Yap Yit Thong:** Apa yang DAP sudah buat?

**Tuan Lim Kit Siang:** After committing the crime of killing one hundred people?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan, useless people!! *[Disampuk]* Killing one hundred people, you can accept? *[Disampuk]* Morale coward! *[Disampuk]* Morale coward! Nobody dare to stand up for the hundred people who have died for nothing! Where is your conscience? Where is your humanity?

**Seorang Ahli:** Gelak lagi ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** You can tengok wang, wang! You can see only money, what else can you see? I cannot see you!

**Dr. Yap Yit Thong:** This is an epidemic.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** I cannot see you! Because I cannot see money.

**Dr. Yap Yit Thong:** Yes, you can see 'asso' only.

**Tuan Lim Kit Siang:** You represent money, I don't see you.

**Dr. Yap Yit Thong:** Yes, 'asso Lim' *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah, tiga pakej compensation funds. I am angry here, saya marah, saya sudah marah satu bulan! *[Ketawa]* Panggil Menteri Kesihatan pergi Bukit Pelandok, dia pergi Sabah. *[Disampuk]* Tak marah? Bila saya pergi Bukit Pelandok, lapan orang mati, sekarang 70 orang mati, kalau kita sudah hilang capacity marah kita tidak guna sebagai seorang human being. Tidak kata seorang political leader. If we are afraid to be outraged, you are not a human being, you are not a human being! And anybody who says he is outrage, I say you are not a human being, you are worse than an animal. Anybody dare to take me on that? *[Disampuk]* Saya harap kita boleh tengok more outrage, more anger dalam Dewan yang mulia ini mengenai kematian beramai-ramai yang tidak patut berlaku. Mana itu anger? Mana itu outrage? Waang, waang! Malu!

Saya harap, saya sudah sebut, three compensation packages dan satu lagi credit facility RM400 juta, bukan give away! Bukan untuk hadiah, credit! Untuk sepuluh tahun, dua puluh tahun, itu industri penternak babi berdikari tanpa dapat satu sen daripada kerajaan dan mereka ada contribute besar kepada ekonomi – RM400 juta foreign exchange setiap tahun. 300,000 orang livelihood mereka. Sekarang itulah krisis terbesar, bukan salah mereka.

Ada satu masa iaitu semasa Yang Berhormat Menteri Pertanian termasuk Timbalan Menteri Pertanian salahkan penternak-penternak babi – Oh, semua orang tamak, tidak mahu dengar nasihat untuk adakan keadaan sekeliling yang sihat, sanitary, sekarang tengok ada wabak JE – ada conditions di mana culex mosquito boleh drive dari sekarang, bukan JE, sekarang bukan JE sungguhpun mahu pretend itu JE supaya tidak perlu untuk menerangkan kepada rakyat kenapa semua wang diboros, semua strategi salah oleh kerana memerangi satu virus yang salah tetapi sekarang tidak boleh salahkan penternak-penternak babi kerana mereka pun mangsa oleh kerana inilah kita tidak tahu cara mode of transmission penyakit-penyakit virus ini – belum tahu, sungguhpun Yang Berhormat Menteri bukan dalam bidang perubatan tetapi nyaris-nyaris perubatan tetapi mode of transmission belum tahu. Kalau kita tidak tahu mode of transmission, bolehkah kita salahkan sesiapa khasnya industri menternak babi? Tidak boleh, inilah disservice, inilah tidak patut, itulah satu lagi sebab kenapa kerajaan perlu memberi sokongan untuk menyelamatkan industri khasnya mereka

warganegara rakyat Malaysia. RM720 juta sehingga sekarang, tidak ada orang berani berdiri to their eternal shame.

Tuan Yang di-Pertua, dan bukan sahaja itu, minggu depan saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian boleh tukar fikiran, boleh sokong usaha-usaha untuk menyelamatkan industri ini. Dua hari dahulu saya baca bahawa ada satu formula yang melibatkan MCA – 'Money Collecting Association', 'Mati Chinese Association' yang kata bahawa memberi RM1,000 kepada keluarga simati untuk bayaran hospital – RM1,000! Apa boleh dibuat dengan RM1,000? Kerajaan patutlah dan saya harap Ahli-ahli Parlimen MCA sokong bahawa untuk semua mangsa, semua kes penyakit atau simati virus epidemic ini segala perbelanjaan hospital sama ada public hospital atau swasta ditanggung seratus peratus oleh kerajaan. Adakah Ahli Parlimen dari MCA berani untuk sokong? Kata sahaja 'money', 'money', 'money'.

Kedua, banyak anak keluarga mangsa bencana ini sekarang menghadapi krisis kewangan dan tidak boleh teruskan pendidikan mereka, sama ada di peringkat rendah, menengah atau tertiary. Kementerian Pendidikan patutlah tubuh satu biro khas untuk memberi sepenuh bantuan kepada kategori kes ini – menanggung segala perbelanjaan pendidikan mereka supaya tiada seorang oleh kerana bencana ini hilang peluang untuk melanjutkan pendidikan sehingga peringkat tertinggi yang beliau mampu. Adakah MCA rela memberi sokongan ini? Tidak, oleh kerana MCA - 'Mati Chinese Association'. Saya harap bahawa apa yang kita perlu adalah satu siasatan sepenuhnya sama ada satu konspirasi bohong rakyat mengenai jenis virus yang menyebabkan bencana ini sama ada Hendra-like virus adalah so cause atau main cause lebih daripada 70 kematian di Bukit Pelandok dan juga lebih daripada 90 di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berucap mengenai Kertas Putih yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang lepas, saya telah menyatakan bahawa apa yang bermula sebagai krisis ekonomi kini telah berubah menjadi satu krisis kebangsaan yang serius. Ia tidak lagi terhad kepada krisis ekonomi atau hanya menjejaskan politik atau sosial. Ia telah merebak sebagai krisis sepenuhnya yang akan menggegarkan asas-asas kewujudan negara kita.

Saya telah mengatakan bahawa sikap seperti 'burung unta' yang menafikan realiti oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional tidak boleh diterima atau ditahan lagi oleh rakyat negara yang menderita sekian lama ini. Dalam ucapan saya, saya telah menghuraikan asal-usul krisis ini yang dipanjangkan dan diperhebatkan oleh tindakan atau ketidaktindakan kerajaan kita.

Adalah dasar ekonomi dan bukan ekonomi kerajaan yang telah secara kumulatifnya merosakkan dan menjejaskan tunggak yang menyokong masyarakat madani kita. Kita dapat lihat bagaimana kebebasan dan integriti sistem badan kehakiman dimusnahkan, kekuatan sistem kewangan dilemahkan, kejujuran perkhidmatan awam tercemar, integriti pasukan penguat kuasa terjejas. Senarai ini tidak berhenti-henti panjangnya. Kita lihat bagaimana kedaulatan undang-undang digantikan dengan kehilangan undang-undang, kebenaran digantikan dengan pembohongan dan propaganda, kepentingan masyarakat umum dikorbankan demi menjaga kepentingan golongan yang terpilih, perpecahan menggantikan perpaduan, manakala ketidak tentuan menggantikan kestabilan. Rekod teruk kerajaan sendiri telah memusnahkan keyakinan. Rakyat negara ini tidak percaya lagi dengan pengumumannya dan pasaran tidak lagi menerima apa yang digelar sebagai 'dasar'.

Perbincangan ke atas Kertas Putih berkenaan telah cuba dihiasi oleh pihak kerajaan dan ahli-ahlinya dengan memaparkan imej 'feel good'. Perlu diingati bahawa ucapan-ucapan kementerian tidak membalas kepada banyak isu penting yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Kita sekali lagi disumbat dengan berbagai cerita setengah benar, tidak menjawab dengan tepat dan terus membisu dalam isu-isu kritikal yang dibangkitkan. Kenyataan yang memuji-memuji diri sebenarnya tidak

bermakna dan hanya bayang-bayang tanpa isi dan sebenarnya lebih memudaratkan lagi keyakinan dan kredibiliti. Jawapan-jawapan yang dibekalkan itu bukan sahaja tidak relevan malah tidak boleh dipercayai. Izinkan saya membuat huraian.

Kawalan modal tidak berkesan – Kerajaan belum lagi dapat membuktikan bahawa kawalan-kawalan berkenaan, kononnya dibentuk untuk menggalakkan pengaliran masuk modal jangka panjang yang stabil, telah menambahkan lagi Pelaburan Terus Asing (Foreign Direct Investment, FDI). Pada hakikatnya, tidak berlaku sebarang pengaliran yang substantif. Fakta bahawa kerajaan terpaksa memodifikasikan kawalan-kawalan ini dan membekalkan pengecualian menunjukkan ia sebenarnya suatu kegagalan. Kawalan modal telah dibentuk untuk merangsangkan pasaran saham, khasnya selepas pengumuman pada pertengahan Februari, tetapi indeks bursa telah menunjukkan kesan yang sebenarnya. Pasaran saham jiran-jiran kita telah memperlihatkan persembahan yang lebih baik tanpa melakukan eksperimental yang bodoh. Kawalan modal adalah sebahagian dari sebab mengapa pengaliran pelaburan tidak kembali ke Malaysia.

Peg Ringgit – Adalah sungguh ketara bahawa remedi paling dibanggakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai dasar yang akan membawa kepada kestabilan kini telah dibukti cumalah 'ubat palsu'. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada permintaan umum yang dibuat oleh Dewan Perniagaan Kebangsaan supaya kerajaan menilai semula Ringgit. Dasar ini sepatutnya dibentuk untuk memulihkan ekonomi tetapi jika kita percaya kepada Dewan Perniagaan Kebangsaan, itu sebaliknya telah memudaratkan usaha pemulihan. Peg berkenaan tidak mendatangkan sebarang peningkatan dalam bidang eksport tetapi sebaliknya membawa kepada kesan negatif kerana menjadikan bahan-bahan perantara yang diimport lebih mahal lagi dan seterusnya menghakis kelebihan daya persaingan yang sepatutnya diperolehi dari kesan susut nilai Ringgit. Peg ini juga telah menyebabkan kenaikan kos barang-barang pengguna yang diimport. Adalah lebih cermat bagi pihak jiran-jiran kita khasnya negeri Thai, Filipina dan Korea yang elak dari melaksanakan dasar-dasar yang membawa kesan mudarat dan maka itu lebih awal mencapai tahap pemulihan. Dasar yang tidak dipertimbangkan dengan cermat ini, sebagaimana lain-lain dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan, merupakan kos mencederakan yang belum terkira kesannya.

Bailout – banyak yang telah diceritakan tentang aspek buruk dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan secara bersungguh-sungguh ini. Penyelewengan dengan mempergunakan sumber-sumber negara secara terang-terang ini masih berterusan. Pembongkaran yang sepenuhnya belum berlaku. Saya menyeru supaya kerajaan menjawab dengan terus terang.

Awal minggu ini, semasa saya menyertai perbahasan ke atas Kertas Putih, saya telah merujuk kepada saiz dan jenis Pinjaman Tidak Berbayar (NPL). Saya rasa saya telah dibuktikan betul kerana Danaharta telah mengakui dalam satu kenyataan bahawa NPL akan bertambah sungguhpun pengukuran enam bulan digunakan. Ini menunjukkan bahawa dasar bailout adalah satu dasar yang gagal. Berbilion-bilion ringgit yang digunakan untuk tujuan ini nampaknya seperti mencurahkan air ke longkang dan tidak akan membawa sebarang kesan membaiki sistem kewangan dan perbankan. Bailout hanya sejenis pelega dan bukannya ubat penyembuh. Memperbaiki sistem kita bermakna perlunya menelan pil pahit dengan mengizinkan korporat ditutup, mengambil tindakan ke atas mereka yang berulang kali melakukan salah urus korprat dan sekiranya perlu, mendakwa mendakwa mereka yang menyalahgunakan kedudukan mereka dan mengkhianati tanggungjawab kewangan. Di negara China mereka mula mengambil tindakan terhadap tokoh-tokoh korporat yang ada salah guna kuasa mereka, salah urus syarikat-syarikat yang mengakibatkan kerugian besar kepada negara. Bila kita mahu lihat tokoh-tokoh korporat yang

bertanggungjawab kerugian bukan berjuta-juta ringgit, bukan berpuluh-puluh juta ringgit, beratus-ratus juta ringgit didakwa di mahkamah. Bila?

Dasar-dasar kewangan dan fiskal - Tidak ada pilihan lain bagi dasar fiskal yang longgar dari membekalkan stimulus ekonomi. Bagaimanapun, adalah sah mempersoalkan komposisi pakej berkenaan. Mengapakah negara kita membina sebuah mahligai berharga RM200 juta untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa negara tengah mengalami kemelesetan? Mengapakah kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk jet persendirian Perdana Menteri? Mengapakah Empangan Bakun dipulihkan sekali lagi? Mengapakah lebuh raya Timur-Barat kedua dibina sekarang? Mengapakah jumlah dana untuk pembinaan rumah kos rendah dipotong? Mengapakah dana bagi biasiswa untuk universiti dikurangkan? Mengapakah peruntukan bagi ubat-ubatan dalam perkhidmatan perubatan yang serba kekurangan dipotong lagi dalam Belanjawan 1999? Mengapakah tidak adanya sumber kewangan yang disediakan untuk membantu para pakerja yang dipecat? Lebih genting lagi, mengapakah jumlah diperuntukkan kepada para penternak babi begitu kurang dan sedikit? Adalah sungguh sedih sekali orang ramai diminta menderma dan mengutip belas kasihan untuk membantu para penternak babi di negara ini. Senarai persoalan tidak ada hentinya tetapi tidak ada sebarang jawapan yang diperolehi.

Prioriti dan dasar fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan ini sebenarnya kosong dan tidak bermakna. Golongan pekerja diminta menanggung bebannya dan membuat pengorbanan sementara golongan kaya dan yang mempunyai hubungan baik dengan pihak atasan pula tergila-gila mencuri sumber awam untuk diri sendiri.

Adakah ini wawasan Barisan sebuah masyarakat yang adil dan saksama? Rakyat mahukan jawapannya dan sekiranya jawapan tidak diberikan, maka rakyat akan menjawab sendiri dengan jelas menerusi kotak undi nanti.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran terbesar Malaysia adalah bagaimanakah mengatasi krisis kebangsaan masa kini. Krisis ini, seperti krisis-krisis yang lain, adalah unik dan mengancam integriti negara Malaysia. Ia mengancam memecahbelahkan apa yang telah dicapai sejak kemerdekaan negara kita empat dekad yang lepas. Tugas ini memerlukan sokongan sepenuh hati setiap rakyat Malaysia yang setia dan patriotik, tanpa kira kaum atau kecondongan politik. Slogan dan kata-kata kosong tidak lagi mencukupi. Ini memerlukan semangat yang baru, kesedaran yang baru - reformasi hanya merupakan satu simbol kesedaran dan realisasi bahawa pembaharuan memerlukan perubahan, persoalan mengenai cara bagaimana kita membawa diri sebagai sebuah negara.

Pucuk pimpinan pihak kerajaan harus menghadapi realiti-realiti baru. Saya percaya, sama seperti berjuta-juta rakan senegara saya, bahawa kita sebagai sebuah negara mempunyai keupayaan menghadapi cabaran perubahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa berucap di Dewan ini dua hari dahulu mengakui bahawa perlulah diambil langkah yang beliau kata unconventional. Saya menyeru supaya beliau mengambil satu langkah lagi dengan menterjemahkan sentimen-sentimen ini kepada tindakan konkrit, tindakan yang akan membawa kepada perubahan jati dalam pentadbiran negara ini. Langkah pertama adalah membina semua kredibiliti, ketelusan dan mengakui secara terbuka bahawa sehinggalah kerajaan menghormati rakyat dan tidak mencabul hak mereka seperti kelakuan oligarki, kita tidak akan dapat pulih dari luka-luka yang disebabkan oleh diri kita sendiri ini. Tanpa pemulihan keyakinan, maka tidak ada harapan untuk mencapai pemulihan. Keyakinan hanya akan pulih jika adanya kredibiliti. Maka kredibilitilah yang menjadi kuncinya.

Sekiranya Barisan Nasional benar-benar ingin menunjukkan kepimpinan moralnya, maka ia mestilah melaksanakan dasar-dasar yang berlandaskan konsensus kebangsaan. Saya mendesak supaya atas kepentingan kebangsaan diadakan satu

Konvensyen Semua Parti untuk menggariskan satu kontrak yang memenuhi harapan rakyat. Kontrak baru ini harus termasuk ciri-ciri:

- (i) menghormati kedaulatan undang-undang;
- (ii) badan kehakimam yang bebas, adil;
- (iii) Bank Pusat yang bebas;
- (iv) kebebasan berakhbar, dilindungi oleh Majlis Akhbar Bebas;
- (v) kebebasan berhimpun;
- (vi) akauntabiliti dan ketelusan awam dalam proses pemberian dan penggunaan aset awam - menghapuskan barah rasuah;
- (vii) menghapuskan undang-undang oppressive, draconian seperti ISA, OSA dan Printing Presses and Publication Act yang mencabuli hak asasi rakyat sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan;
- (viii) sistem periksa dan 'check and balance' untuk mengawal keganasan polis;
- (ix) panel bebas yang menjawab kepada Parlimen atas penggunaan dan pengedaran simpanan para pekerja yang diamanahkan kepada KWSP; dan
- (x) menubuhkan rancangan jaring keselamatan (safety net) untuk melindungi golongan tua dan kurang berdaya menerusi skim kesihatan kebangsaan.

Sebagai tindakan segera, kerajaan mestilah menimbang semula dasar-dasar ekonominya yang merosakkan dan tidak masuk akal ini. Tindakan bail-out mestilah diberhentikan. Entiti korporat yang bermasalah mestilah dilindungi oleh undang-undang Chapter 11 seperti yang ada di Amerika Syarikat untuk membantu mereka mengatasi masalah kewangan. Perbelanjaan awam mesti disalurkan untuk membantu pemulihan dan bukannya digunakan ke atas mahligai dan projek-projek besar yang lumayan yang mengheret negara ke masalah yang dihadapi kini. Lepaskan sekatan pertukaran mata wang asing dan membenarkan para pengusaha dan pengeksport kita menikmati keuntungan kadar pertukaran yang berkuasa persaingan. Gantikan kawalan modal yang membelenggu pergerakan dana jangka panjang. Kenaikan cukai ke atas pergerakan modal jangka pendek yang sentiasa bergolak. Menstruktur semula sistem kewangan dengan menyuntikkan modal ekuiti baru. Tiada lagi hutang yang besar. Menetapkan bahawa para pengurus korporat mesti bertanggungjawab ke atas tindak laku pengurusan mereka.

Apa yang digariskan oleh saya di sini bukannya berlandas retorik parti. Ia mewakili cubaan tulen untuk membentuk satu agenda yang diperlukan oleh rakyat. Sekiranya kita mahukan sebuah negara Malaysia yang baru, sebuah negara yang dihormati oleh masyarakat dunia dan progresif, berkomited kepada nilai-nilai asas dan sebagai satu model yang dicontohi ramai, maka kita mesti pertama sekali membersihkan sisa-sisa dan serpihan di rumah sendiri. Ya, perubahan akan memerlukan juga pengorbanan dan kesakitan tetapi ini merupakan satu pengorbanan yang kecil yang rela dilakukan oleh rakyat Malaysia. Tetapi persoalannya adakah Barisan Nasional bersedia berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita baca dalam surat khabar bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada memberi kenyataan mahu memberi keyakinan kepada semua pengguna bahawa KLIA adalah satu tempat yang selamat – ini berita dalam BERNAMA. Transport Minister, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik today quash talk at the KL International Airport in Sepang is not a safe place due to is a ledge close

proximity to pig farm affected by the viral encephalitis outbreak. Non of them is located less than 10 kilometers from the airport borders and curious mosquitoes cannot fly their farm. KLIA safe including the Sepang F1 circuit, beliau kata. Inilah betapa seriusnya virus out break, taurism, semua bidang dan KLIA. Dalam Ucapan Titah Diraja ada disebut mengenai pembinaan perasmian KLIA yang menunjukkan komitmen kerajaan dan negara kita untuk membina KLIA sebagai hak untuk pengangkutan 'air transport industry'? Adakah KLIA berjaya selepas sepuluh bulan dirasmikan?

Sebenarnya KLIA sudah menjadi satu beban (burden) kepada negara. Saya percaya apa saya kata sekarang semua ahli Parlimen bersetuju tetapi tidak berani kata sahaja, kalau boleh, saya percaya kita semua mahu guna Subang Airport bukan Sepang Airport. Oleh kerana begitu jauh, begitu inconvenient is a white elephant. Yang Berhormat dari Tambun kata, KLIA build for 300 years - untuk tiga ratus tahun - orang sudah mati. White elephant untuk tiga ratus tahun. KLIA bukan sahaja begitu inconvenient kepada semua pengguna, kepada pemimpin-pemimpin kerajaan, juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang sudah boycott KLIA - sangat jauh. Dia pergi Bangladesh - special jet, guna mana bukan KLIA, Subang Airport lebih senang. Dia pergi Haji - baru balik, dia guna apa airport - bukan KLIA, tetapi Subang, pergi-balik semua Subang more convenient - KLIA untuk rakyat lain. Untuk Perdana Menteri - Subang Airport. Saya pun mahu guna Subang Airport - kenapa? MAS - satu masa saya di sini telah buat cadangan semacam Penang - Penang route - Penang-KL - KL-Penang.

Sebelum pembukaan KLIA, one of the busiest route, saya percaya most busiest route satu hari mungkin ada lebih 20 flights. Sekarang KLIA, look, 20%, pay 5%, kenapa? Oleh kerana KLIA 'white elephant', 'white elephant' kepada semua orang, airlines dan pengguna-pengguna. Saya sudah cadang bahawa tanpa flight Subang Airport, sekarang dua flight satu hari, Penang-KL, KL-Penang. Kenapa tidak boleh tambah tiga kali atau lipat ganda enam flight, tidak mahu.

Sekarang saya dengar bahawa lagi dua tiga bulan, yang sedia ada dua flight Penang atau dari point yang lain yang menggunakan Subang Airport semua diberhentikan baharulah benarkan Perdana Menteri guna Subang Airport sahaja, semua orang guna KLIA. Apa guna membina berbilion-bilion ringgit sehingga menjadi satu 'gajah putih'. Sekarang takut nanti ada nyamuk .

Apa kita kluatir mengenai KLIA bukan nyamuk - tikus. Kerap kali berlaku kapal terbang tergendala, take off, dua tiga bulan dahulu, take off daripada KLIA mahu pergi Sydney, ½ jam lari balik oleh kerana ada tikus first class. Tikus KLIA ada choice, ada taste, dia pergi first class, dia tidak mahu pergi kelas yang biasa atau kelas ekonomi. Saya rasa perlulah, satu beban kepada semua pengguna, perlulah satu kajian yang mendalam khasnya dalam kemelesetan ekonomi, tidak menambahkan masalah semua penumpang. Saya percaya semua setuju tetapi diam-diam, tidak berani kata nanti 'old man' marah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu pergerakan reformasi ada parti Keadilan Nasional, tadi Yang Berhormat yang cadang usul ini cakap banyak mengenai parti Keadilan Nasional nampaknya begitu takut sekarang, mungkin malam mimpi keadilan, bukan mahu keadilan, parti Keadilan dan siang pun takut, apa pasal takut. Apa yang mustahak ialah kalau setuju dengan mengadakan keadilan masyarakat kita, ubahlah dasar-dasar.

Kita boleh bersama-sama, DAP rela bekerjasama dengan UMNO, MCA, MIC, Gerakan, atas persetujuan untuk keadilan, kebebasan, demokrasi, untuk good governance. Baik, sekarang kita dengar bahawa kerajaan sudah buat satu keputusan mahu mengadakan satu National Commission of Human Right tetapi adakah ini satu cara jujur, ikhlas untuk memperbaiki keadaan hak asasi di negara kita. Adakah ini satu

topeng untuk mahu tipu dunia dan rakyat bahawa kerajaan sekarang insaf mengenai betapa pentingnya untuk hormat hak asasi.

Kalau benar-benar satu usaha, satu langkah yang jujur bahawa kita mahu Malaysia, hak asasi di Malaysia naik satu tahap patutlah menjemput semua parti termasuk parti-parti pembangkang NGO-NGO, semua sektor masyarakat madani kita untuk bincang bagaimana kita buat dan bukan bagaimana hak National Commission of Human Rights, kalau tidak input daripada rakyat, tidak input-input daripada parti-parti yang lain, NGO-NGO, bagaimana boleh memperbaiki kedudukan hak asasi dan bukankah kita sudah sampai, tadi terdengar suara yang mendesak kerajaan menggunakan ISA, tangkap orang, lebih draconian kepada mereka yang kata begitu.

National Commission of Human Rights mana ada makna, semua guna ISA. Satu pihak mahu tubuh Suruhanjaya National Hak Asasi dan pihak yang lain mahu guna ISA tangkap orang. Apa erti ini? Kalau kita mahu National Commission of Human Rights bererti kita ada satu perbincangan bagaimana satu langkah demi satu langkah untuk membetulkan, untuk memperbaiki kedudukan hak asasi, tentu tidak berlaku semacam Dr. Chandra Muzaffar dibuang daripada Universiti Malaya, Director Centre of Civilizational Dialogue, apa salahnya?

Oleh kerana dia tidak begitu mirip dengan fikiran kerajaan yang memerintah, tidak boleh teruskan perkhidmatan dalam universiti, mahu semua orang boneka, mahu semua orang puppet dalam universiti. Patutlah kita memulakan satu zaman di mana ada dialogue, ada variety, ada diversity. Kalau kita National Commission of Human Rights bukan akan jadi satu mockery.

Pagi ini kita baca mengenai satu reaksi kerajaan kepada Suruhanjaya Diraja mengenai mata lebam bekas Timbalan Perdana Menteri. Seorang 'katak utama' kata mana boleh Suruhanjaya Diraja mengeluarkan kenyataan yang membayangkan ada orang dinamakan dan dicadangkan tindakan diambil terhadap beliau. Beliau kata kalau begitu, ini mungkin akan mempengaruhi Yang di-Pertuan Agong dalam tindakan yang sewajarnya.

Saya pun tidak faham perlembagaan. Mana ada keputusan Yang di-Pertuan Agong, keputusan kerajaan. Yang di-Pertuan Agong dalam perlembagaan tidak buat apa-apa keputusan sendiri sama ada mengumumkan laporan Royal Commission atau mengumumkan Royal Commission bukan keputusan Yang di-Pertuan Agong sendiri. Itulah keputusan kerajaan tetapi kita ada seorang 'katak' yang sekarang ini bertanggungjawab mengenai undang-undang dan keadilan dalam kerajaan, tidak faham basic constitution, tidak faham basic undang-undang dan kes itulah kalau kita ada orang semacam ini datang ke Dewan ini untuk menjawab dan bertanggungjawab mengenai law and justice, inilah jatuh mertabat Dewan yang mulia ini. Inilah desecrate kepada Dewan ini.

Saya harap bahawa tidak lagi apa-apa delay dalam pihak kerajaan untuk mengumumkan laporan Suruhanjaya Diraja mengenai black eye bekas Timbalan Perdana Menteri. Sudah begitu lama, 20 September, kenapa satu perkara yang sangat simple, siapa pukul, bila pukul, tidak perlu enam bulan, tujuh bulan. Kalau kita pihak pembangkang, saya rasa satu hari sudah diheret ke mahkamah, ini enam bulan, tujuh bulan, belum ada apa-apa tindakan dan sekarang kita tahu siapa. Kita mahu tanya kenapa Peguam Negara sudah lalai, negligent dalam menjalankan tanggungjawabnya yang diberikan kepada beliau dalam perlembagaan, untuk follow law and order, untuk menjalankan prosecution, kenapa belum ambil tindakan terhadap Tan Sri Rahim Noor yang beliau sendiri mengakui bertanggungjawab mata lebam Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

Adakah ini lagi satu contoh selective prosecution, adakah lagi satu contoh double standard Attorney-General? Kita lihat banyak contoh double standard selective prosecution Attorney-General dan saya harap beliau boleh memberi satu jawapan

sungguhpun dia bukan ahli anggota Dewan yang mulia ini tetapi letak satu kenyataan dalam jenis ministerial statement. Kenapa sampai sekarang belum ambil tindakan untuk tangkap, dakwa, penjara Tan Sri Rahim Noor, supaya tunjuk kepada negara, tunjuk kepada dunia bahawa dalam negara kita there is law dan bukan lawlessness, bahawa dalam Bukit Aman, dengan izin, the very inners sanctum of the police high command adalah custodian of the law dan bukan the very inner sanctum of the police high command, and not of lawlessness?

Sebenarnya Suruhanjaya Diraja, patut teruskan siasatan oleh kerana sungguhpun Tan Sri Rahim Noor ada mengakui bahawa beliau ialah bertanggungjawab atas mata lebam bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi kenapa untuk 5 hari tiada apa-apa layanan perubatan diberi, bukan seorang bertanggungjawab sahaja semua orang yang ada bersangkut-paut, semua pegawai tertinggi yang tahu bahawa apa yang berlaku pada malam 20 September tahun lalu ialah satu jenayah, satu kesalahan dan tidak dilaporkan, dan mereka tidak mengambil apa-apa tindakan supaya memberi bantuan, supaya Anwar Ibrahim dapat layanan perubatan, mereka cuai dan tindakan perlu diambil terhadap mereka semua.

Bukan semacam tindakan yang perlu diambil terhadap Tan Sri Rahim Noor ini, ditangkap, didakwa, dipenjara tetapi tindakan departmental patut dibuat supaya memberi satu contoh yang baik kepada semua peringkat pasukan polis bahawa tiada seorang yang boleh bertindak melanggar undang-undang. Kalau ada bertindak melanggar undang-undang sama ada melalui omission atau commission, tindakan setimpal patut diambil.

Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kenapa sampai sekarang jawatan Ketua Polis Negara belum diisi, kenapa Tan Sri Norian Mai tidak dilantik sebagai IGP?. Saya rasa ini patut dibuat selain daripada kerajaan ada sebab rasa beliau tidak layak dan kalau beliau tidak layak melantik seorang yang layak. Dalam saat ini apabila pihak polis menghadapi satu krisis keyakinan yang tidak pernah dialami dalam sejarah Malaysia, mana boleh Yang mat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam jawapan kepada saya dua hari yang lalu, berkata bahawa peristiwa pukul mata lebam bekas Timbalan Perdana Menteri oleh Tan Sri Rahim Noor tidak akibatkan satu krisis yang besar, bahawa ini adalah individual acts. Kita tidak boleh terima, rakyat tidak boleh terima kerana selain daripada individual acts ini, kita ada banyak senarai yang panjang mengenai penyalahgunaan kuasa mengenai brutality, keganasan, kekerasan pihak polis terhadap orang ramai.

Ada pun trigger happy, tembak-menembak, Bank Simpanan Nasional, seorang Kerani orang Melayu pun kena, tidak kira kaum, begitulah. Sebab itu kita mahu satu lagi Royal Commission Inquiry, ada orang kata DAP suka Royal Commission Inquiry, ya, oleh kerana kita mahu satu iklim politik yang bersih, baru orang yang takut mengatakan satu suasana politik yang bersih takut disiasat.

Adakan satu Royal Commission Inquiry mengenai segala kompelin penyalahgunaan kuasa pihak polis, kekerasan, keganasan, tembak trigger happy pihak polis supaya satu shake up dibuat di mana pihak polis dianggap sebagai kawan rakyat dan bukan musuh rakyat. Kita mahu pihak polis, semua enforcement agency, askar, penjara, semua ada tanggungjawab mereka. Mereka ada peranan yang penting dalam negara kita tetapi mereka tidak boleh dijadikan alat untuk pihak pemerintah.

Mereka ada tanggungjawab sendiri, barulah mereka boleh dapat hormat dari rakyat dan kita boleh bersetuju untuk menaikkan gaji pihak polis, penjara, askar tetapi kita mahu kecekapan, kita mahu integriti, kita mahu rasuah dibasmikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya harap bahawa di negara kita perlulah penal reform, penjara-penjara kita tidak setaraf dengan minimum international standard. Kita bukan satu negara yang mundur, satu hari Yang Berhormat Rompin masuk penjara, saya hendak tengok boleh ketawa atau tidak boleh ketawa. [Ketawa]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini bukan masa ketawa, bagi ...

**Tuan Lim Kit Siang:** You boleh kata tentu tidak masuk...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Nampak bila satu orang itu yang rapat dengan Yang Berhormat masuk dalam jel, nampak ada isu ini Yang Berhormat bawa, itu hak Yang Berhormat. Tetapi saya hendak tanya tentang isu Royal Commission tadi, Yang Berhormat menghendakkan transparency, sama juga salah guna kuasa, jangan ada kuku besi. Ini DAP pun kita banyak cerita, adakah Yang Berhormat Tanjong bersetuju ada Royal Commission juga untuk menyiasat masalah DAP?

Tunjuk diri bahawa kita transparent, kita percaya kepada isu-isu, saya akui hendak transparency, accountability betul tetapi tunjuk dalam parti itu sendiri sebagai contoh, barulah contoh itulah yang paling baik sekali, contoh Kepimpinan Melalui Teladan, minta sedikit pandangan Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh. Kita kemukakan satu usul untuk menubuhkan satu Royal Commission Inquiry untuk semua parti. *[Ketawa]* Takut kah? Semua parti Royal Commission Inquiry untuk memastikan menentukan bahawa parti-parti politik Malaysia boleh tunjuk teladan kepada dunia mengenai ketelusan, transparency, accountability. UMNO beranikah? Okay, kalau berani, nanti bila mesejuarat tangguh kita bincang mengenai usul dan hari Isnin kita boleh kemukakan, kalau pembangkang dan pihak memerintah sudah bersetuju tiada masalah, hari Isnin kita boleh ada masa untuk membahaskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang masalahnya di dalam DAP. Sebagai contoh buat dulu dalam DAP. Kita tiada masalah, tunjuk DAP itu sendiri. Yang Berhormat tadi saya kemukakan bahawa teladan itu sepatut jadi contoh dalam parti DAP sendiri. Ini yang belakang, sekarang okaylah Tanjong suka, besok belum tahu yang belakang ini. Belum tahu jadi calon, jangan ketawa. Cheras pun jangan lupa dapat jadi calon belum tahu. Besok dapat surat, gantung. Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** DAP tak ada masalah. *[Disampuk]* UMNO, MCA, Gerakan harap DAP ada masalah. Kita tahu ada satu komplot, satu konspirasi Barisan Nasional yang menggunakan mass media. Semalam kita tahu TV3, *News Straits Times*, *Stars* dan lain-lain mahu menjatuhkan, merosakkan nama baik DAP. Mahu menghancurkan nama baik DAP atau memberi satu gambaran kepada orang ramai bahawa DAP sudah pecah-belah, huru-hara. Tetapi malangnya tidak, DAP kuat. Ada segelintir orang dapat tempat yang istimewa dalam TV, dalam Barisan Nasional mass media

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...dan itu masalah kalau mahu banding, nanti, nanti, kalau masalah itu mahu banding dengan masalah yang dihadapi oleh UMNO, sedikit. Ahli UMNO keluar beramai-ramai masuk Reformasi masuk parti Keadilan Nasional.

Itulah apa yang perlu ialah satu Royal Commission of Inquiry untuk selamatkan UMNO daripada kehancuran. Tetapi televisyen TV3, TV1 dan TV2 dan surat khabar, mass media tentu tidak akan memberi liputan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua yang bangun. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti duduk dulu saya belum habis. Sebab itu apa yang perlu ialah satu Royal Commission Inquiry untuk selamatkan UMNO. DAP tidak perlu diselamatkan oleh UMNO. Kekuatan DAP daripada rakyat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Oh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kekuatan UMNO. Kedudukan Ahli-ahli Parlimen di sini ialah daripada Perdana Menteri.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan. **Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu tadi saya kata KLIA, semua setuju dengan saya, KLIA white elephant, tak ada orang yang berani kata.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah sebenarnya, nanti, saya habis dulu. Sebab itu jangan fikir boleh begitu senang mahu mewujudkan, menciptakan kacau bilau dalam DAP. Kita tahu cara-cara yang dibuat, kita tahu inilah satu track yang kita akan menghadapi awal. Dulu kita tunggu perkara ini berlaku masa kempen pilihan raya, sekarang sebelum pilihan raya sudah bermula bermula black operation.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak tanya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Black operation yang dilakukan oleh Barisan Nasional yang harap menggunakan ini untuk hancurkan parti-parti pembangkang. Tetapi ini bukan hari ini sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti-nanti. DAP sudah ada 30 tahun, kita sudah tengok segala taktik Barisan Nasional.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Meyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tahu, termasuk...nanti, mereka boleh berdiri

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mereka boleh berdiri. Kita tahu inilah intervention semacam ini antara trickly yang dibuat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Patutlah ramai Ahli DAP keluar, macam inikah dia handle mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu jatuhkan DAP, boleh terus mimpi.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Inilah denial syndrom.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Dia jadi pengerusi mesyuarat macam inikah, Bagan? Patutlah ramai lari dari DAP.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti. Kita percaya, masa sudah sampai rakyat tahu apa mereka patut buat masa buang undi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya minta penjelasan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Patutlah semua orang keluar DAP ini macam.

**Tuan Lim Kit Siang:** You boleh keluar, DAP tak apa, dan akhirnya sebelum oleh kerana.....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya Selangor, mahu jaga Selangor punya hal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana mungkin Yang Berhormat Rompin satu hari mungkin pergi penjara saya harap bahawa keadaan kedudukan penjara.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** DAP destroy all people. Denial syndrome

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita memperbaiki bahawa syarat-syarat kedudukan dalam penjara-penjara kita ialah....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sindrom penafian.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....selaras dengan minimum international standard supaya Yang Berhormat Rompin boleh rasa senang-lenang apabila beliau masuk sana.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagi ke tidak ni?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti-nanti dan Tuan Yang di-Pertua apa, sangat mustahak ialah kita jangan lihat masalah penal reforms satu isu yang ringan itulah satu isu yang mustahak oleh kerana ada orang kata oleh kerana Lim Guan Eng dalam penjara barulah saya timbul isu-isu keperluan penal reform, betul. Dulu saya tidak, dulu siapa ada. Saya ada mengakui oleh kerana saya pernah ditangkap, tetapi saya belum pernah pergi penjara. Saya pernah ditangkap di bawah ISA dua kali, saya rela kali yang ketiga, tak apa. Tetapi kalau Yang Berhormat daripada Rompin pergi, bukan ISA, tentulah penjara. [Ketawa] dan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** No point of order

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu buku yang baru, buku yang baru no point of order. [Ketawa]. Itu andaian

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order

**Seorang Ahli:** 36 (4)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk, 36 (6) ini hak saya, tolong duduk. Dia kata nak praktikkan demokrasi, memperaktikkan keadilan, contoh apa ini. Cakap tak serupa kini, kalau betul-betul percaya keadilan 36 hak saya duduk dulu, duduk dulu, Tuan Yang di-Pertua suruh dia duduk, hak saya 36(6).

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk Yang Berhormat dari Rompin supaya tidak dianaiyai di dalam penjara nanti, sehari pergi penjara.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Cakap tak serupa bikin, kalau betul-betul percaya keadilan 36 hak saya duduk dulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu arah Kerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini apa cakap keadilan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Abuse of power.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ini kuku besi, ini DAP kuku besi betullah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, apa dia point of order Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduk dulu

**Tuan Lim Kit Siang:** Abuse of process.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Duduklah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua suruh dia duduk, hak saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Undang-undang suruh dia duduk.

**Seorang Ahli:** Sebut dulu, sebut dulu.

*[Yang Berhormat dari Tanjong minum air]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh minum, mana boleh minum dalam Dewan Rakyat ini. *[Disorak]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini apa boleh minum, angkuh boleh minum, Tuan Yang di-Pertua, mana boleh minum dalam Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat,

**Seorang Ahli:** Perdana Menteri pun minum.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) - sangkaan jahat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minum pun tak boleh?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia menuduh saya, tak boleh minum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Perdana Menteri pun minum, tak ada kompelin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa... nak jadi Perdana Menteri ke? Inilah sebabnya, nak jadi Perdana Menteri oh.....inilah sebabnya tadi, cakap demokrasi, tuduh kita masuk jail, apa...ini denial syndrome DAP.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada hak untuk minum.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) sangkaan jahat tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dia buat andaian tu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak ada, tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukan dia kata Yang Berhormat pergi penjara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak kata, tetapi siapa boleh gerenti Yang Berhormat tidak pergi. *[ketawa]*. You boleh gerentikah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biar saya jawab dia....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payah jawab *[Ketawa]*.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...tetapi telah bagi peluang kepada saya, apa demokrasi, apa adil, menuduh berhujah tetapi tidak diberi peluang untuk debat ini. Apa demokrasi, apa adil ini. Cakap saja adil, demokrasi untuk menang pilihan raya. Ini saja saya cakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu ruang lebih demokrasi di negara kita, kita perlulah media massa yang adil, news paper, televisyen memainkan peranan mereka, dan bukan menjadi alat parti-parti komponen Barisan Nasional digunakan terhadap parti-parti pembangkang yang ada dibuat baru-baru ini. Saya harap bahawa semua media massa elektroknik atau cetak akan ingat tanggungjawab mereka bahawa mereka have a higher role and higher duty to the country. Kalau mereka mahu jadi patriotik kepada negara, buat contribution untuk membuka ruang kebebasan dan bukan menjadi alat parti pemerintah. Itulah bukan cara patriotik, itulah unpatriotic. Oleh kerana kata begitu, saya ingat dalam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa kita sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan sambung, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu hadapan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*